

Jilid II  
Bil. 9



Hari Jumaat  
18hb Mac, 1988

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:**

**Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:**

**Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Ruangan 1477]**

**Pembatalan Baki Cuti:**

**Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai**

**Y.B. Tuan Woon See Chin**

**Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed**

**Y.B. Datuk Paduka Daim Zainuddin**

**Y.B. Tuan Wang Choon Wing**

**[Ruangan 1478]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 1478]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) [Ruangan 1546]**

**Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) [Ruangan 1616]**

## KANDUNGANNYA—(*samb.*)

### USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
[Ruangan 1601]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KEDUA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DAIO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DAIO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DAIO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DAIO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAI, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

- Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.



## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

**Jumaat, 18hb Mac, 1988**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN  
TIMBALAN  
YANG DI-PERTUA**

**CUTI KEPADA AHLI-  
AHLI—KEBENARAN**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah perkara 52 (2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y.B. Tuan Karpal Singh bagi kawasan Jelutong dari 16hb Mac hingga 25hb Mac 1988 kerana Yang Berhormat di dalam tahanan.

**PEMBATALAN BAKI CUTI**

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah membatalkan baki cuti yang diluluskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut supaya mereka dapat hadir di mesyuarat Dewan ini mulai tarikh-tarikh yang dinyatakan:

1. Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai, Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.
2. Y.B. Tuan Woon See Chin, Timbalan Menteri Pendidikan.
3. Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Baki cuti mereka dibatalkan mulai 16hb Mac, 1988.

4. Y.B. Datuk Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan.
5. Y.B. Tuan Wang Choon Wing, Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

Baki cuti mereka dibatalkan mulai 17hb Mac, 1988.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**LEBUHRAYA KARAK-KUALA  
LUMPUR—PERBELANJAAN  
MEMBAIKI**

1. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kerjaraya menyatakan belanja yang ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk membaiki Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur. Siapakah kontraktor yang berjaya untuk kerja tersebut.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin menerangkan sedikit mengenai sejarah pembinaan jalan raya Kuala

Lumpur-Karak dan kerja-kerja yang sedang dilakukan sekarang. Sukalah saya nyatakan bahawa pembinaan asal jalan raya Kuala Lumpur-Karak sememangnya telah dirancang dengan teliti sebelum dilaksanakan. Kajian-kajian kejuruteraan awal yang terperinci telah dibuat dengan teratur dan rapi, dengan mengambil-kira faktor-faktor muka-bumi dan jajaran bagi menghasilkan rekabentuk yang sesuai dan lebih ekonomik.

Walau bagaimanapun, rekabentuk itu sememangnya dirancang untuk ditingkatkan tarafnya di masa-masa akan datang. Jalan raya itu telah siap pada tahun 1978 dengan perbelanjaan sebanyak \$176 juta yang telah dilaksanakan oleh tiga kontraktor iaitu Italian Thai, Korean Development Corporation dan juga Kuoyu. Oleh kerana jalan raya itu melalui kawasan berbukit-bukau, pembinaannya melibatkan pemotongan bukit-bukit, penambahan jurang-jurang dan pembinaan jambatan-jambatan, kerja-kerja yang sukar dilakukan dalam pembinaannya. Pemotongan bukit-bukit itu juga melibatkan perbelanjaan yang sangat besar. Kerosakan yang ketara berlaku di jalan raya Kuala Lumpur-Karak, ialah tanah runtuh akibat dari hujan lebat yang tidak diduga yang menghakis cerun-cerun. Memandangkan keadaan demikianlah Kerajaan menyediakan peruntukan untuk memperbaiki jalan raya itu supaya tidak lagi membahayakan pengguna-pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja yang sedang dilakukan sekarang ialah melandaikan sebanyak 158 cerun supaya lebih stabil. Di samping itu kerja-kerja perparitan juga dilakukan supaya aliran air hujan dan air bawah tanah tidak menghakis permukaan cerun. Kerja-kerja ini telah bermula pada 31hb Mac, 1986 dan dijangka siap pada bulan Ogos, 1988, dengan kos sebanyak \$46.02 juta, dan dilaksanakan oleh Malaysian-Thai Development. Sukalah saya

memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kerja-kerja memperbaiki cerun-cerun itu direkabentuk dengan jaminan selama 3 tahun. Selepas tempoh itu kerja penyelenggaraan perlulah dilakukan untuk mengekalkan kestabilan cerun-cerun tersebut.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah sebab Lebuhraya Karak/Kuala Lumpur ini kerap sangat dibaiki, tidak habis-habis dibaiki. Soalannya, sampai bilakah kita hendak baiki, apa yang dibaiki, bagaimana hendak elakkan daripada pembaikan-pembaikan yang berulang-ulang dan adakah Kementerian menyedari bahawa pembaikan jalan-jalan itu sering menimbulkan kemalangan? Apakah usaha dan cara yang dilakukan oleh pihak Kementerian untuk mengelakkan daripada kemalangan berlaku?

Soalan yang kedua, daripada senarai kontraktor-kontraktor yang telah dinyatakan itu, kenapa tiada kontraktor bumiputera, yang saya dengar Italian Thai, Korea, Kuoyu dan macam-macam. Jadi, saya hendak tahu apa sebabnya?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kerjaraya baru sahaja saya jelaskan mengapakah kita mempunyai masalah itu. Saya percaya Ahli Yang Berhormat mengambil perhatian dan Yang Berhormat juga melalui jalan itu. Kawasan itu bukanlah satu kawasan yang biasa, kawasan itu mempunyai banyak bukit-bukit. Jikalau mahu juga kita mengadakan satu aliran baru, saya percaya aliran baru itu dengan terowong dan lain-lain boleh memakan belanja lebih daripada \$5 billion untuk mengadakan satu jalan seperti jalan yang kita sedia ada. Oleh kerana itu jugalah pada masa Allahyarham Tun Abdul Razak telah merancang satu

jalan yang kita mengikuti dengan aliran yang sedia ada dan dalam rancangan itu kita tahu kita mesti mempunyai masalah-masalah seperti apa yang kita ada sekarang. Walau bagaimanapun, saya tidak boleh memberi satu jaminan, jaminan itu kita tidak ada masalah sama akan datang. Saya percaya sampai satu masa manusia ada di dalam dunia ini, masalah mesti ada. *(Ketawa)*

Yang kedua, jawapan untuk Ahli Yang Berhormat iaitu berkenaan dengan kontraktor. Pada masa itu kita mempunyai 3 kontraktor, ini lebih daripada 10 tahun yang lalu. Masa sekarang kita mempunyai ramai kontraktor-kontraktor bumiputera dan jadinya nama iaitu Malaysia-Thai bukanlah kontraktor daripada Thailand, nama sahaja Malaysia-Thai tetapi dipunyai oleh 100% bumiputera, Melayu asal. *(Ketawa)* Syarikat ini dipunyai oleh Melayu asal, bukanlah bercampur-campur dengan sesiapa.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, adakah beliau sedar bahawa Lebuhraya Karak/Kuala Lumpur tidak selamat kerana kerja memperbaiki Lebuhraya itu selalu dijalankan dan lagi satu bukti menunjukkan bahawa Lebuhraya Karak/Kuala Lumpur itu tidak selamat ialah bilangan kemalangan berlaku di Lebuhraya itu dan setiap kali satu kemalangan berlaku, maka banyak nyawa akan terkorban.

Kedua, bolehkah Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini sejak Lebuhraya itu dibuka untuk kegunaan, berapakah nyawa telah terkorban dalam kemalangan?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, angka-angka berkenaan dengan kemalangan yang telah berlaku di jalan raya itu saya tidak mempunyai sekarang. Jikalau Yang Berhormat beri notis, saya boleh beri keterangan.

Yang kedua, berkenaan dengan jalan raya yang sedia ada, saya tahu apakah masalah yang kita punyai, oleh kerana itu juga kita merekabentuk aliran-aliran baru untuk memperbaiki keadaan. Tetapi berkenaan dengan kemalangan yang telah berlaku di jalan itu, saya percaya ini bukan oleh kerana rekabentuk jalan itu, tetapi ini adalah juga kerana pengguna-pengguna jalan yang mengikuti jalan itu tidak mengikuti arahan-arahan yang telah diberi oleh Jabatan Kerja Raya. Walau bagaimanapun, saya percaya dalam masa 3 atau 4 bulan akan datang jalan ini yang kita sedang memperbaiki boleh menjadi satu jalan yang lebih baik untuk pengguna-pengguna jalan raya itu.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sedar bahawa kerja-kerja pemotongan bukit-bukau untuk membina dan memperbaiki Lebuhraya KL/Karak itu juga telah menyebabkan berlakunya perubahan musim hujan dan kawasan takungan hujan di kawasan sempadan Selangor dengan Pahang dengan sebab hujan yang datang daripada Laut China Selatan yang dahulu tersekat oleh banjaran gunung, tetapi sekarang telah dapat melintasinya dan turun dengan lebatnya di kawasan tersebut. Apakah usaha-usaha Yang Berhormat untuk mengatasi masalah itu kerana masalah itu adalah juga dilakukan dengan sebab kerja-kerja manusia?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apakah masalah-masalah yang pertama kita menghadapi dalam pembinaan atau memperbaiki jalan raya di Karak/Kuala Lumpur ialah masalah air seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Oleh kerana itu, dalam rekabentuk baru, kita membesarkan longkang-longkang yang sedia ada dan juga kita akan mengadakan lebih aliran-aliran untuk

mengatasi masalah daripada air hujan itu. Saya percaya dengan itu kita boleh juga menyelesaikan masalah yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

### ANGGOTA TENTERA LARI DARI TUGAS

**2. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah benar dakwaan ada anggota tentera lari dari tugas tanpa cuti rasmi kerana tekanan pegawai atasan. Berapakah jumlah anggota tentera yang terlibat dan apakah cara Kementerian untuk mengatasi masalah ini jika benar.

23-3-88

**3. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah tentera darat yang lari atau menghilangkan diri daripada bertugas sejak tahun 1985 hingga Disember, 1987. Apakah jenis pangkat mereka itu, serta kenapa mereka lari tanpa memberi sebab dan berapa ramai pula yang menyerah diri semula.

25-3-88

**17. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) sehingga sekarang berapa ramaikah tentera-tentera yang lari daripada perkhidmatan. Apakah sebab-sebabnya mereka lari; dan
- (ii) adakah di antara mereka yang lari itu melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang jahat seperti komunis dan lain-lain kegiatan jahat.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk dibenarkan menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan dari Maran yang dijadualkan pada 23hb dan 25hb Mac, 1988 kerana ketiga-tiga soalan ini bertanyakan perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Sememangnya terdapat segelintir anggota Angkatan Tentera yang meninggalkan tugas iaitu tidak hadir tanpa cuti dan bilangan mereka adalah kecil. Dari tahun 1985 hingga Disember 1987 jumlah anggota tentera yang tidak hadir tanpa cuti adalah seramai 851 orang iaitu 40 orang pegawai dan 811 anggota lain-lain pangkat. Dari jumlah ini seramai 355 orang (33 orang pegawai dan 322 orang lain-lain pangkat) telah menyerah diri.

Sehingga akhir Disember 1987, jumlah sebenar anggota yang masih tidak hadir tanpa cuti ialah seramai 496 orang (7 orang pegawai dan 489 orang lain-lain pangkat).

Mengikut kajian yang dibuat antara sebab-sebab anggota tidak hadir tanpa cuti atau tinggal tugas:

- (1) Tidak berminat lagi untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera.
- (2) Tidak dapat menyesuaikan diri dalam budaya kerja ketenteraan (tekanan jiwa).
- (3) Masalah peribadi dan keluarga yang tidak diselesaikan.

Setakat ini tidak ada anggota yang tidak hadir tanpa cuti terlibat dengan kegiatan-kegiatan komunis.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyenaraikan sebab-sebab mengapa Angkatan Tentera kita sebahagiannya—walaupun disebut bilangannya kecil tetapi angkanya

nampak besar—sebab-sebab yang diberi tetapi tidak menyebut masalah yang dikatakan tekanan-tekanan dari pihak atasan. Hal ini kita baca dalam akhbar-akhbar, sama ada betul atau tidak, wallahualam. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa salah satu peristiwa atau kes "Adam Rambo" yang berlaku di Chow Kit Road pada akhir tahun lalu menggemparkan negara dan itu adalah salah satu punca yang menyebabkan negara menjadi gawat dan juga berpunca daripada Perhimpunan UMNO yang dijangka pada 1 November dibatalkan. Saya minta penjelasan yang terperinci apakah sebenarnya sebab-sebab yang berlaku ke atas anggota-anggota tentera kita kerana anggota-anggota tentera adalah pasukan yang paling penting dalam negara kita dan mereka perlu diberi perhatian yang serius bukan sahaja dari segi kebajikan tetapi layanan yang sewajarnya sebab berdasarkan kepada pengorbanan mereka, kita harus memberi perhatian yang sewajarnya dengan tidak menafikan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi berlaku.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, banyak tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa anggota tentera yang tidak hadir tanpa cuti ialah oleh kerana tekanan pegawai atasan, tetapi apabila kita selidiki ini tidak jelas. Baru-baru ini dua keluarga telah berjumpa dengan pegawai saya dan apabila tuduhan-tuduhan itu dibawa ke hadapan mereka, seorang daripada ayah itu telah membenarkan anak yang seorang ini balik menjalani tugas sebagai anggota tentera dan satu lagi ayahnya sedang mengkaji untuk tempoh masa ini.

Berkenaan dengan kes "Rambo Adam" ini, Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum perkara ini sub-judice dan saya tidak berani menyebut.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu adakah benar anggota-anggota yang lari dari tugas itu kerana tidak mahu memanggil "Tuan" kepada pegawai yang lebih tinggi? Adakah masalah campurtangan orang luar menggalakkan anggota tentera tidak mahu patuh kepada perintah tentera dan apakah akibatnya kalau perkara ini berlaku?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa perkara ini berlaku, kalau Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang sah, saya ingin beliau memberi surat kepada Kementerian Pertahanan berkenaan perkara ini.

#### SISWAZAH SAINS DENGAN PENDIDIKAN

3. **Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana siswazah sains dengan pendidikan (bukan ditaja oleh Dermasiswa Perguruan) yang masih menunggu penempatan itu dapat diserapkan ke dalam Perkhidmatan Pendidikan memandangkan mereka yang memilih kursus ini sungguh berminat dalam kerjaya pendidikan.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini siswazah sains dengan pendidikan yang bukan pemegang biasiswa Kementerian Pendidikan tidak dapat diserapkan ke dalam Perkhidmatan Pendidikan, kerana Kementerian hanya mengambil siswazah dari lapangan tersebut yang diperlukan sahaja.

Walaupun bagaimanapun Kementerian telah memulakan rancangan untuk mengadakan kursus-kursus penyesuaian bagi siswazah sains dan matematik supaya mereka dapat

diserap untuk mengajar matapelajaran lain seperti Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris sebagai langkah sementara.

Sebagai langkah jangka panjang universiti-universiti tempatan telah diminta supaya mengurangkan atau menghentikan sama sekali Kursus Sains dengan Pendidikan kerana kursus ini diperkenalkan untuk melahirkan jumlah guru yang mencukupi dan oleh kerana guru dalam bidang sains ini melebihi kini kita telah menasihatkan universiti-universiti tempatan supaya menghentikan kursus tersebut.

**Tuan Chua Jui Meng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan sedar akan masalah kekurangan guru-guru bahasa Cina dan Tamil di sekolah-sekolah menengah? Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana mengambilkira permintaan ramai ibu bapa supaya kelas bahasa ibunda dimasukkan ke dalam jadual waktu sekolah.

Soalan saya, memandangkan terdapatnya siswazah-siswazah sains dengan pendidikan yang mempunyai kelulusan Cina dan Tamil, adakah pihak Kementerian akan mencadangkan mengambil guru-guru ini sebagai guru bahasa dengan menyediakan kursus orientasi bahasa terlebih dahulu untuk mereka, dan jika tidak, adakah Kementerian akan menimbangankan cadangan ini? Terima kasih.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Kementerian sedar bahawa terdapat kekurangan guru dalam semua bahasa, Bahasa Malaysia, Inggeris, Cina dan Tamil untuk kegunaan dan keperluan sekolah-sekolah dan sebahagian dari siswazah sains dengan pendidikan yang tidak diperlukan untuk mengajar bidang itu telah diminta supaya mengikuti kursus penyesuaian. Namun

tidak semua yang layak dan di kalangan yang layak tidak semua yang berminat untuk mengikuti kursus bahasa berkenaan kerana mereka tidak mendapat latihan formal dalam bidang tersebut. Walau bagaimanapun, saya sedia menimbangankan sekiranya ada kelayakan yang dimaksudkan itu.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa wujudnya lebihan guru-guru sains dengan pendidikan ini adalah disebabkan kerana perancangan daripada pihak Kementerian sendiri, yang satu ketika dahulu menggalakkan supaya orang ramai mengambil bahagian dalam jurusan sains sehingga tumpuan dan perhatian masyarakat ke aliran ini sangat berlebihan, akhirnya pihak Kementerian menghadapi masalah untuk menempatkan guru-guru dalam bidang sains dengan pendidikan ini akibat ramai bilangan-bilangan tersebut.

Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan pihak Kementerian telah mengarahkan pihak universiti-universiti supaya memberhentikan pengambilan dalam bidang sains, tidakkah ini satu masa nanti kita akan menghadapi masalah kekurangan guru sains pula?

Yang kedua, saya ingin bertanya baru-baru ini satu usaha sama dibuat dengan Kerajaan Indonesia di mana guru-guru sains daripada Malaysia dihantar ke Indonesia dan guru-guru bahasa dan sastera dari Indonesia dihantar ke Malaysia sebagai pertukaran guru. Satu ketika dahulu kita mengharapankan guru-guru sains daripada Indonesia datang ke mari. Jadi, tidakkah boleh kalau ada rancangan yang lebih menyeluruh supaya lebih ramai guru-guru sains ataupun calon-calon guru sains ini kita

hantar terus ke negara-negara yang memerlukan bantuan seperti Indonesia?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama ingin saya jelaskan bahawa pemberhentian kursus pendidikan, bukan kursus sains keseluruhannya di universiti. Ini adalah sebagai langkah sementara, kerana kita dapat guru yang berkelayakan untuk mengajar sains sekarang sudah melebihi 564 orang yang tidak mendapat pekerjaan. Tetapi sepertimana yang juga kita sedia faham, siswazah dalam lapangan yang lain juga sekarang sukar mendapat pekerjaan. Oleh yang demikian saya kira tidak tepatlah untuk dinyatakan bahawa perancangan Kementerian untuk menggalakkan anak-anak kita mengikuti kursus sains dianggap lemah kerana mereka diminta untuk mengikuti kursus sains dan tidak kesemuanya dalam bidang sains pendidikan, tetapi untuk memenuhi keperluan-keperluan perkembangan industri di lapangan sektor swasta lainnya. Memandangkan keadaan ekonomi yang lembab sedikit, maka permintaan untuk siswazah sains ini agak berkurangan. Namun petanda sejak akhir bulan Oktober yang lalu agak lebih membanggakan kerana jumlah permintaan siswazah sains dan kejuruteraan nampaknya bertambah.

Mengenai pertukaran guru sains Malaysia ke Indonesia, ini telah pun dipersetujui oleh kedua-dua Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Indonesia. Namun ada sedikit masalah teknikal yang menyebabkan rancangan kiriman kelompok pertama tahun ini ditangguhkan dan ini berhubungan hampir keseluruhannya kepada skim perkhidmatan dan gaji guru-guru sains Malaysia yang mahu dikirim ke Indonesia kerana pemerintah Indonesia hanya mampu membayar gaji yang sama dengan guru-guru

siswazah Indonesia lainnya, pada hal guru Indonesia yang datang bertugas di Malaysia akan dibayar sama dengan guru siswazah yang ada di sini. Oleh yang demikian perundingan dilanjutkan.

#### CARUMAN KWSP—PELABURAN

**4. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) jumlah caruman KWSP tahun 1985, 1986, 1987 dan anggaran caruman KWSP bagi tahun 1988, 1989 dan 1990;
- (ii) selain daripada pelaburan caruman KWSP dalam pinjaman Kerajaan Pusat, Bursa Saham Kuala Lumpur, Pembelian Hartanah dan Bangunan, apakah rancangan Kerajaan untuk melabur caruman para pekerja bagi menjamin pulangan pelaburan yang berpatutan dan tidak menurun;
- (iii) selain daripada rancangan pinjaman perumahan dari KWSP kepada pencarum, adakah Kerajaan telah menetapkan dasar mengeluarkan sebahagian wang simpanan pencarum untuk menunaikan fardhu haji bagi orang Islam dan tujuan pelajaran; dan
- (iv) adakah rancangan Kerajaan mengambil perhatian berat untuk kemungkinan membayar pencen atau bayaran persaraan kepada pencarum yang telah berumur 55 tahun iaitu dengan sebahagian wang simpanan dijadikan modal untuk bayaran saraan hidup tiap-tiap bulan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua:

- (i) Jumlah caruman yang diterima

oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tahun-tahun 1985 dan 1986 adalah masing-masing sebanyak \$2.730 juta dan \$2,950 juta. Bagi tahun 1987 pula, jumlah caruman mengikut angka yang belum diaudit lagi ialah sebanyak \$2,964 juta.

Dengan andaian kadar pertambahan sebanyak 6% setahun maka jumlah caruman bagi tahun-tahun 1988, 1989 dan 1990 adalah dianggarkan masing-masing sebanyak \$3,169.4 juta, \$3,359.7 juta dan \$3,561.4 juta.

- (ii) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Seksyen 4 (2) Akta KWSP memperuntukkan jenis-jenis pelaburan yang boleh dilakukan oleh KWSP, iaitu sekurang-kurangnya 70% dalam surat-surat jaminan Kerajaan dan bakinya dalam simpanan-simpanan tetap, pinjaman debentur, ekuiti, "Negotiable Certificates of Deposits" dan "Money Market Instruments". Pengagihan jenis-jenis pelaburan itu dapat menjamin pulangan yang berpatutan dengan risiko yang minima iaitu sejajar dengan kedudukan KWSP sebagai sebuah institusi amanah. Rancangan spesifik mengenai pelaburan yang hendak dilakukan oleh KWSP tidak wajar diumumkan.
- (iii) Kedua-dua skim pengeluaran yang dicadangkan itu telah dikenalpasti oleh KWSP dan ianya sedang dalam pertimbangan Kerajaan. (Sebenarnya, soalan ini telah pun saya jawab pada minggu lepas).

- (iv) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah peruntukan Seksyen 13A (1) (a) Akta KWSP 1951, seorang pencharum KWSP boleh memilih untuk menerima bayaran bulanan bagi menggantikan bayaran sekali gus (lump sum) apabila beliau mencapai umur 55 tahun iaitu umur persaraan.

Oleh kerana sudah terdapat peruntukan ini maka adalah dirasakan tidak perlu lagi untuk mengadakan bayaran pencen ataupun bayaran persaraan kepada pencharum-pencharum yang telah mencapai umur 55 tahun dengan menggunakan sebahagian wang simpanan dijadikan modal untuk bayaran saraan hidup tiap-tiap bulan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa ada kaitan jawapan yang ke empat ini. Soalan saya adakah pihak Kerajaan sedar ada kilang dan kilang perusahaan mengenakan caruman simpanan pekerjaannya dua kali iaitu satu untuk caruman KWSP dan satu lagi caruman untuk syarikat itu sendiri. Masalahnya begini iaitu satu syarikat namanya Dunlop Provident Fund Scheme iaitu duit itu dalam perjanjian pekerja, apabila mereka berhenti, duit itu akan dibayar, selain daripada yang diserapkan kepada KWSP itu menunggu 55 tahun. Tetapi sekarang ini mereka banyak yang telah dibuang pekerjaan dan mereka ini menuntut balik, tetapi pihak majikan enggan memberi wang DPF tersebut.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, kes yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Pantai tidak ada dalam makluman kita. Walau bagaimanapun, jika sekiranya timbul masalah yang serupa yang spesifik begini, saya ingat Yang Berhormat boleh membuat laporan kepada pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, saya rasa adalah elok

kalau sekiranya pada ketika begini pekerja-pekerja yang telah pun terkena dengan masalah yang tersebut membawa masalah mereka kepada pihak-pihak yang berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan S. S. Subramaniam.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan S. S. Subramaniam tidak hadir).

### SEKOLAH AGAMA RAKYAT— SUKATAN PELAJARAN

**6. Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Abdul Latif** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan dicapai oleh Lembaga Penasihat Penyelarasan dan Pendidikan Agama Islam (LEPPAI) dalam usaha menyelaraskan sukatan pelajaran sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menyelaraskan sukatan pelajaran sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara, pihak Lembaga Penasihat Penyelarasan dan Pendidikan Agama Islam iaitu (LEPPAI) telah berjaya menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Sukatan Pelajaran dan jawatankuasa ini telah pun menyediakan draf awal sukatan pelajaran Sekolah Menengah Agama Islam di bawah penyelarasan LEPAI.

**Tuan Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latif:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapa jumlah sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara yang ada sekarang dan berapakah kadar bantuan Kerajaan Pusat yang telah disumbangkan kepada sekolah-sekolah yang tersebut sehingga hari ini?

**Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya urusan membuat bancian mengenai dengan sekolah-sekolah ini adalah dibuat oleh bahagian Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan. Walaupun perkara itu saya boleh jelaskan di sini, saya berpendapat elok dirujuk kepada Bahagian Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan untuk mendapat angka yang terperinci.

### TULISAN JAWI PADA MATA- WANG KERTAS MALAYSIA

**7. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian bercadang menggunakan tulisan Jawi pada matawang kertas Malaysia seperti yang sebelum merdeka dahulu sebagai usaha menggalakkan penggunaan tulisan Jawi untuk terus tidak dilupakan oleh jenerasi muda hari ini, kalau ya, bila, dan kalau tidak, mengapa.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan menggunakan kepada tulisan Jawi kepada wang kertas Malaysia seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti sebelum apa-apa keputusan dibuat.

### LATIHAN PAYUNG TERJUN

**8. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Angkatan Tentera Darat akan mewajibkan latihan payung terjun kepada semua pegawai tentera dan pegawai kadet sebagai satu langkah mempertingkatkan kemahiran mereka dalam bidang ketenteraan. Jika ya, bilakah latihan ini akan dibuat secara menyeluruh dan jika tidak, kenapa.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ini Angkatan Tentera Darat telah

mewajibkan latihan payung terjun kepada semua peringkat anggota dalam Kor Rejimen Gerak Khas dan juga kepada Batalion Infanteri Para yang baru ditubuhkan yang mana ianya didapati bersesuaian dengan fungsi dan tugas operasi batalion tersebut. Latihan payung terjun untuk lain-lain pegawai Tentera Darat adalah secara sukarela, kerana Tentera Darat tidak berhasrat mewajibkan latihan payung terjun sebagai keperluan dalam kerjaya mereka.

Namun begitu, latihan payung terjun pertama untuk pegawai kadet Tauliah Jangka Tetap telah diadakan pada awal tahun 1988 sebagai projek perintis dengan bertujuan:

- (a) mencekal semangat keberanian.
- (b) mempertingkatkan keupayaan terhadap diri sendiri atau "confidence", dengan izin.
- (c) memberi kepakaran dan pengalaman khusus di bidang tugas yang akan diceburi mereka kelak, memandangkan dimensi udara dalam peperangan darat kian meluas.

Jika latihan ini mendapat sokongan dan bermanfaat, ianya juga akan dilanjutkan di masa-masa hadapan kepada pegawai Kadet Tauliah Jangka Pendek.

#### **PENGGAJIAN BUKAN WARGANEGARA**

**9. Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Buruh menyatakan bilangan majikan yang menggajikan pendatang-pendatang haram yang telah dihadapkan ke mahkamah sejak 1-1-1987 hingga 29-2-1988 dengan memberikan angka-angka bagi Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan majikan yang didakwa di bawah Akta

(Sekatan) Kerja 1968 kerana menggaji bukan warganegara dari 1-1-1987 sehingga akhir Januari 1988 adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Majikan Yang Didakwa</i>
1987	17
1988	1

(sehingga bulan Januari)

Kes-kes pendakwaan yang dinyatakan ini adalah merupakan kes-kes penggajian orang-orang bukan warganegara termasuk pendatang-pendatang tanpa izin.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sejauh manakah kebenaran alasan-alasan yang diberi oleh syarikat-syarikat perladangan yang besar-besar yang mengatakan bahawa syarikat mereka menghadapi masalah, jika sekiranya tidak dapat mengambil pekerja-pekerja seperti pendatang haram sekarang ini.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu sebenarnya ada juga kebenaran dari pihak pendakwaan majikan ladang-ladang ini iaitu sukar untuk mendapatkan pekerja-pekerja bagi ladang-ladang yang jauh terencil misalnya kalau ladang-ladang dan juga pembukaan ladang baru itu di kawasan yang sangat ulu, yang sangat jauh maka susah untuk mendapatkan pekerja-pekerja, kerana pekerja tempatan tidak berminat duduk dalam kawasan pekerjaan yang tidak mempunyai kemudahan seperti api, air, perumahan dan sebagainya.

Bagi ladang-ladang yang berhampiran dengan bandar dan kawasan-kawasan maju, masalah ini tidak begitu ketara, masalah yang

berat ialah bagi ladang-ladang yang terpencil seperti saya sebutkan yang mana memang sukar sekali untuk mendapatkan pekerja ataupun buruh malahan kalau tidak ada buruh yang seumpama ini bekerja tidak akan ada pembangunan dan juga kemajuan bagi kawasan ladang itu kerana kita sendiri tidak sanggup untuk melakukan pekerjaan ini.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pemborong-pemborong bagi projek-projek Kerajaan didapati juga menggajikan pekerja-pekerja pendatang haram. Kalau ada berapa ramai dan adakah pemborong-pemborong itu diblacklistkan, dengan izin, dan tidak akan diberikan kontrak projek Kerajaan lagi.

Yang kedua, memandangkan Kementerian Dalam Negeri mungkin mengadakan data-data pendatang haram yang lebih tepat, adakah Kementerian Buruh bercadang supaya mengadakan usahasama dengan Kementerian Dalam Negeri untuk mengenalpastikan pekerja-pekerja pendatang haram. Ini adalah sangat mustahak sebab pekerja-pekerja tempatan telah pun terjejas.

Yang ketiga . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dua cukuplah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini penting juga. Adakah Kerajaan bercadang untuk memberatkan lagi hukuman supaya menghalang majikan-majikan dari menggaji pekerja-pekerja pendatang haram.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya sebutkan tadi itu bukan terhad kepada pendatang tanpa izin sahaja tetapi mana-mana sahaja yang bukan warganegara yang bekerja

tanpa mendapat kelulusan di bawah Akta ini terlibat, tidak semestinya pendatang tanpa izin. Ada yang datang dengan masuk ke sini melalui visa lawatan biasa apabila habis tempohnya ataupun tidak mengikut syarat itu bekerja, itupun salah juga dari segi Akta ini. Jadi yang demikian kita tidak pula menyerbu ataupun mengadakan pemeriksaan mengejut kepada projek Kerajaan dan kita tidak ada angka-angka seperti Yang Berhormat hendak itu. Jadi bila ada laporan ataupun jika ada pemeriksaan mengejut khas di kawasan-kawasan binaan ini kita tidak kiralah projek mana-mana, projek Kerajaan ataupun projek swasta kita memang periksalah. Jadi, tidak ada data seperti yang diminta oleh Yang Berhormat itu.

Yang keduanya berkenaan dengan usahasama ini kita tidak perlulah usahasama ini diadakan. Kita tahu bidang kerja dan kuasa oleh Kementerian Buruh ini, kita melawat, memeriksa, membuat pemeriksaan khas di tapak-tapak binaan, ladang dan juga tempat-tempat pekerjaan. Ada majikan yang menggaji bukan warganegara, kita akan dakwa mereka mengikut peruntukan Akta ini.

Yang Ketiga, bagi menjawab soalan Yang Berhormat ini iaitu hukuman yang lebih berat, sebenarnya peruntukan di bawah Akta (Sekatan) Kerja 1968 ini sudah cukup untuk kita mendakwa dan kalau didapati bersalah menjalankan hukuman mengikut dengan peraturan ini kepada mana-mana majikan yang menggaji bukan warganegara tetapi suka saya ingatkan ini bukan khusus untuk pekerja-pekerja pendatang haram ataupun pekerja tanpa izin tetapi meliputi semua orang-orang yang bekerja yang bukan warganegara.

## PEMANDU PELANCONG

**10. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan dan

Pelancongan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada pemandu-pemandu pelancong yang memberi penerangan yang tidak betul dan mengelirukan dari berbagai aspek mengenai Malaysia terutama kepada pelancong-pelancong luar negeri. Jika sedar, bilakah perkara ini akan diperbetulkan.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak terdapat sebarang bukti yang nyata mengenai pemandu-pemandu pelancong yang memberi penerangan yang tidak betul dan juga penerangan-penerangan yang mengelirukan kepada pelancong-pelancong dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pemandu-pemandu pelancong ini pada keseluruhannya Perbadanan Kemajuan Pelancongan Negara ataupun Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia sentiasa menganjurkan beberapa kursus ulangkaji kepada pemandu-pemandu pelancong sejak tahun 1978.

Di samping itu juga Perbadanan telah, sedang dan akan terus menjalankan ujian-ujian kefasihan bahasa bagi pemandu-pemandu pelancong ini untuk menjamin agar penyampaian yang dibuat itu menepati seperti yang dikehendaki.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kelulusan asas yang dimestikan dan disyaratkan kepada pemandu-pemandu pelancong bagi memegang jawatan tersebut sepatutnya dari segi sejarah mesti ditekankan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ini bukan kerja dengan Kerajaan, ini kerja swasta, kita tidak ada menetapkan

kelulusan asas tetapi dari segi sukatan pelajaran ataupun sukatan kursus yang diberi kepada pemandu-pemandu pelancong ini agak memastikan bahawa setidak-tidaknya yang berkenaan itu mengetahui, pandai membaca dan sebagainya. Tetapi oleh sebab sukatan ini panjang, saya bolehlah beri kepada Yang Berhormat selepas ini kalau dikehendaki.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan peranan yang dimainkan oleh pemandu-pemandu pelancong ini penting dalam meningkatkan tarikan daripada luar negeri untuk datang ke negara kita, setakat ini sejauh manakah usaha yang dibuatkan oleh Kementerian Pelancongan dalam meningkatkan kefahaman pemandu-pemandu pelancong kita tentang kebudayaan dan lain-lain perkara yang penting dalam negara kita yang patut mereka ini faham sebelum orang luar negeri faham.

Dan soalan yang kedua, berapa ramaikah mereka ini telah didaftarkan oleh T.D.C. yang menjadi pemandu-pemandu pelancong dalam negara kita.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum seseorang itu diberi lesen, diberi kebenaran untuk menjadi pemandu pelancong, ianya terpaksa menduduki ujian. Ujian ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan sejarah dan sebagainya, termasuk juga kebudayaan dan sebagainya.

Begitu juga mengenai bahasa, kalau seseorang itu pemandu pelancong untuk bahasa Inggeris misalnya tak perlulah dia mengetahui bahasa Portugis dan sebaliknya kalau dia pemandu pelancong bagi orang Jepun misalnya, dia tak perlu pula tahu bahasa lain selain daripada bahasa Jepun. Jadi terpulunglah kepada

bahasa yang hendak diberi penerangan kepada pelancong-pelancong yang berkenaan tadi.

Dari segi bilangan yang berdaftar yang lulus, ertinya yang telah diberi lesen pemandu pelancong ialah sebanyak 1,786 bagi tahun 1987. Daripada jumlah itu, yang aktif 864, yang tidak aktif 556. Selain dari itu kita sedang gantung sebanyak 366 daripada 1,786 tadi.

#### LEMBAGA LETRIK NEGARA/ JABATAN POS—PENSWASTAAN

11. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) program utama dan insentif yang telah dicadangkan oleh Kementerian mengenai penswastaaan Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Perkhidmatan Pos; dan
- (b) kepentingan sampingan dalam jangkamasa yang panjang kepada Kerajaan dan pihak awam.

Setiasaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sendiri bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 14hb Mac, 1987 dan saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan ini.

#### ANCAMAN BANJIR— LANGKAH MENGATASI

12. Tuan Gerard Mat Lee Min minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) oleh kerana Malaysia sentiasa diancam banjir tiap-tiap tahun, sama ada Kementerian beliau bercadang merangka sebuah badan Penyelidikan kebangsaan mengenai masalah-masalah

banjir dan cara mengatasinya; dan

- (ii) jika tidak, mengapa dan jika ya, bila.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, di negara ini, kejadian banjir merupakan suatu masalah yang sentiasa berlaku dan Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab mengambil langkah-langkah yang perlu dan menjalankan projek-projek untuk mengurangkan kesan banjir.

Berikutan banjir besar tahun 1971, Kerajaan telahpun menubuhkan Suruhanjaya Tetap Bagi Mengawal Banjir dengan bidang tugas seperti yang berikut:

- (i) mengambil langkah-langkah pengawalan banjir dan mengurangkan berlakunya banjir; dan
- (ii) sekiranya berlaku banjir, mengurangkan kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

Di peringkat perlaksanaan, Jabatan yang bertanggungjawab untuk kajian, penyelidikan, perancangan dan pelaksanaan kerja-kerja pengurangan banjir adalah Jabatan Parit dan Taliair.

Selain daripada itu, Jabatan Parit dan Taliair juga menjalankan tugas ramalan dan amaran banjir supaya kerosakan akibat banjir dan kehilangan nyawa dapat dikurangkan apabila berlakunya banjir.

Oleh kerana jentera Kerajaan untuk mengawal banjir telah sedia ada, seperti yang telah dijelaskan, Kementerian ini tidak perlu lagi menubuhkan sebuah badan penyelidikan kebangsaan seperti yang dicadangkan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa salah satu ancaman banjir yang paling merbahaya sekarang ini ialah di antara sempadan negeri Thai iaitu Sungai Golok iaitu bersama dengan kawasan Pasir Mas dan Rantau Panjang? Banjir itu berlaku dan amat merbahaya oleh kerana negeri Thai telahpun membina benteng di sebelah kawasan negaranya yang menyebabkan air masuk ke kawasan negara kita iaitu kawasan Pasir Mas dan Rantau Panjang dan perkara ini sudahpun berlaku dua-tiga tahun dan ianya amat merbahaya sekali.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan telahpun mengarahkan satu kajian yang dinamakan Sungai Golok River Basin. Kajian ini sudah dua-tiga tahun lamanya tetapi saya tidak mendengar apa-apa laporan. Kenapakah tidak ada langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini dengan segera sebab saya bimbang ianya boleh membawa bencana dan malapetaka yang besar kalau banjir berlaku dan tidak dapat dikawal? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian tidak akan mengabaikan masalah-masalah yang boleh membawa kepada kerosakan nyawa dan harta-benda kepada rakyat jelata. Jadi dalam persoalan ini kita serahkan kepada Suruhanjaya Tetap bagi Mengawal Banjir untuk menyelesaikannya dan saya percaya Suruhanjaya ini tidak akan berdiam diri.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah salah satu sebab yang penting kenapa berlakunya banjir oleh kerana parit-parit yang ada sekarang tidak ada dibersihkan sejak berpuluh tahun. Saya tidak boleh bercakap mengenai kes di negeri-negeri lain, tetapi dalam Negeri Sembilan, saya tahu dan

ada pengalaman, banyak parit-parit yang tersekat dan tersumbat dengan lumpur-lumpur dan benda-benda lain. Saya tanya penduduk-penduduk di sana, mereka mengatakan sudah 30-40 tahun tidak ada seorangpun pegawai datang untuk membersihkan parit-parit itu. Sebab itulah banyak berlaku banjir di mana-mana tempat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu melaporkan secara khusus berhubung dengan hujah-hujah yang dibawa oleh beliau.

#### PELABURAN ASING— INSENTIF

**13. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) tentang kedudukan pelabur asing yang melabur ke negeri ini sejak 1hb Januari, 1985 hingga 31hb Disember, 1987;
- (ii) adakah insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia boleh menarik pelabur-pelabur baru ke negara kita; dan
- (iii) negara-negara manakah yang banyak melabur ke Malaysia dan dalam pelaburan apakah mereka melabur.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah ekuiti asing dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan bagi tahun 1985 hingga 1987 ialah \$1,599.4 juta.

Ekuiti asing dalam projek-projek perindustrian yang diluluskan semakin meningkat. Misalnya, ekuiti asing telah bertambah dari \$324.9 juta pada tahun 1985 ke \$524.5 juta pada tahun 1986 dan ke \$750.0 juta pada tahun 1987. Ini menunjukkan bahawa insentif-insentif yang diberikan oleh

Kerajaan Malaysia telah menyumbangkan untuk menarik pelabur-pelabur baru ke negara kita.

Negara-negara yang mempunyai ekuiti asing yang banyak di Malaysia bagi tempoh yang sama ialah Jepun (23.2%), Singapura (17.0%), Holland (11.3%), Taiwan (8.6%) dan Amerika Syarikat (7.2%).

Industri-industri utama dengan penyertaan ekuiti asing ialah industri barang-barang elektrik dan elektronik, industri pengilangan makanan, industri kelengkapan pengangkutan, industri barang-barang bukan logam, industri barang-barang getah, industri tekstil dan barang-barang logam dibentuk dan industri kimia dan barang-barang kimia.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian berkenaan sudah menerima maklumbalas bahawa usaha dan percubaan pihak Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan dari sumber-sumber asing telah dihalang oleh perkembangan politik di negara kita seperti krisis UMNO dan UMNO (Baru), juga seperti tahanan dan tangkapan beramai-ramai di bawah ISA, termasuklah penangkapan Yang Berhormat dari Tanjong. Ketua Pembangkang. Adakah benar?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mengikut perangkaan-perangkaan, itu bukan satu masalah.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Soalan tambahan. Selain daripada insentif yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang boleh menarik pelabur-pelabur, apakah Kementerian ini memikirkan bahawa kerana kestabilan politik Malaysia dan ketenteraman negara—yang walaupun diganggu oleh DAP (*Boo*) dan negara ini telah diselamatkan kerana tindakan kita menahan beberapa pemimpin DAP

(*Tepuk*) menyebabkan lebih ramai pelabur datang ke negara kita daripada angka-angka yang ditunjukkan oleh Timbalan Menteri tadi?

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan iaitu bagi menarik pelabur-pelabur ke Malaysia, itu bukanlah satu tanggungjawab Kerajaan sahaja bahkan ianya adalah satu tanggungjawab pihak Pembangkang juga. (*Tepuk*)

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana berjaya mendapatkan sebahagian besar pelabur-pelabur asing melabur ke negara kita ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada jumlah pelabur-pelabur tempatan juga meningkat daripada tahun 1985 hingga 1987. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa banyak rungutan-rungutan yang diperkatakan bahawa Kerajaan tidak berapa bersungguh-sungguh membantu pelabur-pelabur tempatan di dalam usaha-usaha mereka untuk mendirikan kilang ataupun perniagaannya, seperti bank-bank tidak berapa gemar untuk memberi pinjaman kepada pelabur-pelabur tempatan.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir soalan itu tidak bersangkut dengan soalan asal.

#### GURU-GURU—GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT

**14. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah garis panduan dan syarat-syarat kenaikan pangkat guru-guru di sekolah-sekolah Kerajaan. Sebab terdapat beberapa aduan dibuat oleh orang ramai dan masyarakat guru-guru berkenaan kenaikan pangkat

guru-guru tidak mematuhi peraturan-peraturan, bukanlah lebih adil semua syarat disenaraikan.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, garis panduan dan syarat-syarat yang digunakan dalam kenaikan pangkat guru adalah berasaskan kepada Skim Perkhidmatan berkenaan, seperti Perintah Am bab "A" dan lain-lain Pekeliling yang berkaitan dengan tatacara kenaikan pangkat. Di antara perkara-perkara yang diambil—kira dalam menimbangkan kenaikan pangkat seseorang guru itu ialah kebolehan, kecakapan, sifat-sifat peribadi, kelulusan serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi.

Seseorang pegawai dalam Kategori D1 yang telah disahkan dalam jawatan berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun diperakukan oleh Ketua Jabatan adalah layak dipertimbangkan ke Tingkatan Kanan dan seseorang pegawai dalam Kategori C1 yang telah disahkan dalam jawatannya, berkhidmat selama 6 tahun dalam jawatannya dan diperakukan oleh Ketua Jabatannya adalah layak ditimbang kenaikan pangkat ke jawatan Tingkatan Khas yang kosong dan seseorang pegawai dalam Kategori C2 yang telah disahkan dalam jawatannya berkhidmat selama 6 tahun dalam jawatannya adalah layak dipilih untuk dinaikkan ke jawatan yang kosong dalam Tingkatan Biasa A.

**Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini gerakan menaikkan pangkat guru-guru menimbulkan berbagai-bagai masalah oleh sebab ada guru-guru yang dinaikkan pangkat dan ditempatkan di sekolah-sekolah yang berhampiran dengan sekolah-sekolah asal mereka ataupun tempat tinggal

mereka tetapi ada pula guru-guru yang ditempatkan berjauhan di kawasan-kawasan pendalaman yang memaksakan mereka berpindah-randah dan terpaksa juga mereka menyewa rumah dengan kadar yang tinggi di kawasan-kawasan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah garis panduan yang menyebabkan setengah guru-guru ditempatkan di tempat-tempat yang sesuai bagi mereka dan setengah guru-guru ditempatkan berjauhan yang tidak memadai bagi kenaikan gaji yang mereka perolehi iaitu \$40 sahaja.

Soalan kedua, tiap-tiap kali yang kenaikan pangkat dijalankan oleh Jabatan-jabatan Pendidikan di peringkat negeri-negeri, kita dapati selepas atau hampir berakhirnya penggal pertama, guru-guru yang terlibat itu disusun semula ataupun ditempatkan semula ke tempat-tempat yang lain. Saya ingin tahu mengapakah perkara ini berlaku dan apakah tindakan dari pihak Kementerian supaya perkara-perkara yang begini tidak berlaku di masa-masa akan datang.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, kenaikan pangkat yang baru kita jalankan ini ialah untuk mengisi jawatan-jawatan kosong di sekolah-sekolah sama ada dibandar ataupun di pendalaman.

Sebelum mereka ditemuduga, mereka ditanya oleh pegawai-pegawai yang menemuduga adakah mereka sanggup sekiranya mereka dipindahkan ataupun ditukarkan ke sekolah sekolah di kawasan pendalaman? Sekiranya mereka sanggup, maka permohonan mereka akan ditimbang dan bagaimanapun Kementerian Pendidikan cuba menukarkan mereka ke satu tempat yang terdekat dengan rumah-rumah asal mereka. Sekiranya jawatan kosong di tempat-tempat yang

berdekatan rumahnya sudah diisi, maka mereka perlulah ditukarkan ke tempat-tempat yang lebih jauh dari rumah mereka.

Berkaitan dengan pertukaran selepas sesi pertama iaitu pada 1hb April ialah sebab pada bulan Disember, Kementerian Pendidikan ataupun Pengarah Pendidikan Negeri ada membuat exercise menukarkan guru-guru ke sekolah-sekolah masing-masing dan mereka adalah dibolehkan merayu kepada pihak berkenaan untuk ditempatkan ke sekolah-sekolah lain dan semua rayuan ini akan dikaji pada bulan Januari, Februari dan Mac dan satu keputusan akan ditetapkan pada bulan April dan sebab itu ramai guru-guru yang bertukar pada bulan Mei apabila sesi kedua dimulakan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawatan bagi Pertanyaan No. 5 dan 15 hingga 42 adalah diberi di bawah ini).*

#### **SETINGGAN MENDUDUKI TANAH KERETAPI TANAH MELAYU**

**5. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian memulih dan memindahkan beribu-ribu penduduk rumah setinggan yang telah didapati di atas tanah KTM; dan
- (b) memandangkan ada beberapa kilang-kilang dan industri-industri kecil terdapat di atas tanah KTM berapakah hasil yang diperolehi oleh KTM sebagai sewa tanah dari industri-industri tersebut dan bagaimanakah pihak KTM akan menyelesaikan masalah pemindahan industri-industri tersebut.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Pendudukan setinggan di atas tanah KTM adalah satu masalah yang dihadapi oleh Kerajaan. Pendudukan mereka berdekatan landasan keretapi amat merbahaya bukan sahaja bagi nyawa mereka sendiri tetapi juga menjejaskan keselamatan perkhidmatan keretapi.

Pada dasarnya KTM tidak bertanggungjawab untuk menyediakan tempat kediaman gantian kepada setinggan yang menduduki tanah KTM. Tetapi atas dasar perikemanusiaan KTM telah mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri dan Penguasa Tempatan, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bagi menempatkan setinggan atas tanah KTM ke dalam projek perumahan yang dibina oleh pihak berkenaan.

Adalah benar bahawa terdapat beberapa buah kilang dan industri kecil di atas tanah KTM. Sebahagian dari kilang dan industri kecil tersebut diberikan permit pendudukan sementara oleh KTM. Walau bagaimanapun terdapat juga bangunan-bangunan kilang yang telah dibina tanpa kebenaran dan ianya telah wujud sekian lama di tempat berkenaan. KTM dalam hal ini telah mengeluarkan notis am untuk kilang/industri kecil yang menduduki tanah KTM tanpa lesen ini supaya berpindah secara sukarela. KTM juga bertindak merobohkan sebarang struktur kilang/industri kecil yang baru dibina, iaitu sejak Jun 1984.

Hasil daripada penyewaan tanah kepada kilang, industri kecil, lapangan yad dan tapak semaian ialah lebih kurang satu juta ringgit (\$1,000,000) setahun.

#### **BAHAN BACAAN BERCETAK**

**15. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Penerangan

menyatakan cadangan hendak membantu agensi-agensi Kerajaan yang menerbit bahan-bahan bacaan untuk disebarkan dengan lebih luas lagi kepada orang ramai melalui unit penerangan bergerak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Kementerian ini melalui Jabatan Penerangan seperti masa-masa yang lalu memang mengedarkan bahan-bahan bacaan bercetak dari beberapa agensi Kerajaan melalui Unit-unit Bergerak Penerangan yang melawat ke seluruh negara.

Kementerian ini senantiasa sedia membantu mana-mana agensi Kerajaan dalam mengedarkan percetakan mereka dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat melalui Unit-unit Bergerak itu. Bahan-bahan bolehlah disampaikan kepada Jabatan Penerangan bila-bila masa sahaja.

### LESEN JUDI

**16. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa surat-surat kuasa yang diberi kepada kelab-kelab yang menjalankan kegiatan perjudian seperti "roulette" di Tanjung Aru dan Luyang (Kota Kinabalu, Sabah) ditandatangani oleh Pegawai Kanan Polis. Dan berapakah kelab-kelab di Sabah yang masih memiliki surat-surat tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak ada kuasa mengeluarkan sebarang bentuk lesen judi. Oleh itu dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Pegawai Kanan Polis mengeluarkan lesen-lesen perjudian di Tanjung Aru dan Luyang, Kota Kinabalu, Sabah adalah tohmahan yang tidak berasas.

### PERIKANAN LAUT DALAM

**17. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Pertanian menyatakan sejak Perdana Menteri kita bersama dengan Perdana Menteri Thai melancarkan gerak usaha menangkap ikan laut dalam bagi nelayan kedua-dua negeri tidak lama dulu, sejauh manakah sambutan para nelayan kita terhadap rancangan ini dan sejauh manakah latihan yang diberi kepada pelatih-pelatih dalam kaedah menangkap ikan laut dalam ini, setakat hari ini berapa ramai yang mengikuti latihan tersebut dan berapa ramai pula yang berjaya dalam usaha menangkap ikan laut dalam ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Sekaj projek kerjasama perikanan laut dalam itu dilancarkan, sambutan para nelayan tempatan untuk bekerja di atas bot-bot berkenaan didapati kurang memuaskan. Ini adalah disebabkan oleh kerana sikap nelayan-nelayan tempatan yang tidak mahu bekerja lebih lama di laut.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Kerajaan telah mengadakan Program Latihan Angkatan Laut Dalam. Ini bertujuan untuk mewujudkan nelayan-nelayan tempatan yang berdisiplin, tahan lasak, bersemangat dan rela berkhidmat di laut dalam. Setakat ini sejumlah 255 orang peserta telah mengikuti latihan tersebut dan bilangan yang tamat latihan sehingga kini ialah 88 orang. Sebilangan besar yang telah tamat latihan itu telah diambil bekerja di bot-bot tempatan yang menerokai laut dalam. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan di peringkat jabatan bagi mengesan kejayaan peserta-peserta yang telah tamat mengikuti latihan. Bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada peserta-peserta yang telah tamat mengikuti latihan, Jabatan akan mengenakan syarat kepada pemegang lesen laut dalam supaya memberi keutamaan pengambilan pekerja

mereka daripada pelatih-pelatih ANLD.

### SETINGGAN DI TANAH REZAB KERETAPI TANAH MELAYU

**18. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah bagi mengatasi setinggan di Tanah Rezab Keretapi Tanah Melayu (KTM) yang dianggarkan kira-kira 200,000 orang yang melibatkan lebih kurang 40,000 buah rumah yang mana pihak KTM telah mengarahkan mereka berpindah jika tidak rumah-rumah mereka akan dirobohkan.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Adalah benar bahawa KTM telah pun mengeluarkan pemberitahuan kepada semua setinggan yang menduduki tanah KTM supaya mereka berpindah secara sukarela. Sejak Jun 1984 KTM telah pun bertindak merobohkan bangunan-bangunan yang baru dibina termasuk bangunan tambahan kepada bangunan yang sedia ada.

Pada dasarnya KTM tidak bertanggungjawab untuk menyediakan tempat kediaman gantian kepada setinggan yang menduduki tanah KTM. Walau bagaimanapun KTM telah menjalankan beberapa langkah tertentu untuk menolong para setinggan mendapatkan rumah. Antara lainnya KTM telah mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri dan Penguasa Tempatan, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, bagi menempatkan setinggan atas tanah KTM ke dalam projek perumahan yang dibina oleh pihak berkenaan.

### LONTARAN BATU KEPADA KERETAPI

**19. Tuan Mohamad Subky bin Abdul Raof** minta Menteri Pengangkutan menyatakan punca serta sebab

selalunya orang-orang yang tidak bertanggungjawab melempar atau membaling batu kepada Keretapi Tanah Melayu, juga nyatakan jumlah penumpang yang mendapat kecederaan akibat lemparan batu itu dari tahun 1981 hingga 1987. Nyatakan juga di kawasan manakah yang sering berlaku kejadian tersebut serta apakah tindakan yang telah diambil oleh KTM bagi mengelakkan kejadian itu berlaku.

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, diperturunkan terlebih dahulu perangkaan lontaran batu dari tahun 1981 hingga 1987 seperti dikehendaki:

#### KES-KES LONTARAN BATU TERHADAP TREN

Tahun	Tidak Mengakibatkan Kecederaan	Mengakibatkan cedera	Jumlah
1981	75	26	101
1982	102	24	126
1983	74	33	107
1984	138	23	161
1985	146	9	155
1986	150	29	179
1987	153	20	173

Kejadian-kejadian lontaran batu ini tidak hanya tertumpu kepada sesuatu kawasan tertentu sahaja malah ianya berlaku di merata kawasan dan seringkali berlaku di kawasan-kawasan setinggan atau perkampungan yang bertempat berdekatan kawasan landasan keretapi di seluruh sistem.

Mengikut tinjauan pihak Jabatan Siasatan Jenayah Keretapi, kejadian melontar batu terhadap tren kebanyakannya dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 8 hingga 14 tahun. Selain dari itu, perbuatan melontar batu dikatakan adalah sebagai tindakbalas segelintir setinggan yang menduduki rumah berhampiran landasan keretapi yang marahkan kebisingan keretapi yang mengganggu tidur nyenyak mereka.

Beberapa rancangan telah dilancarkan dengan kerjasama Polis tempatan, Pentadbiran KTM dan penduduk-penduduk kampung sekitar landasan keretapi untuk mencegah kegiatan lontaran batu. Rancangan-rancangan ini termasuk perjumpaan serta ceramah mengenai bahaya melontar batu kepada penduduk di beberapa kawasan yang mana kegiatan melontar batu pernah atau kerap berlaku. Pemimpin-pemimpin masyarakat, Penghulu, Guru-guru Besar serta Imam-Imam Masjid telah diminta supaya menasihati kanak-kanak supaya jangan melakukan kegiatan seperti ini. Pihak Polis juga telah mengadakan rondaan serta pemeriksaan mengejut di beberapa tempat yang tertentu untuk mencegah kejadian lontaran batu di sekitar rangkaian landasan KTM.

#### SISTEM IMPORT A.P.

**20. Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan sistem import A.P. (Approved Permit) sebagai langkah pertama ke arah menandatangani perjanjian perdagangan dua hala (bilateral) antara Malaysia dan Republik Rakyat China supaya perdagangan secara langsung antara dua negara ini dapat dipertingkatkan.

**Dato' Kok Wee Kiat:** Kerajaan telah pun memansuhkan sistem A.P. yang dikenakan ke atas barangan-barangan import dari RRC berkuatkuasa mulai 3hb Mac, 1988. Susulan dari keputusan ini Perjanjian Perdagangan Duahala antara kedua buah negara akan ditandatangani pada 1 haribulan April, 1988 yang akan datang.

#### BANTUAN BULANAN GOLONGAN MISKIN

**21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan adakah benar

bahawa bantuan tetap bulanan yang diberikan kepada golongan miskin di seluruh negara sebanyak \$30.00 dan \$50.00 sebulan itu ditangguh pembayarannya beberapa kali dalam setahun terutama sekali menjelang akhir tahun, jika benar, apakah sebabnya yang berlaku demikian. Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan bantuan ini pada tiap-tiap akhir bulan. Beberapa banyak peruntukan ini dalam tahun 1987 dan berapa ramai golongan yang menerima bantuan ini bagi tahun yang sama di seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Peruntukan kewangan bagi bantuan bulanan untuk golongan miskin adalah dikendalikan oleh Kerajaan Pusat bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kadar bantuan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing adalah diselaraskan akan tetapi kadar yang dibayar oleh Kerajaan Negeri adalah berbeza mengikut kemampuan negeri yang berkenaan.

Tiap-tiap kelulusan bantuan yang diberikan adalah bagi tempoh di antara 3-6 bulan dan pembayarannya pula dibuat mengikut jadual yang ditetapkan oleh tiap-tiap Pejabat Kebajikan Masyarakat di dalam jangka waktu yang berkenaan. Adalah tidak benar bahawa bantuan kepada golongan orang miskin ditangguhkan pembayarannya beberapa kali dalam setahun.

Peruntukan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat pada 1987 ialah sebanyak \$10 juta manakala Kerajaan Negeri pula membelanjakan sebanyak \$17.4 juta bagi tujuan yang sama. Jumlah penerima bantuan di seluruh negara di bawah Skim Bantuan Kerajaan Pusat ialah seramai 23,830 orang manakala di bawah Skim Bantuan Kerajaan Negeri pula ialah seramai 54,321 orang.

## PROJEK IKAN AIR TAWAR

22. **Tuan Haji Mohamed bin Yaakob** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak projek ikan air tawar telah dimajukan oleh Kementerian ini, apakah pencapaian projek-projek itu, bagaimana sambutan orang ramai kepada projek itu dan kesan projek itu dari segi ekonomi.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan Malaysia berperanan untuk memberi perkhidmatan teknikal dan perkhidmatan am dalam bidang perusahaan perikanan termasuk perusahaan ternakair supaya dapat membaiki taraf sosio-ekonomi penternak-penternak ikan.

Sejak akhir Rancangan Malaysia Kedua sehingga Rancangan Malaysia Ke empat, Kementerian Pertanian telah melancarkan Rancangan Subsidi Menternak Ikan dan perlaksanaan secara besar-besaran telah dijalankan pada 1976 atas usaha Jabatan Perikanan.

Penyertaan orang ramai, terutama penduduk luar bandar terhadap projek-projek ini amat menggalakkan. Dalam tahun 1986, terdapat 16,825 penternak ikan airtawar di Semenanjung Malaysia dengan jumlah keluasan kolam, bekas lombong dan sangkar yang diusahakan ialah 3893.32 ha.

Dari jumlah tersebut seramai 15,388 terlibat dengan ternakan dalam kolam dengan keluasan 2544.33 ha, 841 terlibat dengan ternakan dalam bekas lombong (1298.18 ha), 596 terlibat dengan ternakan ikan dalam sangkar (0.81 ha).

Jumlah hasil dalam tahun 1986 ialah 4721.15 tan metrik dengan nilai borong sebanyak \$14,869,480 dan nilai runcit sebanyak \$20,250,680.

Kajian yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Ekonomi mendapati mereka yang menyertai projek ini telah berjaya menambahkan pendapatan para penternak khasnya penduduk di luar bandar, menampung keperluan makanan berprotein di kawasan luar bandar dan menambah peluang-peluang pekerjaan.

Selain dari itu, Jabatan Perikanan juga melaksanakan program-program pembangunan Ternakan Ikan Airtawar supaya dapat memenuhi keperluan orang ramai di bidang ini. Antaranya ialah:

### (a) Latihan

Sebuah pusat latihan iaitu Pusat Latihan Perikanan Darat di Anggor, Kuala Kangsar bagi melatih bakal-bakal penternak dalam bidang ternakan ikan airtawar. Di dalam tempoh 1980-1987 seramai 5,967 orang yang terdiri dari petani dan peladang telah dilatih oleh pusat-pusat tersebut. Kursus yang dikendalikan adalah sepanjang dua minggu dan sebanyak 14 kursus diadakan setiap tahun.

Latihan dalam bidang asuhan benih ikan airtawar juga dijalankan di Pusat Perikanan Airtawar, Bukit Tinggi. Latihan ini bertujuan melatih pengasuh-pengasuh yang boleh mengeluarkan benih-benih ikan airtawar bagi perusahaan akua-kultur airtawar.

### (b) Pembiakan Ikan

Sebanyak empat pusat pembiakan ikan airtawar telah didirikan oleh Kerajaan untuk menampung keperluan benih ikan airtawar oleh penternak-penternak ikan airtawar. Dalam tahun 1987, pusat-pusat tersebut telah berjaya mengeluarkan sebanyak 6 juta benih.

*(c) Skim Pinjaman Kredit Pertanian*

Sejak 1987, Jabatan Perikanan dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia telah melancarkan Skim Pinjaman Kredit Pertanian. Skim ini membolehkan penternak-penternak membuat pinjaman dari BPM dengan kadar faedah yang rendah bagi membangunkan projek-projek akuakultur. Ia dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kelima setelah Kerajaan memberhentikan bantuan subsidi.

**PENDIDIKAN KOMPUTER  
DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**23. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi menseimbangkan Pendidikan Komputer di antara sekolah-sekolah luar bandar dengan sekolah-sekolah bandar. Sehingga sekarang berapakah bilangan sekolah bandar dan luar bandar yang telah mengadakan pendidikan komputer.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari tentang kemungkinan ketidakseimbangan peluang pendedahan kepada komputer antara sekolah-sekolah luar bandar dan sekolah-sekolah bandar. Oleh yang demikian asas pertimbangan yang penting dalam Projek Percubaan "Pengenalan Kepada Komputer" yang telah dilaksanakan di 20 buah sekolah menengah di seluruh negara mulai tahun 1986 memberi keutamaan kepada sekolah luar bandar.

Dalam perancangan Kementerian Pendidikan untuk pelaksanaan penggunaan komputer dalam pendidikan secara lebih meluas, keutamaan akan juga diberi kepada sekolah-sekolah luar bandar.

Pada - masa sekarang pendidikan komputer di sekolah-sekolah adalah melalui kegiatan kelab komputer. Sekolah-sekolah telah menubuhkan kelab komputer atas inisiatif sendiri, kebanyakannya dengan bantuan kewangan dan kerjasama Persatuan Ibu-Bapa dan Guru. Ketika ini terdapat kira-kira 100 buah sekolah luar bandar yang telah menubuhkan kelab komputer berbanding dengan 400 buah di sekolah bandar.

**KAD PENGENALAN TIDAK  
DITUNTUT**

**24. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah Kad Pengenalan yang tidak dituntut pada masa sekarang dan sama ada benar atau tidak iaitu di antara sebab-sebab Kad Pengenalan tersebut tidak dituntut ialah Kerajaan tidak menghubungi si pemohon.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sehingga 31-1-1988 jumlah Kad Pengenalan yang tidak dituntut ialah sebanyak 3,390.

Kegagalan menuntut Kad-kad Pengenalan tersebut bukanlah disebabkan pihak Kerajaan tidak menghubungi pemohon-pemohon berkenaan. Jabatan Pendaftaran Negara terus menghubungi setiap pemohon Kad Pengenalan apabila kad tersebut siap disediakan. Jabatan Pendaftaran Negara juga menyediakan dan mempamerkan senarai Kad-kad Pengenalan yang telah siap di Pejabat-pejabat Pendaftaran Negara berkenaan.

**PELAWAT KEPADA TAHANAN  
AKTA KESELAMATAN  
DALAM NEGERI**

**25. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pelawat-pelawat kepada tahanan-tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhad kepada ahli-ahli keluarga, peguam-peguam mereka

sahaja dan bilakah perintah ini mula dikuatkuasa dan sama ada ianya akan ditarik balik. Jika ya, bila dan jika tidak, kenapa.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Perkara ini telah pun saya jawab pada 8-3-1988 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### UMNO—KEDUDUKAN HARTA

**26. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan akibat dari keputusan Mahkamah Tinggi mendapati UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sah:

- (a) kedudukan semua harta UMNO, adakah sebarang tindakan yang telah diambil;
- (b) kalau ada, senaraikan harta-harta itu. Kalau tidak, sila huraikan sebab-sebabnya;
- (c) taksiran nilai harta itu;
- (d) cara mana Kerajaan hendak menggunakan harta itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Akta Pertubuhan 1966 memperuntukkan bahawa semua harta pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya hendaklah diuruskan di bawah Sek. 17. Tindakan di bawah Sek. 17 Akta sedang diambil untuk menguruskan semua harta UMNO yang telah dibatalkan itu.

#### KILANG MENCETAK WANG KERTAS

**27. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kementerianya bercadang mencetak matawang ringgit di sini; jika tidak, mengapa; dan bolehkah beliau mengatakan kos untuk mencetak matawang kita di London.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, cadangan untuk mencetak wang kertas di Malaysia telah dikaji dan dipertimbangkan dari masa ke semasa. Faktor utama yang dipertimbangkan mengenai viabilitinya. Buat masa ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk mendirikan kilang mencetak wang kertas berkenaan kerana kosnya adalah terlalu tinggi.

Kos percetakan wang kertas adalah berbeza dari tahun ke tahun bergantung kepada jenis-jenis wang kertas yang dicetak dan harga tender. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1987 harga tender bagi percetakan wang kertas adalah kira-kira \$43.8 juta (£9.4 juta).

#### JEMAAH HAJI YANG SAKIT DAN MATI

**28. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah angka jemaah haji yang sakit dan mati pada tahun lepas;
- (ii) apakah langkah-langkah lanjut untuk meningkatkan lagi khidmat kesihatan pengawalan/penjagaan, tempat tinggal, pengangkutan, keselamatan dan lain-lain kemudahan kepada jemaah Haji menjelang Musim Haji tahun ini; dan
- (iii) adakah LUTH bercadang mengadakan Pusat Rawatan Khas bagi para jemaah sebelum dan selepas menunaikan Haji. (Sebelum mereka pulang ke rumah/Malaysia) memandangkan banyaknya terdapat kes-kes gangguan kesihatan terhadap Jemaah Haji bukan sahaja berlaku semasa jemaah menunaikan Haji. Sekiranya ya, apakah bentuk cadangan-cadangan tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):**

- (i) Dalam Musim Haji 1987/1407H yang lalu, bilangan jemaah haji yang sakit dan meninggal dunia ialah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Kategori</i>	<i>Bilangan</i>
1.	Pesakit Luar	91,826 orang
2.	Dimasukkan ke Hospital Malaysia di Aziziah	506 orang
3.	Kematian	113 orang

- (ii) Langkah-langkah untuk meningkatkan lagi khidmat kepada jemaah haji untuk Musim Haji 1988/1408H ini ialah:

**KESIHATAN**

*Di Malaysia*

- (1) Bakal-bakal Haji diberi suntikan Anti Meningococcal Meningitis sebelum berangkat ke Tanah Suci untuk mengelakkan dari dijangkiti oleh penyakit Meningitis yang telah menjadi wabak penyakit pada musim Haji 1407 Hijrah di Tanah Suci.
- (2) Melengkapkan petugas perubatan dengan pengetahuan-pengetahuan tentang penyakit-penyakit yang sering dialami oleh jemaah haji kita dan cara-cara merawatinya dengan memberikan mereka kursus-kursus dan taklimat-taklimat.

*Di Arab Saudi*

- (3) Menambahkan bilangan anggota rombongan perubatan dari

217 orang dari berbagai kategori pada tahun 1987 kepada 229 orang untuk Musim Haji tahun 1988.

- (4) Menambahkan peratusan petugas perubatan yang berpengalaman dari 37% pada tahun 1987 kepada 50% pada tahun 1988.
- (5) Menempatkan seorang Doktor di setiap Klinik Maktab di Makkah.
- (6) Menambahkan bilangan Klinik Zon di Madinah dari 3 kepada 5.
- (7) Menambah ruangan di Klinik Muaissim, Mina supaya lebih ramai pesakit boleh diberi rawatan.
- (8) Melengkapkan Klinik dan Hospital dengan alat-alat "sophisticated" seperti Defibrilator dan Monitor untuk mengawasi dan merawat pesakit jantung dan Reflotron alat untuk kajian darah.

**TEMPAT TINGGAL**

- (9) Menyewa rumah-rumah berhawa dingin yang baik keadaannya berasas kepada penggunaan dalam tahun 1985-87.
- (10) Rumah-rumah itu adalah yang terletak dalam kawasan 500-600 meter dari Masjidil Haram dan yang melebihi 5 tingkat perlu mempunyai lift.

*PENGANGKUTAN*

- (11) Mengaturkan jemaah Haji diangkut dari Makkah ke Arafah dan dari Arafah ke Mina/ Makkah dengan satu giliran sahaja.
- (12) Meminta pihak yang berkuasa memperuntukkan seberapa boleh, syarikat bas yang mempunyai pemandu-pemandu bangsa Indonesia bagi membawa Jemaah Haji Malaysia. Ini adalah disebabkan mereka boleh berbahasa Melayu dan kurang memberi masalah semasa dalam perjalanan.
- (13) Pihak yang berkuasa diminta supaya semua bas berhawa dingin yang digunakan oleh Jemaah Haji Malaysia mempunyai ruang barang yang luas.
- (14) Meminta pihak yang berkenaan memberi latihan kepada pemandu-pemandu mengenai jalan-jalan dalam kawasan Haji sebelum Musim Haji.

*KESELAMATAN*

- (15) Menyewa rumah-rumah tempat menginap Jemaah Haji Malaysia di dalam kawasan-kawasan yang selamat mengikut nasihat Kementerian Haji dan Wakaf serta Kementerian Dalam Negeri Arab Saudi.

- (16) Rumah Pejabat Maktab Tabung Haji dilengkapi dengan talian telefon bagi membolehkan hubungan serta merta di antara Ibu Pejabat dengan Pengarah-pengarah Maktab.
- (17) Mengesan semua tempat tinggal jemaah Haji supaya mereka senang dihubungi sekiranya berlaku sebarang peristiwa yang boleh mengancam keselamatan mereka.
- (18) Menasihatkan mereka supaya tidak mengambil bahagian dalam sebarang tunjuk perasaan atau kegiatan politik semasa di Tanah Suci.
- (19) Menyampaikan kepada jemaah Haji dengan serta merta sebarang amaran bahaya yang diterima daripada pihak yang berkuasa Arab Saudi supaya mereka boleh mengambil langkah menjaga keselamatan diri.
- (20) Tabung Haji sebelum Musim Haji mengadakan perbincangan dengan pihak Wisma Putra dan Jabatan Keselamatan Negara dan ketenteraman Awam Arab Saudi mengenai cara-cara menghadapi keadaan yang akan menggugat keselamatan jemaah haji dalam musim Haji kelak.

**LAIN-LAIN KEMUDAHAN**

- (21) Mengadakan perkhidmatan berikut di peringkat Maktab:

21.1. Khidmat Pakar Rujuk

21.2. Khidmat Kaunseling

21.3. Urusan mengeluarkan wang simpanan

21.4. Urusan bayaran Dam

- (iii) (1) *Di Tanah Suci*

Sejak tahun 1984 lagi Tabung Haji telah mengadakan Pusat-pusat Pemulihan jemaah haji di Makkah dan Madinah. Dengan adanya Pusat-pusat Pemulihan itu, jemaah haji yang dikeluarkan dari Hospital Malaysia atau Arab Saudi terlebih dahulu ditempatkan di pusat itu bagi tempoh 3 hari sebelum mereka dihantar balik ke rumah mereka di Maktab. Dalam tempoh 3 hari itu ditentukan mereka mengambil ubat yang diberi serta diberi makanan yang baik supaya mereka dalam keadaan sihat sebelum pulang ke tempat menginap masing-masing.

- (2) *Di Malaysia*

Memandangkan terdapat sebilangan jemaah haji yang balik dalam keadaan uzur, Tabung Haji bercadang untuk menumbuh-

kan sebuah Klinik Kesihatan di Kompleks Jemaah Haji, Kelana Jaya supaya mereka dapat diberi rawatan sebaik sahaja turun dari kapal terbang.

**BAHASA BAKU DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**29. Dato' Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahasa baku tidak digunakan dengan sepenuhnya di sekolah-sekolah sama ada di peringkat rendah, menengah dan tinggi, menyebabkan bahasa yang digunakan oleh murid-murid adalah berbagai-bagai mengikut loghat daerah masing-masing. Oleh itu, bilakah bahasa baku dapat dilaksanakan sebagai bahasa rasmi di seluruh negara dalam semua segi.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Sekiranya "bahasa baku" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah "sebutan baku" yang sedang diperkenalkan sekarang ini, maka Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa "sebutan baku" ini belum digunakan dengan sepenuhnya di sekolah-sekolah atau institusi-institusi pendidikan. Oleh itu langkah-langkah sedang diambil untuk memperluaskan penggunaannya. Penggunaan sebutan baku secara rasmi akan terlaksana apabila semua pihak telah didedahkan dan memahaminya secara menyeluruh.

**PROTON SAGA—SAMBUTAN**

**30. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan perdagangan Proton Saga sejak ia mula-mula diperbuatkan; nyatakan jumlah wang yang Kerajaan memsubsidiikan setiap tahun dan bilakah syarikat berkenaan dijangka

akan memperoleh keuntungan; nyatakan sama ada projek tersebut adalah viable atau merupakan pembaziran wang semata-mata.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Terbukti bahawa sambutan orang ramai terhadap PROTON SAGA sungguh menggalakkan. Sehingga akhir Disember 1987, sebanyak 56,527 unit PROTON SAGA telah dijual di pasaran tempatan. Manakala sebanyak 781 unit lagi telah dieksport sehingga 16hb Mac 1988. Dalam tahun 1987, PROTON SAGA telah menguasai kira-kira 78% daripada pasaran kereta tempatan yang sekelas dengannya.

Suka juga saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak memberi apa-apa subsidi kepada PROTON. Pelaburan yang dibuat oleh HICOM dalam projek kereta nasional merupakan pelaburan perniagaan biasa. Projek PROTON SAGA adalah satu projek industri berat yang melibatkan pelaburan modal yang besar. Projek seperti ini mengambil masa (long gestation period) bagi menghasilkan pulangan kepada pelaburan yang dibuat. Adalah terlalu awal untuk memperkatakan fasal keuntungan sekarang ini. Bagaimanapun berdasarkan kajian kemungkinan yang telah dijalankan, projek tersebut boleh berdayamaju (viable) dalam jangkamasa panjang. Insya Allah selepas tahun 1991 kita akan dapat melihat prestasi yang lebih baik dari PROTON SAGA, dengan usaha pemasaran yang lebih gigih yang dirancangan dari sekarang terutama pemasaran untuk eksport.

#### TAX STRUCTURE—KAJIAN SEMULA

**31. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan supaya mengkaji dan semak semula "tax structure" kerana harga barang-barang pembuatan tempatan harganya lebih dua, tiga kali ganda

berbanding dengan harga barang-barang serupa di pasaran antarabangsa, ini menyulitkan pengguna-pengguna dan juga ini menghalang kemajuan dan pertumbuhan ekonomi.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah luas sekali. Walaupun begitu, ingin saya memaklumkan bahawa harga barang-barang pengilangan adalah bergantung kepada banyak faktor di mana cukai merupakan satu daripadanya. Untuk menyatakan cukai sebagai perkara utama yang menyebabkan perbezaan harga, saya rasa perkara ini adalah keterlaluan. Faktor seperti kecekapan pengurusan, harga barangan, kos input dari luar negeri, kos buruh dan juga saiz pasaran tempatan ada kaitan dengan harga barang-barang pembuatan tempatan. Satu perkara yang mungkin memberi kesan atas harga barangan tempatan ialah perlindungan tarif kepada industri tempatan yang sedang membangun. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa pemberian perlindungan tarif ini tidaklah diberi sewenang-wenangnya. Sesuatu perlindungan tarif itu adalah hasil satu-satu kajian yang mendalam dan ianya hanyalah untuk peringkat awal untuk membangunkan industri tersebut dan tidak akan berkekalan.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa sektor pengilangan telah diberi banyak galakan sebagai usaha untuk menarik pelaburan. Kerajaan telah pun menyediakan banyak galakan cukai bagi membantu sektor pengilangan. Ini semua termaktub di dalam Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 di mana berbagai-bagai galakan dalam bentuk taraf perintis, elaun cukai pelaburan dan sebagainya bertujuan untuk mengurangkan beban cukai kepada pengilang-pengilang. Di samping itu dalam Belanjawan yang lepas Kerajaan telah memansuhkan cukai keuntungan berlebihan dan juga

Kerajaan sedang mengkaji struktur cukai syarikat dengan tujuan untuk mengurangkan beban cukai yang ditanggung oleh syarikat.

Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah positif bagi menjadikan negara ini pengeluar yang cekap. Oleh yang demikian, terpulangnya kepada pihak swasta untuk mempertingkatkan kecekapannya agar harga barang-barang pembuatan tempatan dapat bersaing dengan barang-barang luar negeri.

#### ANGKATAN TENTERA— PENYERTAAN BUKAN MELAYU

**32. Dr Tan Chew Peh** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) langkah-langkah konkrit untuk meningkatkan penyertaan kaum bukan Melayu dalam Angkatan Tentera dan Polis; dan
- (b) memandangkan penyertaan kaum bukan Melayu dalam tentera masih kurang memuaskan, adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan sistem kuota dalam perkhidmatan tentera.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

- (a) Dasar pengambilan tenaga manusia bagi Angkatan Tentera Malaysia adalah secara sukarela. Semua warganegara yang layak yakni memenuhi keperluan minima boleh memohon untuk diuji dan ditemuduga. Untuk menggalakkan lebih ramai penduduk dari semua kaum menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan:

- (i) Mengeluarkan iklan-iklan untuk mempelawa belia-belia yang berminat untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera melalui akhbar-akhbar seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, Shin Min Daily News, Tamil Nesan dan The New Straits Times.

- (ii) Membuat hebahan melalui radio dan televisyen.

- (iii) Mengadakan ceramah di sekolah-sekolah, pusat pengajian tinggi dan pertubuhan-pertubuhan sukarela.

- (iv) Mengadakan risalah kerjaya di dalam Angkatan Tentera kepada orang ramai.

- (v) Mengadakan pameran kerjaya apabila dijemput oleh pusat-pusat pengajian dan pertubuhan sukarela.

Dengan demikian penyertaan kaum bukan Melayu dalam Angkatan Tentera adalah terpulang kepada kesediaan mereka untuk berkhidmat. Dasar pengambilan kakitangan secara sukarela akan terus dilaksanakan.

- (b) Memandangkan Angkatan Tentera tidak menghadapi masalah dalam pengambilan tenaga baru. Kementerian Pertahanan akan meneruskan dasar-dasar yang ada sekarang, tanpa melibatkan apa-apa kuota mengenai pengambilan.

#### KELAPA SAWIT DAN PASARAN—ANCAMAN

**33. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah A.S.A.

(American Soya-bean Association) meneruskan ancaman kepada hasil kelapa sawit dan pasarannya, jika ada, apakah langkah dan tindakan yang diambil, selain dari perjalanan ke luar negeri oleh Menteri yang berkenaan, untuk melindungi perdagangan kelapa sawit dan pasarannya. Nyatakan adakah perlu Kementerian memberi nasihat kepada petani-petani kelapa sawit untuk menanam tanaman yang lain, jika tidak berikan alasan-alasannya.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik):** Jawapan bagi Bahagian pertama soalan ini telah diliputi semasa menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang dan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang pada 11-3-88. Saya telah pun memberikan penjelasan yang panjang lebar mengenai projek-projek menyelidiki ke arah membanteras tindak-tanduk Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) memburuk-burukkan imej minyak kelapa sawit.

Walau bagaimanapun saya suka juga menyentuh dan menjelaskan iaitu lawatan seorang Menteri ke Amerika Syarikat adalah perlu memandangkan pihak ASA telah menggunakan pengaruh politik kaum petani negara itu untuk cuba mendapatkan supaya diluluskan satu Rang Undang-undang yang akan menyebabkan minyak kelapa sawit, serta juga minyak isirong kelapa sawit dan minyak kelapa, dilebel dengan cara yang tidak adil sebagai lemak tepu dibungkusan-bungkusan makanan. Lawatan sedemikian secara langsung menyokong (complement) lain-lain tindakan yang diambil membanteras kempen ini seperti mengadakan projek-projek penyelidikan pemarkan untuk menjelas dan mengesahkan lagi kesan-kesan positif pemarkan minyak kelapa sawit, mengedarkan dan menerangkan maklumat-maklumat mengenai khasiat-khasiat minyak kelapa sawit

yang sedia ada serta mengambil khidmat sebuah Syarikat Perhubungan Awam untuk menasihati dan membantu melaksanakan usaha bagi pihak perusahaan minyak kelapa sawit Malaysia.

Memandangkan iaitu usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan menampakkan kesan-kesan anti minyak kelapa sawit dapat dibendung dan berdasarkan kepada hakikat iaitu kempen tersebut semata-mata merupakan satu dakyah yang tidak bertanggungjawab yang bertujuan mengelirukan pengguna-pengguna bahan ini, soal sama ada Kementerian Perusahaan Utama perlu memberi nasihat kepada penanam-penanam kelapa sawit supaya menanam tanaman yang lain tidak timbul langsung. Saya percaya perusahaan ini akan terus mempunyai masa hadapan yang cerah, cuma kita harus lebih berhati-hati kerana pihak-pihak lain seperti ASA berasa iri hati dengan kejayaan cemerlang yang telah kita capai mengatasi persaingannya yang terdekat iaitu minyak kacang soya di pasaran eksport di dalam masa yang singkat.

#### AKAUN TAHUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

**34. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menjamin bahawa Akaun tahunan dari setiap Jabatan Kementerian dan Badan Berkanun adalah "up-to-date" dan bersedia untuk diaudit tahunan dan bentang di Parlimen supaya "inordinate delay" selama sepuluh tahun yang telah berlalu sejak Merdeka tidak akan berulang.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Syarat-syarat penyerahan akaun tahunan Kerajaan Persekutuan adalah terkandung dalam Akta Acara Kewangan 1957 (disemak—1972)

manakala bagi badan berkanun ianya terikat dengan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Akaun tahunan Kementerian dan Jabatan Persekutuan adalah disatukan dalam Akaun Awam Persekutuan yang dibentangkan di Parlimen. Pada lazimnya, penyediaan akaun awam ini, yang agak besar saiznya, mengambil masa enam bulan untuk disiapkan sebelum ianya dapat diserahkan kepada Ketua Audit Negara untuk diauditkan. Selepas di audit dan memperolehi sijil Ketua Audit Negara, barulah ianya dapat dikemukakan kepada Jabatan Cetak Negara untuk dicetak. Beberapa aktiviti tertentu perlu dilalui dan proses percetakan sebelum ianya dapat diselesaikan dalam bentuk yang dikehendaki. Proses ini selalunya mengambil masa lebih kurang dua tahun. Sejak Merdeka, tiada terdapat Akaun Awam yang dibentangkan dalam tempoh melebihi 3 tahun dari berakhirnya sesuatu tahun kewangan. Akaun Awam bagi 1984 hingga 1986 telah dibentangkan dalam tempoh 11 bulan.

Mengenai akaun tahunan Badan Berkanun, Menteri yang bertanggungjawab akan memastikan bahawa akaun tahunan berkenaan diserahkan pada masa yang ditetapkan mengikut Akta-akta Badan Berkanun masing-masing. Pada amnya tempoh penyerahan akaun adalah antara 3 hingga 6 bulan. Bagaimanapun, atas persetujuan Menteri Kewangan, tempoh penyerahan akaun boleh ditunda ke tarikh yang lain.

Kerajaan Persekutuan sedar terdapatnya badan berkanun Persekutuan yang lewat mengemukakan akaun tahunan masing-masing pada masa lampau. Hasil dari langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Menteri-menteri yang bertanggungjawab, badan berkanun telah mengemaskini akaun

masing-masing dan 97% akaun tahunan 1986 telah diauditkan dan disahkan.

### JALAN AIR PANAS PORING DAN GUA GOMANTONG— MENGETAR

**35. Tuan Gerath Math Lee Min** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian bercadang mengetarkan jalan di Sabah yang menghubungi Air Panas Poring di Ranau dan Gua Gomantong yang menjadi tumpuan pelancong-pelancong; dan
- (b) jika tidak, kenapa dan jika ya, bilakah akan dilaksanakan.

**Dato' S. Samy Vellu:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang menghubungi Air Panas Poring dan Gua Gomantong adalah jalan Kerajaan negeri. Oleh itu tanggungjawab pembinaan adalah terletak pada Kerajaan negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saya telah difahamkan, Kerajaan negeri telah pun memulakan kerja-kerja mengetarkan jalan ke Air Panas Poring pada tahun 1987 dan dijangka siap pada akhir tahun 1988. Berhubung dengan jalan menuju ke Gua Gomantong saya telah difahamkan Kerajaan negeri belum ada cadangan untuk menaikkan tarafnya memandangkan jumlah lalulintas adalah rendah. Walau bagaimanapun jalan raya utama Persekutuan iaitu Sandakan/Lahat Datu sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada akhir tahun 1989. Dengan siapnya jalan raya itu perhubungan ke Gua Gomantong akan lebih cepat lagi.

### NILAI MATAWANG RINGGIT

**36. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang sudah, sedang akan

diambil untuk memperkukuhkan matawang ringgit kita. apakah nisbah kejatuhan nilai matawang ringgit berbanding dengan matawang AS\$, Paun Sterling, Yen, Mark dan ringgit Singapura dalam tempoh masa 1hb Julai 1987-31hb Disember 1987 dan juga dalam tempoh masa 1-1-87-31-12-87. Apakah sebab-sebab kejatuhan.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Jawapan kepada soalan yang sama bentuknya semalam telah menerangkan mengenai proses menentukan nilai ringgit dan usaha untuk mengurangkan kadar turun naik nilai ringgit yang besar. Jawapan juga telah menyentuh mengenai perhubungan kedudukan ekonomi negara dan nilai mata wang sesebuah negara.

Dalam tempoh 1hb Julai 1987-31hb Disember 1987 nilai ringgit telah merosot sebanyak 15.5 peratus terhadap nilai yen, 13.3 peratus terhadap paun sterling, 12.4 peratus terhadap deuschemark dan 4.5 peratus terhadap dolar Singapura. Walau bagaimanapun, nilai ringgit telah bertambah kukuh sedikit sebanyak 1.4 peratus terhadap dolar Amerika Syarikat. Bagi tahun 1987 pada keseluruhannya nilai ringgit telah merosot sebanyak 19.9 peratus terhadap yen, 18.2 peratus terhadap paun sterling, 14.9 peratus terhadap deustchemark dan 3.7 peratus terhadap dolar Singapura, manakala nilai ringgit bertambah kukuh sebanyak 4.4 peratus terhadap dolar Amerika Syarikat.

#### UMNO BADAN GABUNGAN BARISAN NASIONAL

**37. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Mahkamah Tinggi menafsirkan kehendak Akta Pertubuhan bahawa UMNO menjadi pertubuhan yang tidak sah disebabkan oleh sekitar 30 dari lebih 5000

cawangannya tidak didaftarkan dan tidak sah, adakah Barisan Nasional juga boleh menjadi badan gabungan yang tidak sah apabila didapati salah satu badan gabungannya iaitu UMNO tidak sah.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisytiharan Mahkamah Tinggi bahawa pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) adalah pertubuhan yang menyalahi undang-undang akibat mengujudkan cawangan tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan tidaklah melibatkan Barisan Nasional. Ini kerana UMNO hanyalah badan gabungan kepada Barisan Nasional, bukannya cawangan sepertimana peruntukan Sek. 12 Akta Pertubuhan 1966.

#### TERNAKAN LEMBU PAWAH

**38. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah hasil rancangan ternakan lembu pawah dan sambutan petani-petani mengenainya. Apakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan dan memperbesarkannya sebagai langkah mengatasi pengangguran.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Rancangan Pawah Lembu telah dimulakan di Negara ini sejak awal tahun 1960an lagi. Melalui rancangan ini, seorang penternak diberi pawah di antara 1 hingga 3 ekor lembu. Bagi tiap-tiap ternakan yang diterima, penternak lembu dikehendaki memulangkan kepada Kerajaan seekor anak lembu berumur kira-kira 2 tahun 9 bulan. Sambutan para penternak di dalam skim ini sangatlah menggalakkan. Hingga kini, seramai 113,760 orang penternak telah menyertai skim ini dan menerima 111,050 ekor anak lembu dan 31,150 ekor kerbau.

Kementerian dapati pemberian pawah sebanyak 1-3 ekor itu tidak memberi imek yang nyata dalam menambahkan bilangan ternakan dalam negeri. Oleh itu, skim ini akan dikurangkan pemberiannya secara beransur-ansur dan sebaliknya diganti dengan program yang diubahsuai mengikut pendekatan baru, iaitu bagi mewujudkan unit-unit penternak lembu bercorak komersial. Sasaran bilangan minimum ternakan ialah sebanyak 10 ekor bagi setiap penternak yang benar-benar berkebolehan dan berkelayakan. Sehingga ini, seramai 40 orang penternak telah mendapat manfaat dari skim yang diubahsuai itu.

Dari segi mengatasi pengangguran, terutamanya di kalangan siswazah Kementerian telah merangka projek-projek khas penternakan lembu dan biri-biri. Walau bagaimanapun, pelbagai bidang penternakan dan jenis peliharaan boleh diceburi dan diusahakan sebagai sumber pendapatan atau kerja, dan tidaklah terhad kepada skim-skim pawahan Kerajaan sahaja.

### SEKOLAH-SEKOLAH DI KOTA KINABALU—KEKURANGAN GURU

**39. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa buah sekolah rendah di Kota Kinabalu sedang menghadapi masalah-masalah seperti kekurangan guru, meja dan kerusi serta bilik darjah yang sesak. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengatasi masalah Sekolah Kebangsaan Tanjong Aru (Kota Kinabalu, Sabah) di mana terdapat kekurangan meja dan kerusi untuk murid-murid dan guru-guru dan beberapa kerosakan yang perlu diperbaiki ke atas sekolah tersebut.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian memang sedar bahawa pada mulanya SK Tg. Aru dan beberapa buah sekolah rendah di sekitar Kota Kinabalu menghadapi kekurangan guru terlatih, meja dan kerusi. Walau bagaimanapun masalah ini telah pun diatasi dengan menempatkan guru-guru sandaran tanpa latihan dan menghantar meja dan kerusi baru ke sekolah-sekolah yang berkenaan.

Saya juga suka menjelaskan bahawa di kawasan-kawasan tertentu, seperti Kota Kinabalu, sekolah-sekolah akan menjadi sesak oleh kerana sekolah-sekolah di kawasan tersebut tidak dapat menampung penduduk yang bertambah dengan pesatnya setiap tahun. Tambahan pula ramai ibu bapa, oleh kerana sebab-sebab tertentu, mahu anak-anak mereka bersekolah di sekolah-sekolah tertentu sahaja.

Bagi mengurangkan kesesakan yang wujud, Kerajaan telah dan akan membina sekolah-sekolah baru seperti:

- (1) SK Sambulan (telah digunakan)
- (2) SK Patutan (dalam pembinaan)
- (3) SK Bukit Padang (dalam pembinaan)
- (4) SK Pulau Gaya (dalam rancangan)

### BAHASA BAKU—PENGUNAAN

**40. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada pihak Kementerian telah mengkaji sedalam-dalamnya berhubung dengan pelaksanaan dan penggunaan bahasa "baku". Sekiranya sudah, apakah persediaan yang telah diatur dan apakah masalah yang dihadapi pada masa ini. Apakah rancangan-rancangan Kementerian pada masa-masa akan datang untuk

memperpastikannya bahawa pelaksanaan dan penggunaan bahasa "baku" ini betul-betul akan dapat tercapai dan pencapaian itu dapat dilakukan dengan secepatnya.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengkaji mengenai penggunaan sebutan bahasa baku untuk digunakan dalam sektor pendidikan.

Kementerian Pendidikan sedar terdapat beberapa masalah dalam pelaksanaan sebutan baku pada masa ini. Di antaranya ialah masalah kekurangan pendedahan yang cukup tentang peraturan dan cara sebutan baku yang betul. Keduanya ialah masalah belum atau tidak adanya penyelarasan penggunaan sebutan baku yang betul.

Untuk mengatasi masalah pokok tersebut, Kementerian Pendidikan telah mengatur rancangan dan strategi pelaksanaan yang menyeluruh. Antara rancangan-rancangan itu adalah:

- (i) Mengadakan kursus tentang pedoman dan cara sebutan baku kepada pelbagai peringkat tenaga pengajar, khususnya melalui maktab pendidikan guru, melalui kursus dalam perkhidmatan dan kursus intensif khas.
- (ii) Mengedarkan risalah-risalah atau buku panduan tentang pedoman cara sebutan baku yang betul kepada semua pegawai, pensyarah dan guru.
- (iii) Mengadakan siri penerangan tentang pedoman dan cara sebutan baku yang betul melalui perkhidmatan sebaran pendidikan, khususnya melalui radio dan televisyen pendidikan.

## SISWAZAH MENGGANGGUR

**41. Tuan Zubir bin Embong** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah siswazah mengganggu supaya ianya tidak menimbulkan masalah sosial yang runcing. Apakah Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah sekarang menampakkan kesan yang sedikit kepada masalah tersebut.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri: (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor):** Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang positif untuk cuba mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Sepertimana yang Yang Berhormat sedia maklum, langkah-langkah tersebut telah pun diterangkan beberapa kali di Dewan ini. Walau bagaimanapun, secara ringkas langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Program Peluang Pekerjaan Siswazah. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah menyediakan dan mengkaji program-program tertentu bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah.
- (ii) Skim Latihan Khas yang bertujuan untuk memberi latihan dan bimbingan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan supaya membolehkan siswazah menceburi bidang tersebut.
- (iii) Skim Penempatan di Syarikat-syarikat Swasta untuk membolehkan siswazah mendapatkan pengalaman bekerja dengan harapan mereka kemudiannya diserapkan secara tetap.
- (iv) Skim Siswazah Tanu. Skim ini memberi peluang kepada

siswazah menceburi dalam bidang pertanian.

- (v) Skim Khidmat Sambilan Skim ini merupakan satu Skim sementara di mana siswazah ditempatkan di pejabat-pejabat Kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri-negeri.
- (vi) Selain itu Kerajaan juga sedang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memulihkan keadaan ekonomi negara supaya banyak peluang-peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan terutamanya di sektor swasta yang mana akan memberi peluang juga kepada siswazah-siswazah mendapat pekerjaan.

Adalah terlalu awal untuk menyatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan hanya menampakkan kesan yang sedikit kerana kebanyakan usaha-usaha tersebut baru sahaja dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan kebanyakan daripadanya juga merupakan usaha-usaha jangka panjang. Selain itu Kerajaan juga memerlu dan mengalu-alukan kerjasama daripada semua pihak sama ada daripada sektor swasta atau individu dalam usaha mengatasi masalah ini.

#### DADAH BERBAHAYA—BILANGAN TANGKAPAN

42. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan tangkapan yang dibuat sejak pelaksanaan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 dan bilangan orang yang ditahan di bawah Akta ini;

- (b) bilangan pengedar dadah yang telah dihukum mati bagi tahun-tahun 1985, 1986, 1987 dan sehingga Februari 1988 dan bilangan orang yang digantung bagi tempoh tersebut;
- (c) sejauh mana undang-undang dadah kita yang ketat ini telah berjaya mengurangkan bilangan orang asing dan sindiket asing mempergunakan Malaysia sebagai tempat laluan untuk kegiatan pengedaran dadah.

#### Dato Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bilangan tangkapan yang dibuat sejak pelaksanaan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1984 ialah seramai 788 orang. Dari jumlah tersebut seramai 646 orang telah dikenakan Perintah Sekatan manakala seramai 54 orang telah dibebaskan tanpa syarat. Di samping itu seramai 72 orang yang ditangkap dalam tahun 1988 masih dalam siasatan.
- (b) Bilangan pengedar dadah yang dihukum mati dan yang telah menjalani hukuman gantung sejak tahun 1985 adalah seperti berikut:

	<i>Dihukum Mati</i>	<i>Menjalani Hukuman Gantung</i>
1985	32	3
1986	42	13
1987	39	17
1988 (Jan)	9	—
Jumlah	119	33

- (c) Dengan adanya undang-undang dadah yang ketat di negara ini

telah dapat mengubah kedudukan Malaysia sebagai tempat persinggahan untuk menyeludup dadah keluar negeri terutamanya ke negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Australia sama ada oleh sindiket-sindiket asing mahupun oleh rakyat Malaysia sendiri. Sindiket-sindiket dadah telah mula menjauhkan diri dari menggunakan Malaysia sebagai tempat persinggahan mereka. Keadaan ini dapat dilihat apabila pada tahun 1985 cuma hanya 2 kes percubaan menyeludup dadah keluar negeri oleh rakyat asing melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Pulau Pinang. Pada tahun 1986 dan 1987 tidak terdapat lagi kes-kes percubaan menyeludup yang melalui kedua-dua Lapangan Terbang Antarabangsa Malaysia.

Sehubungan dengan itu tangkapan rakyat Malaysia di negara-negara Eropah dan Australia sejak tahun 1985 telah menguatkan kenyataan bahawa para sindiket telah mengelak dari menggunakan Malaysia sebagai tempat berlepas. Dalam tahun 1985, dari 10 orang rakyat Malaysia yang ditangkap di negara-negara Eropah dan Australia, 8 orang daripada mereka berlepas dari Singapura, seorang dari Thailand dan seorang dari India. Pada tahun 1986 pula 4 orang rakyat Malaysia di tangkap di Holland dan Jerman Barat di mana 3 orang daripada mereka berlepas dari Singapura dan seorang dari Thailand. Sementara itu pada tahun 1987 seramai 6 orang rakyat Malaysia ditangkap di Australia, Holland dan Jerman Barat. Kesemua daripada mereka berlepas dari Singapura.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Mac, 1988)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memanggil Ahli dari Petaling Jaya untuk menyambung ucapan beliau, saya akan membenarkan beliau berucap sehingga pukul 4.30 petang dan setelah itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab hujah-hujah dalam perbahasan ini.

4.09 p.m.

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, saya agak keputusan Tuan Yang di-Pertua, menghadkan ucapan saya sehingga 20 minit sahaja tidak berapa cukup. Saya minta lebih sedikit dan tadi Tuan Yang di-Pertua pun ada bertanya dengan saya dan saya sudah memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa saya memerlukan lebih kurang satu jam untuk membuat ucapan saya. Saya harap Tuan Yang di-Pertua akan menggunakan budi bicaranya dan mengizinkan saya berucap.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya semalam. Saya sudah kata dalam satu negara yang mengamalkan prinsip demokrasi berparlimen, memang seringkali ada pertikaian kepentingan dan hak-hak di antara pihak, dengan izin, "His Majesty's Government and His Majesty's Opposition". Kadangkala seperti dalam kes UEM, dalam kes I.S.A.

habeas-corpus Karpal Singh, kes-kes ini akan diambil kepada mahkamah-mahkamah untuk suatu keadilan, untuk satu keputusan. Dan juga dalam demokrasi kita, adalah kes-kes rakyat lawan rakyat, kes-kes rakyat lawan Kerajaan. Pendek kata, kita perlu mahkamah yang memberi perlindungan atas hak-hak kebebasan daripada satu usaha pencabulan atau satu pencabulan dan satu hakisan oleh pihak-pihak yang berkuasa iaitu Eksekutif atau pihak-pihak Legislature.

Saya "quote" ini satu "quote" daripada keputusan dalam kes Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan melawan Sri Rempah Enterprise Sdn Bhd di mana pada masa itu "Lord Presidennya" iaitu sekarang Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Raja Tan Sri Azlan Shah ada berkata:

"The Courts are the only defence of the liberty of the subject against departmental aggression. In these days, when government departments and public authorities have such great powers and influence, this is a most important safeguard for the citizen, so that the Courts can see that these great powers and influence are exercised in accordance with the law."

Macam itu kuasa-kuasa mahkamah adalah satu batu asas demokrasi berparlimen di mana mahkamah-mahkamah diberi satu kuasa untuk bicarakan kes-kes dengan bebas. Kuasa-kuasa ini pun adalah diperuntukkan dalam Perlembagaan dan juga diperuntukkan oleh tradisi-tradisi "Doctrine of Separation of Powers" iaitu pemisahan kuasa-kuasa antara Legislature iaitu Parlimen, Eksekutif—Kerajaan dan juga Judiciary—Hakim-hakim.

Dalam Perlembagaan kita, Perkara 121 pun beri peruntukan ini dengan jelas kepada Hakim-hakim, dan

Perkara 122b Fasal (1), semua Hakim ini pun dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat dan "recommendation", dengan izin, daripada Yang amat Berhormat Perdana Menteri selepas rundingan dengan Majlis Raja-raja. Dan Perkara 123 dalam Perlembagaan kita pun sudah beri semua kelayakan mereka yang boleh jadi Hakim-hakim, iaitu sekurang-kurangnya setiap orang Hakim perlukan 10 tahun pengalaman dalam bidang kehakiman atau bidang perundangan, dan mereka pun perlu bermaruah tinggi, orang yang jujur, dan dapat penghormatan orang ramai dan Kerajaan serta pihak Pembangkang. Mereka sebelum ambil jawatan pun perlu membuat satu ikrar seperti berikut:

"I swear to carry out my judicial duties in that or any other office to the best of my ability and I will bear true faith and allegiance to Malaysia and I will preserve, protect and defend its Constitution."

Mereka faham tugas-tugas dan tanggungjawab mereka. Mereka adalah orang-orang yang bermaruah tinggi, yang akan memberi keadilan dengan tanggungjawab. Dan juga saya hairan, mengapa jika adalah orang yang dilantik atas "recommendation" dan nasihat oleh Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri-Perdana Menteri yang terdahulu tidak dipersoalkan tanggungjawab dan tugas-tugas mereka, maka mengapa hari ini kita mempersoalkan tugas-tugas. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya, ada yang bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sekejap, saya hendak tahu apa dia hendak.

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta jalan. Penjelasan.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri jalan.

**Dr Eng Seng Chai:** Kalau Tuan Yang di-Pertua beri injury time, bolehlah. Kalau tidak ada macam mana. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Boleh berilah. Saya sokong Tuan Yang di-Pertua beri injury time.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya ingat itu keputusan serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua, bukan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila teruskan.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya teruskan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Tidak, saya cuma cadangkan.

**Dr Eng Seng Chai:** Sorry. Maka semua Hakim-hakim yang ada hari ini yang memegang jawatan adalah orang-orang yang layak menjadi Hakim-hakim, yang mana tugas dan tanggungjawab mereka ialah untuk memberi perlindungan kepada semua rakyat tanpa mengira parti, kaum, agama dan lain-lain.

Dalam Perkara 8 Perlembagaan Fasal (1), kita akan sebut, dengan izin: "all persons are equal before the law and are entitled to the equal protection of the law." Saya tegaskan "equal protection of the law" tetapi hari ini kita dapat satu tuduhan, iaitu Hakim-

hakim kita pada hari ini sudah campur tangan dalam bidang politik, dan juga lain alasan, mereka adalah yang menyebabkan 300,000 kes-kes sekarang menjadi "backlog". Saya ingat ini adalah alasan-alasan yang sia-sia sahaja. Sebenarnya saya anggap adalah sebab dalam keputusan mahkamah baru-baru ini, satu dua tahun ini adalah berkaitan dengan parti UMNO dan lain-lain, di mana ada keputusan yang tidak memuaskan hati pihak-pihak Kerajaan, seperti dalam kes UMNO, kes A Team and B Team, dalam kes UEM, dalam kes Karpal Singh (I.S.A.), di mana keputusan barangkali tidak memberi puas hati kepada pihak-pihak Kerajaan. Tetapi semua keputusan ini dibuat mengikut keadilan, mengikut Perlembagaan, mengikut perundangan.

Tetapi hari ini kita punya doktor di negara ini, doktor-doktor sudah diagnos, dia sudah kenalpasti, memang ada penyakit antara para kehakiman, Hakim-hakim. Mereka kata Hakim-hakim sebahagiannya telah akan bersikap bermusuhan dan sudah campur tangan dalam hal-ehwal Kerajaan sebagai, dengan izin, "sabotage" keputusan-keputusan dan dasar-dasar serta pelaksanaan program Kerajaan. Tetapi ini hal kalau benar, memanglah ada lain-lain Perdana Menteri pun yang menyoalkan pada masa lalu. Sebenarnya pada hari ini Kerajaan ini terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah kehilangan keyakinan terhadap Hakim-hakim yang Yang Amat Berhormat "recommend" kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap perlantikan mereka.

Tetapi orang-orang ini semua "are the best legal brains", dengan izin. Maka saya ingat "diagnosis" atau kenalpasti oleh doktor kita yang kata mereka sekarang sudah jadi "opposition sympathizers", saya ingat ini tidak boleh diterima oleh pihak rakyat dan juga Pembangkang. Saya

hendak "quote", dengan izin, dari Bible: "We see the mote in other people's eye, but we see not the beam in our own" iaitu daripada Mathew, Chapter 7:3 dan diikuti juga, "Judge not lest ye be judged", dengan izin. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** Tuan Yang di-Pertua, point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, nanti sekejap. Point of order.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya merujuk kepada 35 (7), "Tuan Yang di-Pertua atau Pengerusi boleh menghadkan masa bagi Ahli-ahli berucap, jika perlu". Hujah saya, "jika perlu". Saya fikir perlu kerana Yang Berhormat telah berucap semalam agak lama, sekarang pun sudah. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya sudah buat rulling, sampai 4.30 sahaja, tidak boleh lebih.

**Tuan Hashim bin Safin:** Saya rasa Ahli-ahli Yang lain pun perlu bercakap kalau. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya sudah beri peluang kepada dia berucap sehingga 4.30 petang. Teruskan Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya minta "injury time", Tuan Yang di-Pertua. Sudahlah ada peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan yang sehingga hari ini pun ada, dengan izin, test after test, case after case, dan sekarang kita diberi notis sehari dua sahaja untuk bahaskan, meminda Perlembagaan Persekutuan dan juga macam hari ini, hak saya berucap pun sudah disekat. Macam mana kita hendak kata ada Demokrasi?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat teruskan, jangan hujjah-hujjah.

**Dr Eng Seng Chai:** Kita tidak boleh tuduh-menuduh hakim-hakim kita ada campur-tangan, "partisan politics", dengan izin. Sebenarnya mereka tidak ada. Sebenarnya Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri telah memaksa kakitangan mereka dalam pejabat-pejabat dan Kementerian-kementerian mereka bercampur-tangan dalam bidang politik! Dan memaksa mereka ambil ikrar setia, Semarak. Bukankah ini memaksa kakitangna-kakitangan Pejabat-pejabat Kerajaan dan Perbadanan-perbadanan Berkanun bercampur-tangan dalam politik?

**Tuan Hashim bin Safin:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, point of order.

**Tuan Hashim bin Safin:** Point of order 36 (6). "Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain". Yang Berhormat tadi telah mempunyai sangkaan jahat dengan menuduh Menteri atau Timbalan Menteri memaksa Pegawai-pegawai Kerajaan bersumpah setia, sedangkan ini adalah lahiran dari cetusan rasa Pegawai-pegawai itu sendiri untuk bersetia kepada Kerajaan yang bertanggungjawab. Ini adalah sangkaan yang jahat. Sila tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat jangan berucap.

**Tuan Hashim bin Safin:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Sebutkan apa peraturannya.

**Tuan Hashim bin Safin:** 36 (6), sangkaan jahat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Duduk. Teruskan Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta injury time juga. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya musuh bukan orang yang kritik-mengkritik, bukanlah para hakim. Yang jadi musuh sekarang adalah bayang-bayang sendiri, "your own shadow", dengan izin. Barangkali mereka sekarang sudah berkurangan sokongan daripada rakyat atau daripada keahlian parti sendiri, dan jika bukan, barangkali saya boleh anggap adalah sampai satu tahap di mana kita adalah satu Kerajaan yang sudah tamak lebih-lebih kuasa, dan dengan ini, "quote" yang sangat sesuai, "Power corrupts and absolute power corrupts absolutely", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tanya fahamkah mengapa hari ini para pelabur-pelabur asing dan tempatan tidak suka datang ke negara ini? Mengapa negara-negara berjiran hari ini ekonomi mereka lebih meningkat tinggi, lebih baik berbanding dengan kita. Dan pada satu masa dahulu, kadar ekonomi kita lebih baik dari negara-negara berjiran yang tersebut ini. Inilah sebab, hari ini ada kekurangan keyakinan dan kepercayaan dalam dasar-dasar Kerajaan dan juga dalam sistem politik kita, sistem politik demokrasi berparlimen. Sebab hari ini penghormatan tidak cukup diberi kepada Parlimen dan hari ini kita pun tidak memberi cukup penghormatan kepada hakim-hakim. Dan ini boleh dianggap sebagai satu hakisan peruntukan-peruntukan Perlembagaan, dan hari ini boleh dikatakan juga, "the rule of law", dengan izin, telah hilang dan sekarang digantikan, dengan izin, "the rule of man".

Saksikan pada tahun 1983, di mana kita dapat juga satu pindaan Perlembagaan Persekutuan di mana kuasa-kuasa Raja-raja dan Yang di-Pertuan Agong pun kena dihakiskan juga! Saksikan di mana di dalam kes-kes UMNO dapatlah para yang menang sekarang keluarkan ahli-ahli mereka sebagai bekas Perdana Menteri, Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman, Yang Amat Mulia Tun Hussein Onn sebagai ahli-ahli baru dalam parti baru. Juga dapatlah kita saksikan pada satu ketika, bulan Oktober 1987 sehingga Disember 1987, semua pengkritik-pengkritik Kerajaan pun kena tutup mulut, mata, telinga pun kena berkas dengan peruntukan ISA, iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri. Saksikan pada bulan Disember, 1987 kita ada buat pindaan kepada Akta Polis, Akta Penerbitan dan Percetakan, di mana sekarang suratkhbar pun takut dan sekarang pun ada suratkhbar yang diharamkan, bermakna tangan, kaki, mata, mulut, ditutup, kena ikat.

Juga sekarang kita sudah dapat tahu Mahkamah-mahkamah pun telah buat keputusan yang berat sebelah kepada Team B, sebelah kepada Karpal Singh dan sebelah kepada rakyat. Kita dapati hari ini satu cadangan, buat pindaan kepada Perkara 121 dalam Perlembagaan kita iaitu kuasa-kuasa Hakim-hakim. Di mana kuasa-kuasa ini akan diserahkan? Mereka akan diserahkan kepada Peguam Negara (Attorney-General), dengan izin, dengan satu pindaan kepada Perkara 145.

Inilah, Tuan Yang di-Pertua, satu trend, satu aliran, satu haluan di mana Kerajaan hari ini tidak ada toleransi kepada pihak-pihak pengkritik, pihak-pihak Pembangkang, dan juga tidak ada toleransi atas keputusan-keputusan Hakim-hakim yang mengikut tugas mereka, tanggungjawab mereka, peruntukan dalam perundangan dan Perlembagaan. Inilah satu trend Kerajaan

Barisan Nasional yang menganggap siapa yang kritik Kerajaan adalah seorang musuh sahaja, seorang pengkhianat sahaja. Ini sikap, dengan izin, "father knows best, all you children please keep quiet and sit down". Inilah, Tuan Yang di-Pertua, satu sikap yang tidak munasabah.

Sebenarnya mengikut "Long-fellow—the Peot", dengan izin, "none but yourself are your greatest foe". Mengapa saya kata begitu? Barisan Nasional adalah menjadi Kerajaan dan Kementerian-kementerian yang dibagikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun pegang jawatan Menteri Kehakiman dan juga jawatan Menteri Dalam Negeri, maka ini jadikan Yang Amat Berhormat sebagai seorang "prosecutor" dan "executioner" dengan peruntukan-peruntukan dan kementerian-kementerian mereka. Yang Amat Berhormat sudah jadi "prosecutor" dan "executioner" tetapi tidak cukup puas hati. Barisan Nasional hari ini, mereka nampak ada segelintir keputusan dalam mahkamah yang berat sebelah kepada yang lain daripada Kerajaan, mereka nampak sebagai musuh dalam bayang-bayang sendiri dan juga musuh dalam hakim-hakim. Dan hari ini dikatakan kita tidak boleh beri kuasa lagi kepada hakim-hakim, kita hendak tarik balik kuasa-kuasa ini. Tetapi kepada siapa kita hendak beri kuasa-kuasa ini? Kepada Attorney-General (Peguam Negara). Tetapi Attorney-General adalah seorang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri sendiri. Maka itu saya boleh anggap Attorney-General ialah Perdana Menteri, Perdana Menteri adalah Attorney-General sebab perlantikan ini disahkan oleh Perdana Menteri sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada dua minit lagi, injury time.

**Dr Eng Seng Chai:** Boleh. Saya ada sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, ada dikatakan, dengan izin, "power will intoxicate the best heart, as wine the strongest head, but no man is wise enough, no man is good enough, to be trusted with unlimited power". Tidak boleh kita percaya atau yakin seorang boleh diberi kuasa-kuasa yang tidak terbatas. Bolehkah hari ini kita percaya atau yakin seorang yang memegang kuasa-kuasa yang tidak terbatas begini?

Keputusan pilihanraya kecil kawasan Tanjung Puteri pun dengan jelas memberi satu amaran bahawa kita tidak boleh lagi percaya sebagai tamak-tamak kuasa sebegini. Dan juga pelabur-pelabur jika dengan kelulusan pindaan ini, akan percaya wang modal mereka tidak selamat dalam negara ini. Fasal apa? Kita dapati hari ini Kerajaan pun sudah campur tangan dalam bidang perniagaan melalui PNB, UEM, UDA, PETRONAS, ASN, PERNAS, Bank Bumiputra, Malayan Banking, UMBC. Dan memang sesiapa yang jadi pelabur-pelabur di negara ini pada satu hari akan sampai kepada tahap peringkat mahkamah-mahkamah dan jika pihak lawan adalah berkait dengan Kerajaan dan dengan pihak berkuasa, macam mana pelabur-pelabur asing atau tempatan akan menang kes-kes mereka, sebab sekarang Attorney General akan diberi kuasa namakan siapa hakim, namakan tempat dan namakan apa-apa pertukaran yang boleh dibuat. Memanglah kes-kes mereka akan kalah!

Tuan Yang di-Pertua, sebab masa tidak cukup, saya gulung. Dengan izin: "The administration of justice is the firmest pillar of Government"—this is by George Washington, seorang President—"the firmest pillar of Government", di mana kita perlu dapat dan nampak "the administration of justice", dengan izin, adalah "fair", adalah adil, adalah patut dan jika

tidak nampak ini, saya ingat sudahlah kehilangan demokrasi-demokrasi kita. Saya harap "trend" ini, aliran ini, haluan ini, tamak kuasa akan dihentikan, harus dihentikan dan saya seru kepada pihak-pihak Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, juga kepada golongan-golongan peguam dan semua rakyat sepatutnya menyuarakan bantahan atas pindaan-pindaan Perlembagaan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya quote lagi sekali: "Where law ends there tyranny begins" dan inilah satu "trend" kepada satu rule of tyranny by decree, kepada satu rule autocracy, rule by one man di mana ini satu jawatan adalah "Judge, Prosecutor, Jury dan Executioner" cuma seorang sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ada sedikit masa lagi, saya benarkan Yang Berhormat dari Keningau, selepas itu Yang Berhormat dari Mas Gading dan selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menjawab.

4.34 ptg.

**Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya. Walaupun saya faham bahawa masa yang akan ada pada saya ini tidak begitu lama, namun oleh kerana perkara yang di hadapan kita hari ini adalah satu perkara yang amat penting sekali bagi kita semua untuk memikirkannya dan membantu dalam soal menentukan apa yang sepatutnya kita hendak buat terhadap pindaan-pindaan Perlembagaan Persekutuan yang telah dibentangkan di dalam Rang Undang-undang di hadapan Dewan yang mulia ini.

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

Pada pendapat saya bagi negeri Sabah, satu perkara yang amat penting sekali diambil kira ialah mengenai dengan Fasal 3, 4, 5 dan 6 oleh kerana dalam hal ini perkara-perkara berkaitan dengan tanah yang mana adalah dalam bidangkuasa negeri telah pun disentuh. Ini telah menjadi satu perkara yang meruncingkan kepada orang-orang yang belum begitu faham tentang keadaan yang sebenar.

Dalam perkara ini, ingin saya menyatakan di sini bahawa masa yang diuntukkan kepada kami untuk meneliti cadangan pindaan ini tidak begitu banyak walaupun kita mengharapkan masa yang lebih boleh diadakan di masa-masa akan datang oleh kerana perkara-perkara mengenai dengan pindaan Perlembagaan adalah perkara yang amat perlu diteliti dan dibahaskan sebelum keputusan diadakan.

Dalam hal ini terpaksa saya bangun di sini untuk memberi penerangan terhadap pendapat saya mengenai dengan hal ini supaya rakyat di negeri Sabah tidak akan bimbang di mana perkara mengenai dengan tanah adalah satu perkara yang mereka tahu dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan sendiri. Setelah meneliti perkara ini, saya dapati memang ada perubahan di mana pada masa sekarang ini tanah yang dikehendaki atau diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan untuk maksud perkara-perkara persekutuan adalah diwajibkan untuk dikembalikan tanah itu setelah tujuan itu tidak lagi akan diteruskan dan dalam hal ini negeri yang berkaitan itu terpaksa juga membayar pampasan untuk mengambil balik tanah yang tersebut.

Dalam pengetahuan saya juga Kerajaan Persekutuan tidak boleh mengambil tanah untuk tujuan lain selain daripada tujuan persekutuan. Jadi dalam pindaan yang disentuhkan

ini adalah dimaksudkan supaya Kerajaan Persekutuan boleh menjual tanah yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan itu kepada pihak lain dan tidak lagi diwajibkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengembalikan tanah tersebut. Dalam hal ini kita teliti bahawa Kerajaan Persekutuan dibenarkan untuk menggunakan tanah itu untuk tujuan yang lain seperti apa yang kita ketahui untuk tujuan membangunkan perumahan dalam perkara menjalankan polisi penswastaaan atau privatisation.

Tambahan di dalam Perkara 83 hanyalah membolehkan Kerajaan Persekutuan berunding dengan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan sekeping tanah dan dalam perundingan itu ketetapan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Pada keseluruhannya nampaknya kuasa Kerajaan Negeri ke atas tanah itu tidaklah terjejas dan oleh kerana itu, Tuan Speaker, saya di sini ingin mengatakan bahawa saya menyokong cadangan pindaan yang telah saya sentuhkan tadi itu.

Satu lagi perkara yang nampaknya agak merungsingkan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, ialah berkaitan dengan cadangan meminda Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini sudah tentu sekali ada implikasi-implikasi yang harus diambilkira, oleh kerana itu saya ingin memohon membawa satu perkara di sini yang mana perkara ini adalah berkaitan dengan kewujudan Mahkamah-mahkamah anak negeri di Negeri Sabah. Mungkin juga di Negeri Sarawak dan kemungkinan berlakunya satu implikasi yang tidak begitu baik daripada segi pengwujudan Mahkamah-mahkamah anak negeri ini.

Saya mintalah dalam hal ini, perkara ini diambil kira supaya perubahan ataupun implikasi ini

dimasukkan dalam perkiraan sehinggalah tidak terjejas pengwujudan ataupun peranan Mahkamah-mahkamah anak negeri di Negeri Sabah. Sudah tentu sekali banyak perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tentang implikasi Perkara 121 ini, memandangkan ianya memang membawa perubahan berkaitan dengan penentuan di manakah letaknya bidangkuasa Executive dan Judiciary, tentu sekali perkara serupa ini adalah termasuk dalam isu-isu yang controversial. Namun demikian, semua Ahli-ahli Yang Berhormat haruslah meneliti dengan lebih mendalam lagi perkara ini dan memastikan bahawa implikasi-implikasi yang harus diambilkira itu dikemukakan sepertimana yang kita semua sedia maklum.

Dalam perkara pemindaan Perkara 145 yang mana telah dicadangkan tambahan Clause ataupun Fasal 3A, memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk menentukan Mahkamah untuk membicarakan kes-kes tertentu. Saya rasa ini adalah satu lagi perkara yang boleh dikatakan dalam "grey area", sama ada dia administrative or judicial. Jadi dalam perkara ini saya difahamkan juga bahawa ini telah membawa sedikit masalah daripada segi kelambatan kes-kes dibicarakan di dalam Mahkamah-mahkamah.

Kita semua sedia maklum bahawa memang banyak kes-kes yang belum diselesaikan, dan saya kira dalam satu cara kita mahu menentukan selain daripada memperbanyakkan Hakim-hakim di negara kita ini ialah supaya isu yang controversial di dalam "grey area" ini ditetapkan siapakah yang harus menentukan di mana tempatnya kes-kes itu boleh dibicarakan.

Dalam hal ini, ingin saya mengatakan di sini bahawa sudah sememangnya kita mesti menganggap Peguam Negara sebagai seorang yang

bertanggungjawab, bukan seorang yang "Ada udang di sebalik batu", sepertimana yang telah disentuh oleh satu daripada Ahli Yang Berhormat dari DAP kelmarin, yang mana sesiapa mengatakan dia boleh membawa kes-kes itu ke hadapan seorang "Judge yang friendly" dia kata. Dan dalam hal ini saya kira tidak seharusnya kita menganggap ada "ulterior motive" apabila kita menentukan satu undang-undang seperti ini di mana adalah terletak di dalam "grey area" sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Jadi, dalam hal ini apabila kes-kes tertentu dihadapkan di dalam Mahkamah, di mana-mana satu Mahkamah pun kita juga menganggap semua Hakim-hakim yang membicarakan hal-hal itu adalah Hakim-hakim yang bertanggungjawab dan justeru itu tidak adalah sepatutnya syak-wasangka terhadap satu perubahan yang telah dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, mengenai dengan perkara-perkara yang lain, saya kira tidak ada masalah bagi saya, dan justeru itu saya di sini ingin merakamkan sokongan saya terhadap Rang Undang-undang ini. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Mas Gading.

4.47 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Mas Gading):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul bahawa Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) tahun 1988 dibaca kali yang kedua sekarang.

Saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan ini kerana ada kebimbangan di sana-sini di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pendahuluan Perlembagaan Persekutuan adalah satu-satunya Rang

Undang-undang yang teragung di Malaysia, segala pindaan atau pertukaran kepada undang-undang yang suci dan begitu penting seperti itu seharusnya dikaji dengan teliti, dibuat selepas rundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam Persekutuan sekiranya pindaan demikian menyentuh hak-hak Kerajaan-kerajaan Negeri atau perkara-perkara yang diletakkan di bawah, dengan izin, "State List" atau Perlembagaan-perlembagaan Negeri-negeri berkenaan. Dalam hal ini Bil pindaan Perlembagaan 1988 telah dikeluarkan pada hari Selasa, 12hb Mac 1988 ini untuk dibentangkan minggu ini dengan tidak cukup atau tidak ada masa langsung untuk Ahli-ahli Parlimen membincang dengan pengundi-pengundi mereka atau untuk Kerajaan Negeri memperkembangkan implikasi-implikasi pindaan yang menyentuh isu tanah Kerajaan Negeri. Nasib baik saya dapat pulang ke Sarawak dengan mengukur pandangan rakyat tempatan dan pertimbangan pandangan mereka, dengan ini membolehkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini.

Perkara pertama pembayaran untuk tanah. Berhubung dengan pindaan yang berkaitan dengan tanah, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk membayar mengikut nilai pasaran sekarang, tanah-tanah yang diberikan kepada Pihakberkuasa Persekutuan dengan secepat mungkin.

Adalah saya difahamkan iaitu pada masa yang lepas, tanah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dari pihak berkuasa negeri apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih Perkhidmatan Bomba, sekolah peringkat rendah dengan segalanya belum lagi dibayar kepada pihak berkuasa Negeri. Dengan itu menafikan Kerajaan Negeri daripada menggunakan tanah tersebut untuk maksud pembangunan.

Perkara kedua, kuasa Kehakiman. Mengikut Fasal 8 (a) Bil tersebut, bertujuan untuk meminda hak memberi kuasa kehakiman kepada Mahkamah, tetapi membenarkan Mahkamah pada masa akan datang untuk mendapat segala kuasa dan hak sepertimana yang akan dikurniakan oleh atau di bawah undang-undang Persekutuan. Pindaan-pindaan seperti itu mempunyai kesan-kesan yang penting. Ia bermakna mengikut bahasa yang digunakan dalam Bil tersebut "Semenjak itu para Hakim tidak akan menggunakan kuasa kehakiman, tetapi kuasa berkanun atau statute power, kuasa yang dikurniakan oleh Perlembagaan Persekutuan."

Nampaknya apabila ada konsep perundangan yang penting tidak dapat digunakan, kuasa di dalam Mahkamah, prinsip hak asasi, cara-cara penggunaan yang lazimnya digunakan dalam bidang perdagangan, bank dan perkapalan, Undang-undang Adat Asli di Sabah dan Sarawak tidak mungkin dapat digunakan untuk menyelesaikan pertikaian yang di antara pihak-pihak tertentu yang dibawa ke Mahkamah. Adalah sukar untuk membubarkan undang-undang yang mengambil kira semua isu atau semua contingency. Tidak ada undang-undang di dunia ini dapat berbuat demikian. Oleh yang demikian, Mahkamah kita akan menggunakan konsep-konsep perundangan demikian untuk menentukan perkara-perkara yang dirujuk kepada mereka apabila tidak ada peruntukan-peruntukan yang sewajarnya berkaitan dengan keadaan dalam buku undang-undang kita. Lebih penting lagi Mahkamah di Sarawak sekarang ini dikurniakan kuasa tertentu oleh Perlembagaan Negeri. Kanun Tanah Sarawak membenarkan Mahkamah Tinggi Borneo melibatkan diri dalam pengambilan tanah merujuk kepada rayuan-rayuan dari Pegawai

Penempatan atau Settlement Officers, dengan izin, dengan ia ada hak penilaian ke atas Mahkamah Natif atau Orang Asli, dengan izin, yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Negeri dan Mahkamah itu boleh mengambil tindakan ke atas rayuan yang dikemukakan oleh Pihak berkuasa Tempatan yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kuasa-kuasa Tempatan Sarawak atau, dengan izin, Sarawak Local Authorities Ordinance yang sendirinya adalah undang-undang negeri. Sekiranya kuasa dan hak Mahkamah hanya ditentukan oleh undang-undang Persekutuan, Mahkamah tersebut tidak lagi ada kuasa dengan hak untuk membicarakan kes-kes yang dirujukkan kepada di bawah undang-undang Negeri.

Selain daripada itu, Mahkamah tidak akan dapat mengambil kira undang-undang mengikut adat bumiputera atau, dengan izin, Native Customary Law di dalam menentukan pertikaian tanah oleh kerana perkara-perkara tersebut tidak diperuntukkan di dalam undang-undang Persekutuan.

Mahkamah Tinggi Borneo telah ditubuhkan dan diiktirafkan dari segi undang-undang apabila Sabah dan Sarawak memasuki Persekutuan Malaysia. Ini adalah terkandung dalam Perlembagaan kita. Dengan kuasa itu, adalah istimewa untuk kedua-dua negeri itu. Saya percaya tidak ada seorang pun Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan menghapuskan hak tersebut selagi rakyat di kedua-dua negeri tersebut bersetuju untuk demikian. Selagi Mahkamah Tertinggi Borneo wujud, segala pindaan kuasa atau haknya sepatut mendapat kebenaran daripada kedua-dua Kerajaan yang dipilih di kedua-dua negeri tersebut, sekurang-kurang mesti ada rundingan dengan kedua-dua negeri tersebut. Dengan adanya pindahan hak oleh Mahkamah kita untuk menafikan kuasa-kuasa yang diletak hak kepadanya oleh

undang-undang Negeri, satu fungsi kehakiman di Sarawak telah dihapuskan.

Kehakiman—adalah pengetahuan umum bahawa kita mempunyai Jabatan Kehakiman yang disanjung tinggi di dalam dan luar negeri. Kita seharusnya berterima kasih sungguhpun ada Mahkamah kita tidak selalu mengeluarkan keputusan yang memihak kepada kita. Contohnya, pada tahun 1982 saya sendiri telah kalah dalam petition pilihanraya saya dengan dipaksa membayar kos. Tetapi kita seharusnya menentukan pindaan-pindaan yang dicadangkan akan menentukan sistem kehakiman yang kekal sebagai institusi yang bernilai, dihormati oleh semua dan boleh menjalankan fungsi-fungsinya dengan tekun demi menegakkan keadilan. Untuk berbuat demikian, ianya seharusnya diberi kuasa untuk mengambil doktrin dan prinsip perundangan yang terdapat dalam sistem perundangan kita. Sekiranya ia tidak mampu berbuat demikian, ketidakadilan akan berlaku kepada rakyat dan para hakim akan mendapati mereka tidak boleh berbuat apa-apa.

Ketidakadilan dan kekacauan akan dikekalkan oleh mereka yang berniat untuk mengambil kesempatan dari kurangan kuasa Mahkamah menghentikan kekacauan tersebut oleh kerana buku undang-undang kita tidak memperuntukkan memperbaiki keadaan, tetapi biasanya dan prinsip-prinsip hak asasi dapat menyelesaikan masalah tersebut. Kita seharusnya menentukan yang kita menyerahkan kepada generasi yang akan datang, satu sistem kehakiman yang berpandu kepada Perlembagaan iaitu mendapat kuasa kehakiman daripada Perlembagaan tertinggi dan bukan dari sumber-sumber lain.

Cadangan pindaan-pindaan yang dicadangkan akan mempunyai implikasi yang luas. Saya bukan

seorang peguam atau ahli juri. Saya cadangkan satu kajian teliti dibuat ke atas kesan-kesan daripada pindaan kepada sistem kehakiman dan perundangan di negara kita. Dengan berbuat demikian, bukanlah tanda kelemahan, tetapi sesuatu yang bijaksana dan matang. Kita seharusnya menunjukkan kepada rakyat yang berkuasa menggubal undang-undang yang diletak hak kepada kita digunakan dengan cermat dan saling menghormati badan Kerajaan lain yang akan terlibat dengan pindaan ini.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadang untuk pindaan dalam Rang Undang-undang ini dalam Fasal 8 supaya perenggan yang menyentuh pindaan kepada Perkara 121 Perlembagaan dirujukkan kepada satu Jawatankuasa Terpilih supaya pandangan semua rakyat, hakim-hakim atau peguam-peguam, para juri dan ahli akademik akan diperolehi. Sekiranya perlu pindaan yang lebih sesuai pada perenggan yang ada pada Bil ini sebelum mendapat kelulusan oleh Parlimen atau sekiranya pindaan-pindaan akan diluluskan, tarikh berkuatkuasa pindaan-pindaan tersebut ditangguh kepada satu tarikh selepas satu kajian (*Tepuk*) yang teliti untuk menyuruh dibuat ke atas kesan-kesan kepada sistem keadilan dan undang-undang negara.

Dengan segala pindaan seterusnya akan diluluskan sebelum peruntukan baru dibuat atau jikalau kita betul-betul ingin membuat ini dengan ada keseimbangan undang-undang negeri tidak dapat dijalankan adalah satu cadangan untuk pindaan atas pindaan patut difikirkan. Sebagai kesimpulannya saya berharap semoga pertimbangan yang sewajarnya akan diberi kepada cadangan saya.

Saya sedar bahawa saya adalah seorang penyokong Kerajaan yang dipilih atas tiket Barisan Nasional. Saya mengaku kebiasaannya Parlimen

dengan pemikiran yang saya seharusnya menyokong Kerajaan yang berkuasa pada hari ini. Saya sentiasa berbuat demikian. Pada hari ini saya berucap mengikut suara hati saya (*Tepuk*) demi rasa cinta dan mementingkan rakyat dalam kawasan saya, rakyat Negeri Sarawak dan negara ini keseluruhannya.

Sekiranya Rang Undang-undang sepertimana yang dicadangkan diluluskan tanpa pertimbangan kepada cadangan saya, saya masih akan menyokongnya atas sebab-sebab yang telah saya sebutkan tadi. Tetapi saya berbuat demikian dengan hati yang berat dan sangat sedih oleh kerana negara kita ini mungkin jikalau betul pandangan saya ini mengalami satu krisis lagi daripada penguatkuasaan pindaan yang akan diluluskan atas perenggan atau Fasal 8 (a) dan (b). Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Saratok yang akhir, 5 minit Yang Berhormat.

5.03 ptg.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau (Saratok):** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi pun telah mendengar rakan-rakan saya tetapi memandangkan keadaan yang kita menghadapi sekarang, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk membahas pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Saya harap masa dapat diberi sedikit tidak banyak. Kalau tidak nanti tidak cukup. Saya bukan seorang peguam dan apa yang saya minta penjelasan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jikalau perlu boleh saya cadangkan satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan yang dicadangkan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan mengenai Perkara 83, 84, 85 dan 86 di satu-satu negeri, saya berpendapat

keadaan tanah yang sedia ada di Sarawak ada beberapa macam gunanya. Yang ada kaitan dengan Kerajaan Persekutuan, pertamanya ialah tapak tanah untuk bangunan Persekutuan, tanah untuk bangunan pelabuhan Persekutuan, tanah untuk jalan raya utama dan jalan raya lain yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan dan pampasan kepada orang punya tanah telah dibayar ataupun akan dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

Tanah yang ada digunakan oleh FELDA untuk tanaman kelapa sawit ataupun tanaman lain-lain dan tanah yang dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, pampasannya kepada orang punya tanah, Customary Right Land, dengan izin, sekiranya macam di Nanga Jagau, Nanga Ngungun, Nanga Tadak, di dalam Daerah Kanowit untuk penempatan semula orang-orang Iban di Sungai Ngemah, Kabah dan rumah-rumah panjang berdekatan dalam Daerah yang sama, kerana kehidupan mereka telah diancam oleh komunis pada masa itu. Penempatan semula ini telah diatur bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam tahun 1971 dan 1972.

Tanah ini telah diserahkan kepada FELCRA untuk dirancangan supaya penduduk yang berdekatan dengannya dapat tempat kediaman yang sesuai dan tanah berhampiran ditanam dengan segala tanaman. Mengikut perjanjian di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan diasingkan dari ancaman komunis dan begitu juga ada kemudahan-kemudahan yang lain yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan menyentuh perkara yang berkaitan dengan tanah yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada FELCRA dan FELDA. Sekiranya perkara yang ada di dalam

Perkara 5 dan 6 mengenai penggantian Perkara 85 dan 86 yang berbunyi: sebelah hujungnya, iaitu Perkara 4, "Dan Kerajaan Persekutuan boleh memberikan apa-apa hak menduduki, mengawal ataupun menguruskan atau sesuatu penyewaan atau pajakan keseluruhannya atau mana-mana bahagian tanah itu kepada mana-mana orang." Dan 86 (1)—"Jika apa-apa kepentingan mengenai tanah adalah terletak kepada Persekutuan atau pada pihak berkuasa awam bagi apa-apa maksud maka Persekutuan atau pihak berkuasa awam itu boleh melupakan kepentingan itu atau apa-apa kepentingan yang lebih kecil mengenai tanah itu kepada mana-mana orang yang didapati layak."

Misalnya, tanah yang diserahkan kepada FELDA untuk tanaman kelapa sawit di Bahagian Pertama dalam Daerah Lundu apabila difikirkan sesuai akan diberi kepada sesiapa pun kepada seseorang yang bukan anak Sarawak, sekiranya berlaku perkara begini tentu hak Kerajaan Negeri telah diambil alih haknya, kerana rakyat di luar bandar Sarawak sukakan pembangunan yang besar-besaran dari Kerajaan Persekutuan dibantu oleh agensi-agensinya. Di sini saya minta penjelasan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adakah tanah semacam ini terlibat oleh pindaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai tanah yang digunakan untuk penempatan semula di Daerah Kanowit saya sebut tadi iaitu pampasan tanah untuk tanaman di Nanga Tadak banyak pampasan belum dibayar dan tanaman yang difikirkan perlu belum dapat disediakan. Di kawasan Nanga Ngungun saya faham telah dibayar, mungkin pampasan telah habis dibayar oleh Kerajaan Persekutuan tetapi di kawasan Nanga Jagau saya kurang ketahui keadaan sekarang. Apa yang saya maksud iaitu sekiranya

pindaan yang dicadangkan sekarang ada kaitan dengan tanah Customary Right Land, dengan izin, kerana Kerajaan Persekutuan telah membayar pampasan. Tanah kepada yang punya hak dahulu tentu Kerajaan Persekutuan ada mempunyai hak di tanah tersebut. Sebab mengikut Undang-undang Tanah Negeri Sarawak apabila yang mempunyai tanah sudah menerima pampasan dan mengaku tanah itu dia tidak ada hak lagi, yang ada hak ialah biasanya orang yang membayar pampasan. Tanah yang digunakan dalam tiga kawasan ini pampasannya (compensation) telah dibayar oleh Kerajaan Persekutuan.

Sungguhpun tanah itu kawasan penempatan semula kerana diancam oleh komunis, tanah itu diberi balik kepada semua orang yang ditempatkan semula tidak kurang dari 80% yang bukan asalnya mempunyai tanah di kawasan penempatan semula itu. Di sini saya suka meminta penjelasan tentang tanah yang sedang dirancang oleh FELCRA, tanah-tanah berkenaan telah dibayar pampasan oleh Kerajaan Persekutuan, adakah tanah semacam ini masuk dalam pindaan yang dicadangkan kepada Perkara-perkara 85 dan 86.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, minta Yang Berhormat gulungkan.

**Datuk Peter Tinggom anak Kamarau:** Jadi kalau boleh saya habiskan ini—tetapi saya mahu sebut Perkara 121.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai Perkara 121 ini saya khuatir sekiranya ada melibatkan mahkamah Native Court Ordinance, dengan izin, di Negeri Sarawak yang sedia ada. Native Court Ordinance ataupun Mahkamah Bumiputera ini berasal dari orang bumiputera sendiri, yang mempunyai adat resam dan hukuman mengikut tradisi kaum-kaum masing-masing.

Oleh yang demikian, Mahkamah Native ini sangat penting untuk membendung dan mempertahankan adat-adat asal kaum-kaum yang berkenaan kerana adat asal ini merangkumi hak-hak tanah Customary Rights Land.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di dalam proses menentukan keadilan yang diwaris oleh bumiputera, yang tidak kena-mengena dengan mahkamah Syariah iaitu Iban, Bidayuh dan orang Ulu, semua perbicaraan yang sedia ada mengenai seseorang yang tidak puas hati, maka langkah pertama yang perlu dibuat oleh seseorang itu ialah membawa masalahnya kepada Tuai Rumah ataupun Ketua Kampung. Apabila sudah menerima satu dakwaan Tuai Rumah atau Ketua Kampung boleh mengadakan satu persidangan, perundingan dengan kedua-dua pihak di hadapan anak-anak kampungnya. Apabila telah mendengar rayuan dari kedua belah pihak dan saksi yang ada, Tuai Rumah ataupun Ketua Kampung terus memberi keputusan. Dan meletakkan hukuman mengikut kesalahan dan hukuman di dalam bidang kuasanya sahaja.

Sekiranya perkara itu mengenai Customary Rights Land, tanah orang asal, Tua Rumah atau Tua Kampung cuma memberi pandangan sahaja. Sekiranya ada yang tidak puas hati dengan pendapat Tuai Rumah atau Tua Kampung maka perkara itu dibawa ke Pejabat Daerah supaya dapat diambil tindakan dan diselesaikan dalam Native Officer's Court oleh Majistret iaitu kebanyakannya Pegawai Pentadbiran Sarawak dan disokong oleh dua orang assesor yang ada pengetahuan tentang adat-adat orang yang dibicarakan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya telah diputuskan oleh Tua Rumah, kalau perkara itu mengenai adat resam mereka, sekiranya ada yang tidak puas hati, perkara itu boleh dibawa kepada

Penghulu di kawasan orang yang berkenaan. Begitu juga, kalau Penghulu telah mendengar kes itu dalam Court Penghulu yang tidak puas hati boleh bawa appeal kepada District Native Officer's Court dan Pegawai Daerah sebagai Majistret. Begitu juga kalau ada lagi tidak puas hati boleh bawa kepada Resident's Native Court dan Resident Bahagian yang berkenaan ataupun Resident dari lain Bahagian sekiranya dikehendaki perlu menjadi Majistret dan disokong oleh dua orang assesor, kalau dapat seorang Temenggung dan seorang Pemanca atau seorang Penghulu yang belum ada terlibat dengan kes itu di dalam court yang bawah atau tidak kena-mengena dengan kes itu. Kalau belum lagi puas hati maka mana-mana pihak boleh appeal kepada High Court di Borneo dan selepas itu dapat lagi appeal kepada Court of Appeal atau Supreme Court di Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap peringkat dari Court Penghulu sampai Court of Appeal, majistret ataupun hakim perlu disokong oleh dua orang penolongnya. Kalau sampai di High Court ataupun Court of Appeal kebanyakan orang penolong itu diambil dari suku kaum yang sama dengan yang berkenaan iaitu appellant dan respondent, dengan izin. Penyokong court itu kadang kala adalah orang yang ada berpengalaman tentang adat resam suku kaum itu dan kebanyakannya orang yang sudah bersara sebagai pegawai kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Native Court ini ada kaitannya dengan High Court di Borneo, saya percaya dari segi pendapat seorang layman mengikut di dalam cadangan pindaan iaitu mukasurat 6, Fasal 8 (b) berbunyi demikian:

"....dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan mahkamah-mahkamah bawahan hendaklah mempunyai apa-apa bidang kuasa dan kuasa sebagaimana yang diberikan oleh

atau di bawah undang-undang persekutuan”;

iaitu perkara yang telah disebutkan oleh rakan saya tadi dari Mas Gading.

Jadi, tentu cadangan dalam pindaan Perkara 121 ada melibatkan High Court di Borneo bukan sahaja berkenaan dengan Native Court tetapi dengan kuasa yang diperolehnya dari segala undang-undang Negeri Sarawak, saya fahamkan pun begitu di Sabah, mengenai Undang-undang Tanah, Land Ordinance, Land Code, Undang-undang Hutan (Forest Ordinance), Undang-undang Kerajaan Tempatan (Local Authority Ordinance), Native Court Ordinance, dengan izin, dan lain-lain. Sekiranya apa yang saya sebutkan ini adalah benar, saya mohon mencadangkan bolehlah tambahkan satu clause mengatakan pindaan-pindaan ini tidak melibatkan High Court di Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan cukup harapan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil baik cadangan saya mengenai pindaan kepada Perkara 85 dan 86 supaya tidak melibatkan tanah-tanah yang dirancang oleh agensi-agensi Kerajaan Persekutuan macam FELDA dan FELCRA yang dijemput oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan begitu juga di Sabah saya faham dengan menambahkan satu clause.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di Sarawak dan Sabah dalam banyak bidang, saya faham masih jauh ketinggalan, tetapi di sini banyak bangunan-bangunan yang tinggi, banyak yang mahir dan profesional dan banyak yang selalu ada berhubung dengan orang luar, oleh kerana itu orang di Kuala Lumpur jadi macam sophisticated society, dengan izin. Bukan di Kuala Lumpur sahaja, tetapi di seluruh Semenanjung. Sekiranya cadangan saya mengenai dua perkara tadi supaya dapat give and take, dengan izin, apa yang disebutkan oleh

rakan saya tadi dari Mas Gading ditimbang dan mungkin saya harap tidak dimasukkan dalam pindaan sekarang.

Kalau begitu saya menyokong penuh pindaan yang lain kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional memikirkan perkara itu sesuai dibuat sekarang untuk melicinkan pentadbiran negara kita yang mempunyai banyak kaum dan agama dan sedikit demi sedikit dapat memupuk persefahaman di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawab.

*5.15 ptg.*

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Speaker, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan pindaan Perlembagaan yang telah dikemukakan oleh saya pada petang semalam.

Dalam hujah-hujah yang telah dikemukakan, ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat berkata bahawa kita tidak memberi masa yang panjang untuk menyemak pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masa yang diberi adalah lebih penjang daripada biasa diberi pada masa-masa dahulu dan saya berpendapat bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat semua terutama Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti Pembangkang adalah bijak-bijak belaka dan mempunyai penasihat-penasihat yang baik dan mereka tentulah dapat menyemak undang-undang yang simple ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa yang pendek.

Sebenarnya sudahpun ada orang-orang yang bukan sahaja setakat merujuk kepada pakar-pakar dalam negara tetapi ada juga yang telah merujuk kepada pakar-pakar daripada Australia dalam masa yang singkat ini dan saya telah menerima telegram daripada pakar-pakar di Australia ini yang ingin mencampur-tangan dalam urusan rumah tangga kita.

Jadi, jelas sekali bahawa masa yang diberi adalah cukup, walaupun saya akui bahawa ada salah faham yang berlaku yang menyebabkan beberapa orang Ahli Yang Berhormat daripada parti Barisan Nasional yang berasa masa yang diberi itu tidak mencukupi untuk mereka menyemak pindaan ini terutamanya berkenaan dengan masalah-masalah berkaitan dengan negeri Sarawak dan Sabah.

Saya mendapat maklumat daripada pihak Attorney General (Peguam Negara) iaitu kedudukan Native Court tidak disentuh ataupun terjejas dengan pindaan kepada Perkara 121. Native Court diperuntukkan dalam Supplementary to State List for the States of Sabah and Sarawak (List IIa). List ini tidak dipindahkan — pada muka surat 201 dalam Constitution. Oleh itu ianya tidak terjejas sama sekali. Jadi haruslah perkara itu tidak menimbulkan masalah kepada mana-mana pihak.

Juga saya ingin menjawab berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Saratok berkenaan dengan tanah diberi oleh Kerajaan Sarawak untuk dimajukan oleh FELDA adalah untuk diberikan kepada peserta, peneroka yang dipilih oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi, tak mungkin Kerajaan Pusat mengambil tanah itu. Tanah Customary Land jika diambil dibayar pampasan dan jika diberi kepada peneroka-peneroka adalah kepada peneroka yang dipilih oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Sudah tentu, kalau

penduduk telah pun dibayar pampasan, maka dianya tidak lagi memiliki tanah itu, jika tidak apa gunanya kita memberi pampasan kalau dianya dipulang balik kepada orang yang memiliki tanah itu yang asal. Saya ingin memberi jaminan bahawa jika timbul mana-mana masalah berkenaan dengan native court ataupun berkenaan dengan customary land di Sabah dan Sarawak, pihak Kerajaan pasti akan memberi pertimbangan dan jika perlu kita akan betulkan lagi supaya tidak terjejas hak-hak ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Parti Barisan Nasional ini mempunyai lebih daripada  $\frac{2}{3}$  ahli-ahli dalam Dewan Rakyat ini. Dengan bilangan ahli-ahli yang begitu banyak, kita boleh membuat hampir apa sahaja. Tetapi demikianlah perasaan tanggungjawab kita, kita tidak pernah membuat sesuatu dengan sewenang-wenangnya, sebaliknya kita memberi pertimbangan yang wajar kepada sesuatu perkara sebelum kita membuat sesuatu. Sebab itu kita kemukakan satu Rang Undang-undang yang tidak radical, tidak luar biasa sama sekali. Rang Undang-undang ini bukan bertujuan untuk mengambil kuasa daripada Hakim-hakim ataupun daripada Mahkamah-mahkamah. Rang Undang-undang ini cuma bertujuan untuk menentukan bahawa pihak Dewan ini berhak membuat undang-undang dan pihak Hakim berhak untuk menghukumkan sesuatu berasaskan kepada undang-undang.

Dengan adanya pindaan ini, kita tidak menjadi hakim dalam Dewan ini dan saya harap Ahli Yang Berhormat jangan salah sangka bahawa kita sudah merebut kuasa Hakim dan sekarang kita menjadi hakim dan boleh menghukum semua orang—tidak. Rang Undang-undang ini tidak memberi kuasa kehakiman kepada kita. Hanya yang dia menentukan

ialah Hakim-hakim dalam menjatuhkan hukum atau membicara hendaklah berpandu kepada undang-undang yang dibuat oleh Dewan ini yang dianggap sebagai Federal Law. Itu sahaja yang kita buat, tidak lebih daripada itu. Janganlah kita sengaja membesar-besarkan perkara yang normal, yang kecil iaitu menentukan bidang kuasa masing-masing, bidang kuasa Executive, bidang kuasa Legislative dan juga bidang kuasa Kehakiman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam mereka menyebut tentang perlunya diberi masa untuk menimbang undang-undang yang begini besar kesannya, tidak pula berasa bahawa memberi 14 hari untuk pegawai-pegawai mengkaji kes-kes yang melibatkan orang-orang asing yang masuk tanpa izin adalah dengan tujuan untuk memberi masa kepada mereka. Kalau kita hendak masa, maka kita juga harus menimbang tentang masa yang perlu diberikan kepada pegawai-pegawai kita yang kadang-kadang tergesa-gesa terpaksa membuat kajian dan penyelidikan tentang begitu ramai daripada orang-orang yang telah ditahan kerana mereka masuk ke negara kita tanpa izin. Kita patutlah bertimbangrasa kepada pegawai-pegawai sama dan bukan bertimbangrasa kepada diri kita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya kagum dengan ucapan daripada Yang Berhormat Wakil dari Bukit Bintang yang bercakap berkenaan dengan demokrasi yang tulen di Malaysia. Ini adalah pengakuan daripada DAP bahawa kita mengamalkan demokrasi yang tulen. *(Tepuk)* Saya berterima kasihlah, walaupun dia berkata bahawa demokrasi yang tulen sekarang ini terjejas kerana kita buat pindaan undang-undang ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah salah tafsir apa yang saya maksudkan

apabila saya gunakan perkataan "demokrasi yang tulen". Yang sebenarnya maksud saya ialah, sekiranya Malaysia benar-benar sebuah demokrasi yang tulen, maka pihak Kerajaan haruslah bersikap adil dan demokratik dan harus memberi masa yang lebih panjang untuk membolehkan pihak-pihak yang berkenaan mengkaji Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini. *(Tepuk)*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, saya tidak dapat membaca hati Ahli Yang Berhormat. Saya cuma dapat mendengar apa yang dia kata sahaja. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi, walaupun Parti Barisan Nasional ini mempunyai kuasa yang amat besar kerana rakyat telah memilih begini ramai daripada Barisan Nasional untuk menjadi anggota Dewan ini, kita tidak bergerak tanpa perasaan bertanggungjawab. Sebaliknya jika kita dapati bahawa orang lain tidak bertanggungjawab, maka terpaksa kita menegur. Kadang-kadang dalam menjalankan urusan pemerintahan negara ini ada agensi-agensi ataupun bahagian-bahagian dalam Kerajaan yang terpaksa diberi kuasa yang luas tetapi pemberian kuasa yang luas ini tidak bermakna bahawa pihak itu boleh menggunakan kuasa itu dengan sewenang-wenangnya. Sebab itu apabila kita dapati bahawa kuasa itu digunakan dengan tidak mengambil kira perasaan tanggungjawab, maka terpaksa kita membuat teguran dengan hati yang berat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menimbulkan buku saya "The Malay Dilemma" yang mana saya mengesahkan kepada Perlembagaan yang sering dibuat oleh Kerajaan dahulu. Ini merupakan pengakuan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan dahulu tidaklah berbeza sangat dengan Kerajaan

sekarang, dia juga membuat pindaan. (*Tepuk*) Kita tidak suka untuk membuat apa-apa pindaan tetapi oleh kerana ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, maka terpaksa kita membuat pindaan ini untuk membetulkan sesuatu.

Ahli Yang Berhormat dari Bakri berpendapat bahawa kita tidak harus membuat pindaan kerana sesuatu berlaku yang tidak diinginkan. Kalau tidak ada sesuatu berlaku yang tidak diinginkan, apa sebab-sebabnya yang kita hendak membuat pindaan? Kita buat pindaan kerana ada sebabnya. Sebab itu apabila sesuatu berlaku yang kita dapati tidak begitu baik, maka pindaan terpaksa dibuat.

Ahli Yang Berhormat dari Bakri juga telah menimbulkan masalah kemungkinan orang bukan Islam dibicarakan dalam Mahkamah Syariah dan dianya tidak boleh merujuk kepada Mahkamah Tinggi jika dia mendapati bahawa Mahkamah Syariah tidak berlaku adil ataupun dia tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat, bahawa undang-undang ini bukanlah digubal dan dibawa ke Dewan ini oleh satu orang ataupun dua orang sahaja. Ianya telah dibahas dengan mendalam oleh ahli-ahli Jemaah Menteri yang terdiri daripada orang-orang berbagai kaum dan berbagai agama. Ada orang yang beragama Islam, ada juga yang beragama Kristian, Buddist, Hindu, Taoist dan sebagainya dan sudah tentu soal kepentingan kaum-kaum yang lain daripada Islam diambil kira oleh ahli-ahli Jemaah Menteri yang bukan Islam.

Jadi, tidak patutlah perkara ini berbangkit kerana tentulah beliau tahu bahawa kita telah mengambil kira perkara ini dan kita memang berasa bahawa kita tidak boleh membelakangkan peruntukan Perlembagaan berkenaan dengan hak

orang-orang bukan Islam. Saya fikir eloklah kalau perkara ini tidak dibangkitkan kerana ianya nampak sudah memprovoke reaksi daripada setengah-tengah Ahli Dewan ini yang beragama Islam, sedangkan Ahli Yang Berhormat dari Bakri tentu tahu bahawa perkara ini adalah dalam perhatian pemimpin-pemimpin parti-nya sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa berkata bahawa Kerajaan dahulu kata Perlembagaan tidak perlu dipinda, sekarang ini dipinda pula. Tetapi di sini saya ingin memperingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa apa yang dikatakan oleh kita ialah kita tidak perlu mengadakan "review" secara menyeluruh, kerana kita boleh membuat pindaan bila pindaan itu diperlukan dan sekarang ini dianggap perlu maka kita membuat pindaan. Jika kita mengadakan review, maka pendapat-pendapat masing-masing kaum, penganut-penganut agama yang berlainan akan dikemukakan dan percanggahan pendapat akan wujud dan ini mungkin mencetuskan perbalahan dan ketegangan antara penduduk-penduduk dalam negara kita.

Namun demikian, saya berasa "curious" juga untuk mengetahui apakah Perlembagaan yang dicadangkan oleh PAS ini yang boleh membawa kepada perpaduan kaum dalam negara kita—kita belum dengar. Saya hendak tanya sama ada yang dicadangkan oleh PAS itu boleh diterima oleh kaum-kaum lain sehingga mereka sanggup bersatu-padu. Sebab itu kita tidak ingin mengadakan review, sebaliknya kita akan membuat pindaan kepada Perlembagaan apabila perlu dan itu pun bukanlah begitu kerap.

Kata Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa demokrasi tidak wujud dalam negara kita ini. Saya yakin bahawa bagi PAS mungkin

tidak wujud, bagi orang lain wujud.  
(*Tepuk*)

Bagi PAS tidak wujud, kerana ianya tidak boleh hendak menyalahkan agama dan ayat-ayat Al-Quran untuk menimbulkan ketegangan dan memecah umat Islam dalam negara kita ini. Kalau dia buat demikian maka Perlembagaan kita mengizinkan kita mengambil tindakan undang-undang terhadapnya. Inilah agaknya yang dikatakan Perlembagaan kita ini tidak demokratik. Tetapi bagi kita, ianya cukup demokratik, kerana dengan kuasa yang diberi oleh Perlembagaan ini kita boleh mengambil tindakan kepada mereka yang sengaja menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam dan menyebabkan ketegangan antara kaum dalam negara kita.

Saya ingin memperingatkan Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bahawa di mana-mana juga demokrasi adalah terhad, tidak ada kebebasan 100% yang diberi oleh mana-mana negara sekalipun kerana kebebasan 100% iaitu kebebasan membuat apa sahaja mengikut nafsu dan sebagainya akan mewujudkan keadaan "anarchy" dalam sesebuah negara. Tetapi saya yakin memanglah parti PAS ingin supaya terdapat "anarchy" dalam Malaysia ini kerana dalam perkara yang baru berlaku PAS suka memancing di air yang keruh. Jadi apabila ada anarchy ini agak keruh sedikit, bolehlah dia pergi memancing seperti yang berlaku di Kelantan baru-baru ini, malang bagi PAS ia cuma dapat membuktikan perpaduan yang ketat dalam Barisan Nasional dan UMNO. (*Tepuk*)

Saya yakin bahawa rakyat tidak suka akan demokrasi ala-PAS ini di mana keputusan ahli dan Ahli Jawatankuasa PAS boleh ditolak mentah-mentah oleh orang yang menggelarkan diri mereka sebagai ulamak. Apakah ini demokrasi kalau ada orang dengan mudahnya boleh

menolak pendapat yang ramai? Kalau sesiapa menentang dua tiga orang pemimpin PAS, mereka akan dipaksa keluar daripada parti dan kita tahu beberapa orang daripada pemimpin PAS yang berjasa kepada PAS yang lama sudahpun dikeluarkan daripada parti dan terpaksa buat parti lain. Jadi, ini menunjukkan bahawa dalam PAS tidak ada demokrasi sama sekali. (*Tepuk*) Jadi, kalau hendak bercakap berkenaan dengan diktator dan sebagainya, tengok dulu dalam cermin, mungkin nampak rupa diktator di situ.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas khuatir bahawa jika pegawai diberi masa sehingga 14 hari untuk membuat penyelidikan maka mereka sengaja akan lewat-lewatkan kerja mereka. Saya ingin memberi jaminan bahawa perkara ini tidak akan berlaku, melainkan tidak dapat dielak. Walaupun kadang-kadang ada juga yang mungkin tersilap dan mengambil masa yang terlalu panjang seperti yang terjadi kepada dua tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas juga tidak harus khuatir tentang kebolehan Hakim-hakim dalam Mahkamah Syariah, kerana mereka sekarang ini diberi kursus-kursus oleh pihak Universiti Islam dan lain-lain pihak supaya dapat meningkatkan kebolehan mereka menjalankan tugas-tugasnya sebagai Hakim Mahkamah Syariah.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyebut tentang kuasa berkenaan dengan tanah, seolah-olah kita mengambil kuasa Kerajaan Negeri. Yang kita sebutkan itu ialah kita akan berunding dengan Kerajaan Negeri untuk menetapkan syarat-syaratnya. Sebenarnya pengambilan masa tanah ini menjadi satu perkara yang penting kerana Kerajaan sekarang ini tidak lagi mengambil tanah semata-mata untuk membina bangunan-bangunan Kerajaan. Kalau dahulu kita mengambil tanah untuk

membina Post Office, untuk membina Jabatan Parit dan Taliair dan sebagainya, sekarang ini kita juga memerlukan tanah untuk membuat Free Trade Zone, kawasan industri, untuk mengadakan perumahan bahkan untuk membangunkan sebuah bandar. Selepas kita mengambil tanah dan membangunkan tanah itu terpaksa pula kita menjual tanah-tanah itu kepada orang yang ingin menggunakan rumah kedai ataupun faktori ataupun tempat-tempat tertentu untuk urusan atau perniagaan mereka.

Jadi, apabila kita menjual tanah ini kepada pihak lain maka ini bukan lagi milik Kerajaan Persekutuan dan timbul soal sama ada selepas dijual maka Kerajaan Persekutuan tidak menyalahi undang-undang. Sebab itu sekarang ini kita perlu berunding dengan Kerajaan Negeri untuk menentukan bahawa kita mengambil tanah daripada mana-mana negeri dan kemudian daripada itu menjualnya kepada pihak-pihak tertentu. Ini tidak menyalahi undang-undang dan kita tidak akan menghadapi bermacam-macam tuntutan daripada pihak negeri.

Juga sekarang ini kita berhajat untuk menswastakan beberapa khidmat dalam negeri termasuk khidmat Keretapi dan khidmat telefon. Kedua-dua khidmat ini mempunyai banyak tanah dan tanah ini adalah tanah yang dirizabkan untuk maksud yang tertentu dan tidak sebenarnya dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi jika Kerajaan Persekutuan tidak menggunakannya untuk maksud-maksud ini, maka kita terpaksa pulangkan balik tanah-tanah ini kepada Kerajaan Negeri. Sekarang ini Kerajaan ingin memindahkan khidmat-khidmat ini kepada pihak swasta dan kalau setelah kita memindah kepada pihak swasta, maka swasta pula menjalankan tugas, maka oleh sebab tanah itu dirizab dahulu tidak lagi kena pada tempat-

nya dan mungkin pihak swasta itu terpaksa membayar ganti rugi ataupun kos yang tinggi terhadap tanah-tanah itu. Sebaliknya sepertimana yang kita semua maklum, Kerajaan telah menawarkan khidmat Keretapi kepada pihak swasta dengan harga \$1.00 sahaja dan sebaliknya harta Keretapi pula begitu banyak dan kalau kita dikenakan bayaran yang sepenuhnya berkenaan dengan harta ini, maka pihak swasta tidak akan dapat mengambil alih khidmat ini.

Ada bermacam-macam sebab lagi berkenaan dengan perkara tanah ini, yang sebenarnya dibuat dengan tidak menjejaskan hak dan keistimewaan Kerajaan Negeri, tetapi sebaliknya membahagikan tanggungjawab terhadap tanah ini antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, di mana kalau dipulangkan balik kepada Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri mestilah membayar pampasan di atas pembangunan yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan sebaliknya jika Kerajaan Persekutuan pula mengambil alih maka Kerajaan Persekutuan pula mesti membayar pampasan mengikut harga pasaran kepada Kerajaan Negeri. Jadi, semua yang disusun itu adalah dengan cara yang adil kepada kedua-dua belah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Artikel 121 ini, ramai yang telah bercakap dan sepertimana saya kata tadi, nampaknya kebanyakan Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap berkenaan Artikel 121 ini agak silap faham tentang maksudnya, termasuklah Ahli-ahli daripada parti Pembangkang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Sebenarnya pindaan ini bukan luar biasa dan pindaan ini bukan bertujuan supaya Kerajaan ataupun Parliman mengambil alih kuasa hakim. Kita tidak ada niat sama sekali untuk

mengambil alih kuasa hakim. Kita tidak hendak jadi hakim. Pihak Eksekutif ataupun pihak Ahli Dewan ini bukan berhajat untuk menjadi hakim. Tujuan kita ialah supaya tugas Dewan dan tugas Eksekutif diasingkan daripada tugas hakim-hakim, iaitu Hakim akan menggunakan undang-undang yang dibuat oleh Dewan ini iaitu Federal Law untuk menjalankan tugas mereka dan tidak membuat undang-undang mereka sendiri seperti yang berlaku sekarang.

Kita sedar bahawa memang ada peruntukan dalam Artikel 39 dan 44 bahawa kuasa Perundangan dan kuasa Eksekutif berada kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Jemaah Menteri dan Parlimen. Malangnya peruntukan ini tidak menyekat hakim-hakim daripada membuat perundangan mereka sendiri, kerana Artikel 121 yang lama hanya berkata kuasa Kehakiman berada kepada mahkamah dan tidak menyebut tentang kuasa ini perlu mengikut undang-undang tertentu. Mahkamah bukan sahaja boleh membekalkan undang-undang, tetapi membentuk undang-undang sendiri melalui precedent yang dibuat oleh hakim.

Umpamanya undang-undang jelas memberi kuasa kepada Menteri menentukan jangkamasa seseorang asing boleh berada dalam negara kita. Ia juga menentukan bahawa Menteri boleh mengurangkan jangkamasa itu dan keputusan Menteri dalam undang-undang kita adalah muktamad. Tetapi ada kes yang dibawa ke hadapan hakim tentang seorang yang telah diusir daripada negara kita sebelum habis jangkamasa yang dia boleh tinggal di negara kita dan hakim berpendapat bahawa Menteri dan Kerajaan tidak berhak mengusir sesiapa yang telah diberi permit untuk tinggal dalam negara kita dalam jangkamasa yang tertentu, bahkan hakim berpendapat bahawa kalau sudah habis pun jangkamasa itu maka pihak Kerajaan

mesti memperbaharui haknya untuk tinggal di negara kita. Pendek kata kalau kita memberi masa setahun untuk tinggal di Malaysia, maka kita tidak boleh memendekkan masa itu kepada 6 bulan atau 3 bulan atau 9 bulan. Kita mesti benarkan orang itu tinggal di sini sampai hendak habis setahun dan bila habis setahun pula, dia berhak continue.

Ini adalah hak dia, kata hakim, "This is the expectation". Ini adalah harapan dia bahawa dia boleh langsung ataupun lanjutkan hak dia tinggal di dalam negara kita dan Menteri bukan sahaja tidak boleh memendekkan tetapi tidak boleh tamatkan walaupun sudah habis masa itu. Tetapi Menteri pada waktu memberi permit ini juga mempunyai harapan, bukan sahaja orang yang minta itu mempunyai harapan untuk tinggal di Malaysia, Menteri juga mempunyai harapan dan harapannya mengikut peruntukan di dalam undang-undang ialah dia boleh menamatkan jangkamasa itu. Dia boleh memendekkan jangkamasa itu, dia boleh tidak memberi pas permit yang baru untuk dianya duduk lebih panjang daripada satu tahun yang telah diberi pada mulanya. Jadi, nampak di sini hakim membuat undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang yang telah ada iaitu Menteri mempunyai hak tetapi Hakim berkata Menteri tidak ada haknya. Sebaliknya orang itu ada hak lebih daripada Menteri. Orang itu punya harapan dan kita tidak boleh hampakan, tetapi harapan Menteri boleh dihampakan. Jadi, ini agak ganjil sedikit (*Tepuk*). Itu adalah kes yang terkenal.

Kita tahu bahawa orang itu akhirnya dibenar tinggal di sini dan Menteri, selepas tamatnya jangkamasa itu, tidak ada hak untuk membuat apa-apa melainkan memberi tambahan masa baginya. Ini bermakna bahawa sesiapa yang mendapat permit untuk tinggal di Malaysia setahun, sebenarnya diberi permit seumur hidup kerana dia ada harapan, selagi dia ada harapan, kita

mesti beri. Begitu juga kalau kita memberi permit untuk sebuah akhbar dicetak selama setahun, bila habis setahun itu dia masih ada harapan dilanjutkan lagi dan kita lanjutkan lagi setahun dan hujungnya kita mesti memberi lagi setahun. Jadi, ini merupakan undang-undang yang tidak ada dalam Federal Law kita tetapi yang dibuat oleh hakim dan kita terpaksa patuh dan ini agak pelik sedikit pada pendapat Kerajaan dan pada pendapat saya juga. Ada lagi satu. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan?

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya kurang diyakinkan dengan penjelasan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat tadi tentang tujuan Kerajaan untuk meminda Perkara 121. Tadi Yang Amat Berhormat ada menerangkan bahawa bukanlah jadi tujuan Kerajaan untuk mengambil alih kuasa hakim. Memang ada benarnya bahawa bukanlah jadi tujuan Kerajaan untuk mengambil alih kuasa hakim dan diserahkan kepada Parlimen. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Amat Berhormat sama ada beliau sedar bahawa dengan pindaan yang dicadangkan kepada Perkara 121 ini, bermakna bahawa ini akan menghapuskan asas authority ataupun kebebasan Kehakiman dengan apa yang dicadangkan oleh Kerajaan. Saya ingin mendapat jawapan dari Yang Amat Berhormat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa hakim bebas membuat apa sahaja. Hakim juga tertakluk kepada undang-undang negara. (*Tepuk*) Umpamanya, hakim boleh menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang, kalau undang-undang mengatakan bahawa untuk kes ini hukumannya mati dan tidak ada hukuman lain, umpamanya pengedar dadah yang membawa sekian banyak dadah, hakim tidak

bebas menjatuhkan hukuman ikut suka dia. Dia mesti patuh kepada undang-undang dan kalau undang-undang mengatakan kalau didapati salah maka hukumannya mati, hukuman gantung, tidak ada hukuman lain. Jadi, tugas hakim ialah untuk menentukan salah ataupun tidak salah. Kalau salah, ini hukumannya; kalau tidak salah, lainlah, dia mungkin dilepaskan. Jadi hakim tidak berkebebasan secara tidak terhad.

Apa yang kita kata dalam pindaan undang-undang ini ialah hakim di dalam menjalankan tugasnya mestilah menggunakan undang-undang federal, itu sahaja, undang-undang yang diluluskan oleh Dewan ini. Kalau kita kata bahawa hakim bebas untuk membuat keputusan tanpa menghiraukan undang-undang yang jelas, yang sah, yang diluluskan oleh Dewan ini, maka ini bermakna bahawa kita tidak boleh tahu apa akan jadi kepada kita bila kita buat sesuatu. Kalau undang-undang mengatakan demikian, kalau kita pergi ke mahkamah kita tahu bahawa hukuman yang akan dikenakan ialah ini, tetapi kita pergi ke mahkamah, hakim berkata bahawa: "Walaupun undang-undang ada macam itu, tetapi saya berpendapat bahawa saya boleh menggunakan undang-undang lain seperti natural justice dan sebagainya dan walaupun undang-undang mengatakan boleh duduk cuma setahun, tetapi saya berpendapat dia boleh duduk sepanjang masa. Kalau permit diberi untuk satu tahun, dia boleh dapat permit sepanjang masa". Jadi itu bercanggah dengan undang-undang dan yang kita hendak dalam pindaan ini ialah hakim mestilah berpandukan kepada Federal Law, itu sahaja. Bukan kita kata kita hendak jadi lawyer. . . .

**Tuan Gooi Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera bangun.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya bertanya, adakah Kerajaan bersetuju prinsip mahkamah-mahkamah ada kuasa untuk review tindakan-tindakan atau action Kerajaan?

Yang kedua, kalau Kerajaan tidak bersetuju dengan satu keputusan tentang sesuatu kes, bukankah lebih wajar pinda undang-undang itu dan bukan kurangkan kuasa Judiciary? Terima kasih. (*Tepuk*)

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham Ahli Yang Berhormat itu masih bercakap berkenaan dengan "kurangkan". Kita kata berpandukan undang-undang, kita boleh pinda undang-undang dan hakim boleh review kalau kita buat sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang. Kalau dalam menjalankan tugas Menteri umpamanya, kita tidak berpandu kepada undang-undang, dia berhak bawa kes ke mahkamah, dia kata Menteri ini tidak berpandu kepada undang-undang dan kita terima keputusan hakim. Tetapi kalau dia pergi ke mahkamah, dia kata: "Walaupun Menteri mengikut undang-undang tetapi saya berpendapat bahawa kita boleh buat undang-undang lain, kita boleh beri lain daripada yang terdapat dalam undang-undang". Jadi dalam keadaan itu, Menteri tidak dapat bekerja. Apa yang dia buat, dia tidak tahu sama ada sah atau tidak sah. Yang saya minta cuma satu sahaja, pegang kepada undang-undang. Kita pun pegang kepada undang-undang, hakim pun pegang kepada undang-undang.

Saya ingin menarik perhatian kepada ucapan yang dibuat oleh Ahli dari Petaling Jaya tadi yang berkata bahawa "All people are equal before the law". Jadi, kalau kita "equal before the law" bermakna bahawa law itu sudah ada dan yang kita faham. Kalau dia kata berkenaan dengan yang ini, saya ingin pegang kepada undang-

undang yang lain, maka kita tidak dapat hendak tentukan apa nasib kita bila kita ambil tindakan. Ini amat penting bagi Kerajaan kerana Kerajaan selalu bekerja mengikut undang-undang. Kita tidak buat sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang, kerana kita tahu kalau bercanggah dengan undang-undang, kita mungkin didakwa di mahkamah dan mahkamah akan batalkan atau mengambil apa-apa tindakan terhadap kita. Tetapi bila kita buat mengikut undang-undang tetapi hakim kata: "Saya tidak mahu pakai undang-undang ini". Jadi susahlah bagi kita hendak bekerja. Itu sahaja maksud kita di sini iaitu kita hendak suruh semua orang patuh kepada undang-undang.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban bangun.

**Perdana Menteri:** Saya belum habis cerita lagi! (*Ketawa*)

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat ada mengatakan berkenaan kes dadah iaitu hukuman mandatory. Saya rasa banyak kes-kes terjadi dan hakim-hakim pun sudah ikut undang-undang itu dan lain-lain kes juga. Saya pun ada berbincang dengan hakim-hakim lain, mereka mengatakan mereka tidak bantah atau, dengan izin, challenge undang-undang dari Parlimen atau Federal Law. Kalau macam itu saya tidak faham apa sebab Kerajaan atau pihak Barisan Nasional mahu menghapuskan Judicial power kepada hakim-hakim. Saya tidak faham, what is the purpose, itu belum jelas.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu macam mana lagi saya hendak terangkan (*Ketawa*) tetapi saya hendak beri satu lagi contoh berkenaan dengan bagaimana

hakim membuat tindakan yang bercanggah dengan undang-undang.

Dalam kes UEM umpamanya, adalah jelas bahawa tindakan Kerajaan tidak boleh dihalang melalui injunction dan ini disebut di dalam Government Proceedings Ordinance, 1956 yang berkata:

“Where in any proceeding against the Government, any such relief is sought as might in proceedings between subjects, be granted by way of injunction of specific performance, the court shall not grant an injunction or make an order for specific performance that may in lieu thereof make an order declaratory of the rights of the parties”.

Maksudnya di sini ialah, kalau di antara dua orang berasa tidak puashati, satu pihak boleh mengambil injunction terhadap pihak yang lain, tetapi injunction tidak boleh dibuat terhadap Kerajaan. Ini jelas daripada undang-undang, tetapi hakim ada yang memutuskan bahawa walaupun ada peruntukan yang semacam ini, hakim tidak mahu pegang kepada ini, masih juga mengenakan injunction kepada Kerajaan. Ini bermakna sudah lari daripada undang-undang yang sedia ada, yang terang di sini—

“The court shall not in any civil proceedings grant any injunction or make any order against an officer of the Government”.

Terang sudah di sini, tetapi dalam kes UEM sepertimana yang kita tahu mahkamah mengenakan injunction terhadap Kerajaan. Jadi dalam perkara ini. . . .

**Tuan Gooi Hock Seng:** (*Bangun*)

**Perdana Menteri:** Minta maaf, bila saya sudah habis boleh bertanya, kalau tidak fahamlah! (*Ketawa*)

Dalam kes UEM, kita telah bertindak mengikut aturan peraturan yang sah. Kalau mana-mana pihak

berpendapat bahawa Kerajaan terlibat dengan rasuah, ada cara-caranya untuk membawa kes rasuah terhadap Kerajaan tetapi mengambil injunction against the Government tidak dibenarkan mengikut undang-undang. Tetapi kita dapati bahawa keputusan yang dibuat yang mengenakan injunction kepada Kerajaan. Jadi, ini mengelirukan Kerajaan sehingga dia tidak boleh bertindak sama ada benda yang dibuat mengikut undang-undang itu bolehkah jadi salah ataupun tidak. Kerajaan akan terganggu, sebab itu saya sebutkan bahawa pindaan ini ialah untuk melicinkan pentadbiran, kalau Hakim pegang kepada Federal Law, kita pegang kepada Federal Law, mudah kita mengambil tindakan, tetapi kalau kita pegang kepada Federal Law, Hakim pegang kepada natural justice, judicial review, yang kita tidak tahu, jadi sukar bagi kita hendak ambil tindakan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** (*Bangun*)

**Perdana Menteri:** Hendak tanya apa?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, tentang penjelasan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang injunction, kita setuju injunction tidak boleh diambil pada Kerajaan, tetapi dalam kes U.E.M. rintihan Yang Berhormat dari Tanjong sesungguhnya minta injunction pada U.E.M. bukan pada Kerajaan. Dan kesnya atau isunya bukan sahaja injunction, tetapi locus standi, kes ini ditolak atas isu locus standi bukan sahaja injunction.

Dalam kes appeal dua kali di antara 8 Judges, Supreme Court sebenarnya 5 Hakim setuju ada locus standi, hanya 3 tidak setuju. (*Tepuk*) Tetapi DAP anggap keputusan ini dan kita juga berharap pihak Kerajaan pun menganggap keputusan ini, sebab kalau semua 8 Hakim-hakim menuduh sekali Kerajaan memanglah kalah. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu, adakah Kerajaan mengurangkan kuasa Judiciary atas pindaan ini. Kalau kita ikut sebab-sebab Kerajaan untuk meminda atau introduce pindaan ini semalam dari hujah-hujah Perdana Menteri, alasannya Kerajaan tidak setuju, tidak boleh terima konsep natural justice, "doctrine of binding precedence" atau Common Law Principle, tujuan ialah tolak semua ini, bukankah itu maksud mengurangkan "inherent jurisdiction of the Court"? (*Tepuk*)

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga berkata dalam ucapannya semalam iaitu yang supreme dalam negara kita ini ialah Perlembagaan, yang tidak disebut supreme ialah "inherent jurisdiction of the Court", tidak disebut sebagai supreme. Jadi Court juga mesti patuh kepada Perlembagaan. Ahli Yang Berhormat sendiri berkata (*Tepuk*), sebab itu kita berpegang.

Berkenaan dengan kes U.E.M. ini, memanglah pihak DAP pandai sue U.E.M., tidak sue Kerajaan, tetapi Judge di Pulau Pinang berkata bahawa walaupun dia cuba mengambil injunction against U.E.M., tetapi in effect it is against the Government. Jadi, ada "undang di sebalik batu" (*Tepuk*), tidak habis lagi hendak jawab ini. . . . .

**Tuan Gooi Hock Seng:** (*Bangun*)

**Perdana Menteri:** I still have a lot. . . . .

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tentang perkara justice. . . . .

**Perdana Menteri:** Tidak payahlah. . . . .

**Tuan Gooi Hock Seng:** Sudah ditolak oleh Supreme Court.

**Perdana Menteri:** Nanti saya jawab semua dahulu. Soal bilangan Hakim

ini satu Court ada 5 Hakim, satu Court ada 3 Hakim. Jadi dengan kerana itu dapatlah disparity bilangan Hakim yang memihak kepada satu pihak dan yang memihak kepada pihak yang lain, tetapi yang diutarakan ialah siapa yang membuat keputusan yang terakhir. Kalau kita hendak kira jumlah Hakim lebih baiklah kita ada 5, 10, 15 selepas itu kita undi (*Tepuk*), kalau itu asas Kehakiman. Tetapi asas Kehakiman ialah argumentnya, asas-asas yang digunakan untuk membuat sesuatu keputusan, bila dikatakan tidak ada locus standi, bermakna tidak ada locus standi, kalau dikatakan oleh pihak yang tertinggi sekali, itu sahaja keputusan kita. Kalau hendak jumlah Hakim, kita ada banyak Hakim sitting with 12, selepas itu kita tengok siapa dapat majority.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat juga berkata bahawa saya tidak tunjuk respect kepada Hakim. Sebenarnya bukan saya tidak tunjuk respect kepada Hakim, saya tidak tunjuk respect kepada keputusan. Hakim kita boleh respect. Macam di Hongkong, Hakimnya juga kena dikedam di luar daripada mahkamah, dan dia tidak ada ambil apa-apa tindakan pun. Sebaliknya Hakim itu sekarang ini sudahpun letak jawatan yang mana ini samalah dengan pengakuan bahawa Hakim pun biasa salah juga. (*Tepuk*)

Di Malaysia Kerajaan tidak pernah mengkritik Hakim, walaupun keputusan Hakim tidak memihak kepada Kerajaan, tetapi keputusan-keputusan ini diasaskan kepada undang-undang dan hujah-hujah yang rational. Jika hari ini kita terpaksa mengkritik secara tidak langsung, sebabnya ialah seperti di Hongkong hujah-hujah Hakim tidak berasas dan cemuan dibuat yang tidak ada kena-mengena dengan kes. Apakah kerana satu butir maklumat tidak betul, maka semua butir-butir yang lain, yang betul pun menjadi tidak betul? Apakah benar kerana satu butir ini tidak betul,

maka Menteri berniat buruk? 5 butir maklumat yang lain sudah mencukupi untuk Kerajaan bertindak. Tidak payah masuk yang ke-6 itu, tetapi Kerajaan memasukkan yang ke-6 itu kerana kita percaya bahawa itu adalah laporan yang sah. Jika didapati bahawa laporan itu tidak tepat, maka ini tidaklah menunjukkan bahawa Menteri itu sengaja memasukkan laporan yang tidak perlu kerana yang lain sudah mencukupi, laporan yang satu lagi tidak perlu dan ini perbuatan berasas kepada niat jahat Menteri.

**Tuan Gooi Hock Seng:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera ya!

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam satu kertas tuduhan ada alasan-alasan yang tidak benar, tidakkah itu bermaksud fabrication (lies), sebab ini tentang kebebasan individu, memang ini bukan niat Menteri yang berkenaan, tetapi Menteri yang berkenaan mesti mahu tanggungjawab. Itu bukan satu attack sendiri, satu discretion telah digunakan, mahu cukup-cukup disiasat.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat kata mula niat jahat, tetapi selepas itu dia kata bukan niat jahat pula. Saya pun tidak tahu yang mana satu yang dia hendak pegang, tetapi saya menerima, saya hendak cakap terang-terang, kita mempunyai 106 kes yang terpaksa saya kaji untuk menentukan sama ada patut disimpan sekejap ataupun dilepas. Jadi, tiap-tiap satu kes itu mempunyai macam-macam kesalahan, kadang-kadang satu, kadang-kadang lima, kadang-kadang sepuluh.

Saya mesti habiskan kerja ini dalam jangka masa yang singkat kerana kita tidak boleh melebihi dua bulan, jadi dalam masa yang singkat itu, saya membaca segala butir-butir itu dan saya tidak ada sebab untuk mensyaki

bahawa butiran yang disampaikan kepada saya itu dibuat oleh pegawai secara tidak menyemak ataupun secara niat buruk.

Saya biasanya menerima laporan daripada pegawai yang sama, yang saya dapati tiap-tiap kali laporan itu dibuat adalah sah, jadi dalam beratus butiran yang saya baca terlepas satu yang saya tidak syaki apa-apa dan saya tidak ada sebab hendak syak.

Lepas itu butiran itu sahaja digunakan sebagai asas membuat keputusan dalam Mahkamah, sedangkan lima lagi butiran yang sah itu tidak digunakan sama sekali. Sebab itu, saya berkata semalam, kalau seorang didapati membunuh enam orang dan di dalam Mahkamah didapati bahawa seorang itu tidak tepat, bukan dia yang membunuh, orang lain yang membunuh, maka dia sekarang ini tidak salah kerana membunuh yang lima lagi. Saya tidak faham lojik itu. Itu yang saya sebut.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Saya rasa kesal Perdana Menteri mengeluarkan pembunuhan dengan preventive detention. Dalam kes pembunuhan ada trial, ada defence. Ini preventive detention tidak ada trial. (*Tepuk*)

**Perdana Menteri:** Buat lengoh sahaja ketuk meja (*Ketawa*), buat apa. Saya cuma bertindak mengikut undang-undang yang memberi hak kepada saya, menyemak segala butiran dan membuat keputusan. Kalau tiap-tiap satu kes itu hendak kita bawa ke Mahkamah, sampai bila pun tidak boleh habis. Prinsip preventive detention ini ialah seseorang itu belum lagi melakukan sesuatu, tetapi disangka boleh melaku sesuatu dan saya mesti timbang perkara ini, memang tidak seperti dibunuh tetapi yang saya sebut bahawa Mahkamah pun mestilah terima, kalau dibawa ke Mahkamah butiran yang sah. Dalam kes membunuh, dia kena terima yang

lima itu betul-betul benar dia membunuh. Dia tidak boleh kata kerana satu tidak dibunuh maka yang lima lagi pun tidak dibunuh. Orang itu tidak hidup balik, dua sudah mati. Saya harap Ahli Yang Berhormat faham.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang pertama memandangkan bahawa Yang Amat Berhormat pandai memberi hujah-hujah undang-undang (*Tepuk*) memandangkan beliau berbuat demikian nampaknya adakah beliau bertujuan dalam kes rayuan ini Mahkamah Agung, adakah beliau bertujuan untuk membela kes Kerajaan sendiri? Oleh kerana saya memikir kalau beliau memberi hujah begini mungkin beliau akan menghadapi masalah besar. Yang kedua, kalau seorang telah dituduh bahawa dia sudah bunuh enam orang, seperti saya cakap Yang Amat Berhormat jahat bunuh enam orang, sekiranya sudah didapati bahawa satu tuduhan salah, adakah ini mungkin bahawa semua pun salah. Ini logik juga—satu side of story, dengan izin. (*Tepuk*)

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Ahli Yang Berhormat itu adalah penasihat kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera. (*Ketawa*) Semalam pun dia beri nasihat. (*Ketawa*) Saya ingin nasihat Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera jangan dengar Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching. (*Ketawa*) Itulah sebabnya Ahli Yang Berhormat buat statement yang tidak betul fasal dengar daripada dia. Ini dia kata kalau dalam kes enam orang dibunuh, satu didapati betul membunuh, adakah yang lain itu juga semuanya dibunuh? Satu itu dibunuh sudah cukup untuk hukum gantung, tidak payah kira yang lima lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah menyebut beberapa perkara yang

saya ingin jelaskan di sini, iaitu dengan membuat quote daripada seorang bekas Lord President bahawa Mahkamah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "the courts are the only defence against departmental action". Ini memang benar. Kita harap Mahkamah akan menjaga keadilan dan mempertahankan rakyat daripada tindakan yang tidak baik oleh mana-mana Jabatan Kerajaan. Tetapi yang saya hendak soal ialah apabila Mahkamah pula menekan orang, di mana pula kita hendak tanya? Siapakah yang akan mempertahankan kita? Who defends us when the court goes wrong? Ini yang saya berasa curious kerana tohmahan-tohmahan dibuat dengan sewenang-wenangnya, yang tidak ada kena-mengena dengan kes dan kita tidak dapat mempertahankan diri kerana kalau kita tegur maka ini menjadi contempt of court. Jadi, itu yang menyebabkan kita berasa sedih kerana kalau all people are equal before the law. The judges also must be equal before the law. They must not be above the law. They must abide by the law as much as we have to abide by the law. (*Tepuk*) Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kita ada undang-undang yang kita semua patuhi dan kita harap hakim-hakim juga akan mematuhi kepada undang-undang yang sama. Kalau hakim membuat tuduhan yang tidak berasas kepada orang yang tidak boleh menjawab maka tidak ada persamaan, equality before the law. Kalau ini berlaku, maka aniyalah rakyat, kerana rakyat tidak boleh menghukum hakim, tetapi hakim boleh menghukum rakyat. Jadi kalau kita kata the courts are the only defence against departmental action, kita hendak juga supaya kita ada defence daripada action yang dibuat daripada mahkamah.

Ahli Yang Berhormat telah berkata bahawa hakim-hakim dipilih oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang mana ini bermakna

bahawa Perdana Menteri yang memilih hakim. Dan kalau hakim ini membuat sesuatu yang merugikan Kerajaan, itu kesalahan Perdana Menteri. Tetapi saya ingin jelaskan di sini bahawa kita tidak pilih hakim kerana dia sokong Kerajaan. Kita pilih hakim kerana dia adil. Kalau kemudian dia tidak adil, itu masalah lain. Kita tidak dapat tentukan bahawa sesuatu yang kita nilai akan tepat sepanjang masa. Ahli Yang Berhormat juga berkata bahawa A.G. (Attorney-General) kita, Peguam Negara kita juga dipilih oleh Yang di-Pertuan Agong yang bermakna bahawa sayalah yang menasihati sebagai Perdana Menteri menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk memilih A.G. Selepas itu Ahli Yang Berhormat itu berkata bahawa A.G. adalah Perdana Menteri dan Perdana Menteri adalah A.G. Jadi, saya kurang faham kalau A.G. adalah Perdana Menteri dan Perdana Menteri adalah A.G., kerana saya yang menasihati Yang di-Pertuan Agong, maka hakim adalah Perdana Menteri dan Perdana Menteri adalah hakim. Apakah Ahli Yang Berhormat anggap saya hakim. Kalau anggap saya hakim, saya boleh hukum Yang Berhormat sekarang ini. *(Ketawa)*

Soal ikrar setia oleh pegawai. Pegawai dikehendaki ikrar taat setia kepada Kerajaan. Kalau barang dijauhi Allah, DAP jadi Kerajaan, rakyat dan pegawai kena ikrar taat setia kepada DAP. Ada bekas-bekas DAP yang jadi Kerajaan di tempat lain. Jadi, semua orang kena ikrar taat setia kepada DAP itu. Bukan DAP sekarang ini, bekas-bekas DAP. Tidak tahulah, fikir, tengok siapa dia.

Soal pelabur asing kononnya tidak suka Malaysia. Ahli Yang Berhormat barangkali tidak baca suratkhobar. *(Tepuk)* Sudah jawab, hari-hari orang datang. Danish Prime Minister pun ada di sini sekarang ini fasal hendak buat pelaburan lagi. Jadi, saya advise Ahli Yang Berhormat

baca suratkhobar, saya tidak payah jawab.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ada hujah dengan syarat "berbanding dengan negara-negara berjiran dengan kita" di mana kadar ekonomi mereka selalunya tidak meningkat begitu tinggi sebagaimana negara kita. Tetapi pada masa enam, tujuh tahun ini, berbanding dengan negara-negara berjiran, mengapa kadar ekonomi mereka berkembang lebih laju daripada kadar negara kita. Itulah maksud saya.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebabnya kerana DAP tidak berhenti-henti membangkitkan soal kaum, soal itu, tidak ada stability apa semuanya. *(Tepuk)* Beritahu kepada orang asing kononnya ini adalah Police state, macam-macam lagi. Itulah sebabnya. Kalau Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli DAP semua tolong diam mulut sedikit, tutup mulut sedikit, kita ada dapat banyak lagi pelaburan. Sebab itulah di Thailand tidak ada DAP. *(Ketawa)*

**Dr Chen Man Hin:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban bangun.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, saya ingat penjelasan itu tidak tepat, sebab bukan DAP sahaja mengkritik Kerajaan tetapi suratkhobar di luar negeri macam-macam mengkritik sebegitu juga.

**Dato' K. Pathmanaban:** *(Bangun)*

**Perdana Menteri:** Saya bersetuju suratkhobar lapor macam itu. Itu kerana semua maklumat dapat daripada DAP. *(Tepuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat, ada usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAS- KAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.22 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul yang berbunyi:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) dan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Amat Berhormat.

6.26 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab hampir semua soalan ini, cuma berkenaan dengan peranan A.G. untuk memindahkan kes daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi tanpa mengadakan preliminary enquiry sepertimana perkataan dalam pindaan ini hak A.G. adalah memindahkan dari satu mahkamah kepada mahkamah yang lain. Bukan menentukan siapa yang menjadi Hakim. Hakim mahkamah itu adalah tanggungjawab pihak yang lain dan pihak A.G. tidak berhak untuk memilih Hakim tetapi hanya memilih mahkamah dalam usahanya untuk mempercepatkan proses kehakiman dalam kes-kes tertentu. Itu sahaja hak A.G., bukan haknya untuk menentukan cuma friendly hakim yang dapat membicarakan kes-kes tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penjelasan. (*Tepuk*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dan ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada 2/3 dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46 (5), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama 2 minit.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelahbahagi.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak mengumumkan keputusan pengundian, Yang Bersetuju ialah 142. (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, 18. (*Tepuk*) Lebih suara yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

YANG BERSETUJU

1. Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
2. Y.A.B. Tuan Abdul Ghafar bin Baba.
3. Y.B. Dato Dr Ling Liong Sik.
4. Y.B. Dato' S. Samy Vellu.
5. Y.B. Dato' Dr Lim Keng Yaik.
6. Y.B.M. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail.
7. Y.B. Datuk Leo Moggie.
8. Y.B. Datin Paduka Rafidah Aziz.
9. Y.B. Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud.
10. Y.B. Datuk Seri Sanusi bin Junid.
11. Y.B. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.
12. Y.B. Tuan Anwar bin Ibrahim.
13. Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
14. Y.B. Datuk Paduka Daim Zainuddin.
15. Y.B. Dato' Chan Siang Sun.
16. Y.B. Tuan Lee Kim Sai.
17. Y.B. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.
18. Y.B. Tuan Kasitah bin Gaddam.
19. Y.B. Tuan Ng Cheng Kiat.
20. Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat.
21. Y.B. Dato' Haji Sabbaruddin Chik.
22. Y.B. Dato Napsiah binti Omar.
23. Y.B. Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor.
24. Y.B. Tuan Mustaffa bin Mohammad.
25. Y.B. Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud.
26. Y.B. Tuan D. P. Vijandran.
27. Y.B. Dato' K. Pathmanaban.
28. Y.B. Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha.
29. Y.B. Tuan Luhah Wan.
30. Y.B. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
31. Y.B. Dato' S. Subramaniam.
32. Y.B. Dato' Oo Gin Sun.
33. Y.B. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob.
34. Y.B. Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha.
35. Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai.
36. Y.B. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
37. Y.B. Dato' Alexander Yu Lung Lee.
38. Y.B. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed.
39. Y.B. Tuan Wang Choon Wing.
40. Y.B. Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman.
41. Y.B. Dato' Kok Wee Kiat.
42. Y.B. Tuan Woon See Chin.
43. Y.B. Tuan Kalakau Untol.
44. Y.B. Tuan Loke Yuen Yow.
45. Y.B. Tuan Osu bin Haji Sukam.
46. Y.B. Tuan Railey bin Jaffrey.
47. Y.B. Tuan Law Hieng Ding.
48. Y.B. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail.

49. Y.B. Tuan Alias bin Md. Ali.
50. Y.B. Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman.
51. Y.B. Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus.
52. Y.B. Dr Leo Michael Toyad.
53. Y.B. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.
54. Y.B. Tuan Abdul Ghani bin Othman.
55. Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed.
56. Y.B. Tuan Haji Awang bin Jabar.
57. Y.B. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad.
58. Y.B. Cik Teng Gajk Kwan.
59. Y.B. Tuan Peter Chin Fah Kui.
60. Y.B. Tuan Ong Tin Kim.
61. Y.B. Tuan M. G. Pandithan.
62. Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Suliman.
63. Y.B. Tuan Othman bin Abdul.
64. Y.B. Tuan Mohamed bin Jamrah.
65. Y.B. Tuan Adam bin Abdul Kadir.
66. Y.B. Tuan Abdol Mulok Awang Damit.
67. Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani.
68. Y.B. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
69. Y.B. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.
70. Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Bakar.
71. Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah.
72. Y.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud.
73. Y.B. Dato' Abdullah Ahmad.
74. Y.B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
75. Y.B. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar.
76. Y.B. Tuan Ahmad bin Omar.
77. Y.B. Tuan Haji Basri bin Bajuri.
78. Y.B. Datuk Bernard Giluk Dompok.
79. Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.
80. Y.B. Tuan Chew Kam Hoy.
81. Y.B. Tuan Chua Jui Meng.
82. Y.B. Tuan Douglas Uggah Embas.
83. Y.B. Tuan Ghazali bin Ahmad.
84. Y.B. Dr Goh Cheng Teik.
85. Y.B. Tuan Hashim bin Safin.
86. Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.
87. Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali.
88. Y.B. Tuan Ismail bin Said.
89. Y.B. Tuan Jawan anak Gerang.
90. Y.B. Tuan Jimbun anak Pungga.
91. Y.B. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut.
92. Y.B. Datuk Kadok Agundong.
93. Y.B. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad.
94. Y.B. Tuan Lainus anak Andrew Luwak.
95. Y.B. Tuan Law Lai Heng.
96. Y.B. Dato' Paul Leong Khee Seong.
97. Y.B. Dr Lim Ann Koon.
98. Y.B. Puan Ling Chooi Sieng.
99. Y.B. Tuan Madatang bin Morejal.
100. Y.B. Tuan Maidom bin Pansai.
101. Y.B. Tuan Michael Asang.
102. Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah.
103. Y.B. Tuan Mohamed bin Haji Isa.

104. Y.B. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan.
105. Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob.
106. Y.B. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
107. Y.B. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof.
108. Y.B. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff.
109. Y.B. Datuk Seri Haji Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam.
110. Y.B. Tuan Mohd. Noh bin Rajab.
111. Y.B. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang.
112. Y.B. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar.
113. Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
114. Y.B. Tuan Mohd. Zibin bin Mohd. Hassan.
115. Y.B. Dato' Musa bin Hitam.
116. Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun.
117. Y.B. Tuan Mutang Tagal.
118. Y.B. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin.
119. Y.B. Dr Nicholas Munong anak Ibau.
120. Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah.
121. Y.B. Tuan Joe Ojhi Supiring.
122. Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan.
123. Y.B. Dr Patau Rubis.
124. Y.B. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau.
125. Y.B. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali.
126. Y.B. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad.
127. Y.B. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman.
128. Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
129. Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai.
130. Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim.
131. Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed.
132. Y.B. Tuan S. S. Subramaniam.
133. Y.B. Tuan Taiman bin Lumaing.
134. Y.B. Datuk Daniel Tajem anak Miri.
135. Y.B. Tuan Thomas Salang Siden.
136. Y.B. Tuan Tiew Sung Seng.
137. Y.B. Dr Ting Chew Peh.
138. Y.B. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid.
139. Y.B. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie.
140. Y.B. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar.
141. Y.B. Dato Zainal Abidin bin Zin.
142. Y.B. Tuan Zubir bin Embong.

YANG TIDAK BERSETUJU

1. Y.B. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad.
2. Y.B. Dr Chen Man Hin.
3. Y.B. Tuan Chian Heng Kai.
4. Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu.
5. Y.B. Dr Eng Seng Chai.
6. Y.B. Tuan Fung Ket Wing.
7. Y.B. Tuan Gerard Math Lee Min.
8. Y.B. Tuan Gooi Hock Seng.
9. Y.B. Tuan Hsing Yin Shean.
10. Y.B. Tuan Hu Sepang.
11. Y.B. Lee Lam Thye.
12. Y.B. Tuan Liew Ah Kim.
13. Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh.
14. Y.B. Tuan Peter Paul Dason.
15. Y.B. Sim Kwang Yang.

16. Y.B. Tuan Tan Kok Wai.
17. Y.B. Tuan Teoh Teik Huat.
18. Y.B. Tuan Ting Chek Ming.

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 12* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah dibentangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Saya memerintahkan supaya diadakan satu belah bahagian mengikut Peraturan Mesyuarat 46 (5).

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*Loceng dibunyikan.*

*Dewan berbelahbahagi.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi, sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

Undian dijalankan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan pengundian tadi: Yang Bersetuju, 142 (*Tepuk*); Yang Tidak Bersetuju, 18. (*Tepuk*) Lebih suara yang bersetuju. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. (*Tepuk*)

YANG BERSETUJU.

1. Y.A.B. Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad.
2. Y.A.B. Tuan Abdul Ghafar bin Baba.
3. Y.B. Dato Dr Ling Liong Sik.
4. Y.B. Dato' S. Samy Vellu.
5. Y.B. Dato' Dr Lim Keng Yaik.
6. Y.B.M. Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj bin Tengku Ismail.
7. Y.B. Datuk Leo Moggie.
8. Y.B. Datin Paduka Rafidah Aziz.
9. Y.B. Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud.
10. Y.B. Datuk Seri Sanusi bin Junid.
11. Y.B. Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze.
12. Y.B. Tuan Anwar bin Ibrahim.
13. Y.B. Dato' Abu Hassan bin Haji Omar.
14. Y.B. Datuk Paduka Daim Zainuddin.
15. Y.B. Dato' Chan Siang Sun.
16. Y.B. Tuan Lee Kim Sai.
17. Y.B. Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak.
18. Y.B. Tuan Kasitah bin Gaddam.
19. Y.B. Tuan Ng Cheng Kiat.

20. Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat.
21. Y.B. Dato' Haji Sabbaruddin Chik.
22. Y.B. Dato Napsiah binti Omar.
23. Y.B. Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor.
24. Y.B. Tuan Mustaffa bin Mohammad.
25. Y.B. Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud.
26. Y.B. Tuan D. P. Vijandran.
27. Y.B. Dato' K. Pathmanaban.
28. Y.B. Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha.
29. Y.B. Tuan Luhah Wan.
30. Y.B. Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed.
31. Y.B. Dato' S. Subramaniam.
32. Y.B. Dato' Oo Gin Sun.
33. Y.B. Dato' Megat Junid bin Megat Ayob.
34. Y.B. Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha.
35. Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai.
36. Y.B. Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali.
37. Y.B. Dato' Alexander Yu Lung Lee.
38. Y.B. Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed.
39. Y.B. Tuan Wang Choon Wing.
40. Y.B. Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman.
41. Y.B. Dato' Kok Wee Kiat.
42. Y.B. Tuan Woon See Chin.
43. Y.B. Tuan Kalakau Untol.
44. Y.B. Tuan Loke Yuen Yow.
45. Y.B. Tuan Osu bin Hahi Sukam.
46. Y.B. Tuan Railey bin Jaffrey.
47. Y.B. Tuan Law Hieng Ding.
48. Y.B. Datin Paduka Hajjah - Zaleha binti Ismail.
49. Y.B. Tuan Alias bin Md. Ali.
50. Y.B. Raja Dato Ariffin bin Raja Sulaiman.
51. Y.B. Dato Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus.
52. Y.B. Dr Leo Michael Toyad.
53. Y.B. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan.
54. Y.B. Tuan Abdul Ghani bin Othman.
55. Y.B. Drs Suleiman bin Mohamed.
56. Y.B. Tuan Haji Awang bin Jabar.
57. Y.B. Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad.
58. Y.B. Cik Teng Gaik Kwan.
59. Y.B. Tuan Peter Chin Fah Kui.
60. Y.B. Tuan Ong Tin Kim.
61. Y.B. Tuan M. G. Pandithan.
62. Y.B. Tuan Abdul Raman bin Suliman.
63. Y.B. Tuan Othman bin Abdul.
64. Y.B. Tuan Mohamed bin Jamrah.
65. Y.B. Tuan Adam bin Abdul Kadir.
66. Y.B. Tuan Abdol Mulok Awang Damit.
67. Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani.
68. Y.B. Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir.
69. Y.B. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad.
70. Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Bakar.
71. Y.B. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah.
72. Y.B. Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud.
73. Y.B. Dato' Abdullah Ahmad.

74. Y.B. Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.
75. Y.B. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar.
76. Y.B. Tuan Ahmad bin Omar.
77. Y.B. Tuan Haji Basri bin Bajuri.
78. Y.B. Datuk Bernard Giluk Dompok.
79. Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.
80. Y.B. Tuan Chew Kam Hoy.
81. Y.B. Tuan Chua Jui Meng.
82. Y.B. Tuan Douglas Uggah Embas.
83. Y.B. Tuan Ghazali bin Ahmad.
84. Y.B. Dr Goh Cheng Teik.
85. Y.B. Tuan Hashim bin Safin.
86. Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.
87. Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Ali.
88. Y.B. Tuan Ismail bin Said.
89. Y.B. Tuan Jawan anak Gerang.
90. Y.B. Tuan Jimbun anak Pungga.
91. Y.B. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut.
92. Y.B. Datuk Kadoh Agundong.
93. Y.B. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad.
94. Y.B. Tuan Lainus anak Andrew Luwak.
95. Y.B. Tuan Law Lai Heng.
96. Y.B. Dato' Paul Leong Khee Seong.
97. Y.B. Dr Lim Ann Koon.
98. Y.B. Puan Ling Chooi Sieng.
99. Y.B. Tuan Madatang bin Morejal.
100. Y.B. Tuan Maidom bin Pansai.
101. Y.B. Tuan Michael Asang.
102. Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Abdullah.
103. Y.B. Tuan Mohamed bin Haji Isa.
104. Y.B. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan.
105. Y.B. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob.
106. Y.B. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim.
107. Y.B. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof.
108. Y.B. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff.
109. Y.B. Datuk Seri Haji Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam.
110. Y.B. Tuan Mohd. Noh bin Rajab.
111. Y.B. Tuan Mohd. Sharif bin Jajang.
112. Y.B. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar.
113. Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.
114. Y.B. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan.
115. Y.B. Dato' Musa bin Hitam.
116. Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun.
117. Y.B. Tuan Mutang Tagal.
118. Y.B. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin.
119. Y.B. Dr Nicholas Munong anak Ibau.
120. Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah.
121. Y.B. Tuan Joe Ojihi Supiring.
122. Y.B. Datuk Joseph Pairin Kitingan.
123. Y.B. Dr Patau Rubis.
124. Y.B. Datuk Peter Tinggom anak Kamarau.
125. Y.B. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali.
126. Y.B. Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad.

127. Y.B. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman.
128. Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.
129. Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai.
130. Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim.
131. Y.B. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed.
132. Y.B. Tuan S. S. Subramaniam.
133. Y.B. Tuan Taiman bin Lumaing.
134. Y.B. Datuk Daniel Tajem anak Miri.
135. Y.B. Tuan Thomas Salang Siden.
136. Y.B. Tuan Tiew Sung Seng.
137. Y.B. Dr Ting Chew Peh.
138. Y.B. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid.
139. Y.B. Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie.
140. Y.B. Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar.
141. Y.B. Dato Zainal Abidin bin Zin.
142. Y.B. Tuan Zubir bin Embong.

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

1. Y.B. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad.
2. Y.B. Dr Chen Man Hin.
3. Y.B. Tuan Chian Heng Kai.
4. Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tse.
5. Y.B. Dr Eng Seng Chai.
6. Y.B. Tuan Fung Ket Wing.
7. Y.B. Tuan Gerard Math Lee Min.
8. Y.B. Tuan Gooi Hock Seng.
9. Y.B. Tuan Hsing Yin Shean.
10. Y.B. Tuan Hu Sepang.
11. Y.B. Tuan Lee Lam Thye.
12. Y.B. Tuan Liew Ah Kim.
13. Y.B. Tuan Ngoi Thiam Woh.
14. Y.B. Tuan Peter Paul Dason.

15. Y.B. Tuan Sim Kwang Yang.
16. Y.B. Tuan Tan Kok Wai.
17. Y.B. Tuan Teoh Teik Huat.
18. Y.B. Tuan Ting Chek Ming.

**YANG TIDAK MENGUNDI:**

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Setiausaha:** Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) bacaan kali yang kedua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan sehingga pukul 7.00 petang ini.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 6.40 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 7.04 malam*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERTUBUHAN (PINDAAN)  
1988**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*7.05 mlm.*

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu undang-undang itu digubal oleh kerana masalah yang dihadapi oleh masyarakat memerlukan penyelesaian atau perlindungan. Penggubal undang-undang dan Kerajaan dalam membekalkan undang-undang mungkin tidak dapat memilih dan mengambil kira akan semua perubahan

situasi yang boleh berlaku dalam masyarakat. Justeru itu, kerap juga terjadi yang mana satu undang-undang yang sesuatu masa didapati tidak sesuai di masa yang lain. Sebab itu kita terpaksa membuat pindaan, kadang-kadang berkali-kali terhadap undang-undang negara.

Demikianlah dengan Undang-undang Pertubuhan yang berkuatkuasa ke atas bermacam-macam jenis pertubuhan dari persatuan belia hingga kepada pertubuhan politik, dari badan amal hingga ke badan profesional. Badan-badan ini bukan sahaja berbeza dari segi tujuan dan undang-undang tubuhnya, tetapi juga daripada segi bilangan ahli dan skop kegiatannya. Justeru itu, apa yang sesuai bagi sesuatu pertubuhan, mungkin tidak praktikal bagi pertubuhan yang lain. Dengan itu juga apa yang sesuai bagi satu masa mungkin tidak sesuai pada masa yang lain.

Di antara peruntukan Undang-undang Pertubuhan yang sukar di amalkan oleh pertubuhan yang besar ialah keperluan mengawasi kegiatan semua ahli dan semua cawangan supaya semua pihak mematuhi undang-undang. Peruntukan dalam Seksyen 12, Akta Pertubuhan bermaksud jika mana-mana cawangan sesuatu pertubuhan menyalahi undang-undang sehingga ia dihukum tidak sah atau haram maka pertubuhan induk juga akan menjadi tidak sah dan dengan itu semua cawangan yang sah menjadi tidak sah. Bagi pertubuhan yang mempunyai hanya beberapa cawangan, pengawasan mungkin boleh dibuat oleh pihak badan induk, tetapi adalah mustahil dan tidak praktikal bagi mana-mana Ibu Pejabat Pertubuhan yang mempunyai beribu-ribu cawangan dan berjuta ahli mengawasi semua kegiatan cawangan dan ahli sepanjang masa. Tanpa pengawasan yang rapi maka kemungkinan amalan yang salah

dibuat di peringkat cawangan amatlah besar dan cawangan-cawangan ini mungkin diharamkan. Dengan itu mengikut peruntukan dalam Akta Pertubuhan sekarang, seluruh pertubuhan diharamkan.

Pengharaman pertubuhan yang besar yang terlibat secara langsung dengan politik negara dan Kerajaan seperti yang berlaku baru-baru ini membawa implikasi yang amat luas yang tidak boleh diselesaikan dalam masa berpuluh tahun. Penyelesaian menjadi lebih sukar lagi apabila berlaku perselisihan faham antara ahli-ahli pertubuhan. Apa sahaja yang dibuat untuk mengatasi masalah yang timbul boleh dicabar di Mahkamah. Hak majoriti ahli akan terjejas oleh kerana seorang daripada sejuta ahli tidak mahu menerima penyelesaian, keadaan di mana seorang ahli boleh menggugat atau, dengan izin, hold to ransom, sejuta ahli lain amatlah tidak adil. Bagi parti politik yang mempunyai ratusan ribu bahkan lebih sejuta ahli yang mempunyai cawangan-cawangan di hampir setiap kampung dan bandar yang memiliki berbagai jenis harta, termasuk bangunan kecil dan besar, saham dalam berpuluh-puluh syarikat dan anak syarikat, simpanan dalam bank, hutang kepada berbagai bank dan cawangan-cawangan bank, pekerja-pekerja yang bergaji, sewaan bangunan, pengarah dan pengurus yang mewakili pertubuhan dalam berbagai syarikat, alat-alat pejabat dan lain-lain, pentadbiran oleh Pendaftar Pertubuhan dan Pegawai Pemegang Harta amatlah sukar, melainkan jabatan-jabatan ini menambahkan bilangan kakitangan mereka dengan beribu-ribu orang. Maka keadaan sekarang jabatan-jabatan ini tidak mungkin menguruskan dan melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut yang diperlukan oleh Undang-undang Pertubuhan. Mengenal dan menentukan siapa yang ahli dan siapa yang tidak, siapa yang

berhak dan siapa yang tidak pun menjadi amat sukar. Sudah tentu jika ada harta pertubuhan yang hendak dibahagikan, maka ramai yang akan mengaku menjadi ahli.

Pegawai Pemegang Harta yang ditugaskan untuk mentadbir harta sesebuah pertubuhan yang telah diharamkan terpaksa mengambil masa yang amat panjang, mungkin berpuluh tahun untuk menyelesaikan segala tuntutan. Dalam masa itu harta di bawah jagaannya dan hutang-piutang yang perlu diuruskan akan menjadi beban yang lebih berat kepadanya. Sebenarnya Jabatan Pemegang Harta tidak berkeupayaan daripada segi tenaga manusia mentadbir harta dan hutang yang berjumlah ratusan juta yang berkecamuk di segenap pelusuk negara.

Sebenarnya apa yang dicadangkan di sini bukanlah satu perkara yang luar biasa. Pertubuhan Kebajikan Orang-orang India Semenyih, Selangor dan Kelab Sukan Sepakat Setia Perunding telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan. Pertubuhan baru yang sama namanya telah didaftarkan dan harta kedua-dua pertubuhan tersebut dipindahkan kepada pertubuhan-pertubuhan baru ini. Apa yang dilakukan melalui pindaan Undang-undang Pertubuhan yang dicadangkan sekarang ialah untuk menjelaskan lagi cara yang harus dilakukan untuk mentadbir dan menguruskan harta-harta dan hutang piutang sesebuah pertubuhan apabila pendaftarannya dibatalkan. Dengan ini, pindaan ini adalah diasaskan kepada cara yang telah dilakukan berkenaan dengan pembatalan pendaftaran beberapa kes yang sama sebelum ini.

Di samping itu, pindaan ini menjadi penting kerana seperti yang saya katakan tadi, Jabatan Pemegang Harta tidak mampu untuk mentadbir harta dan hutang-piutang sesebuah pertubuhan yang besar. Hakikat ini

terpaksa diakui dan untuk mengatasi masalah ini, beberapa pindaan terpaksa dibuat dengan segera terhadap Akta Pertubuhan, 1966.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan dan asas-asasnya:

#### *Pindaan kepada seksyen 12*

Menurut peruntukan seksyen 12 (3) Akta sekarang, keseluruhan pertubuhan menjadi pertubuhan yang menyalahi undang-undang jika satu sahaja daripada cawangannya ditubuhkan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pendaftar Pertubuhan. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikan hanya cawangan yang menyalahi undang-undang sahaja dan bukannya keseluruhan pertubuhan itu yang menjadi tidak sah.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, peruntukan yang sama terdapat dalam Akta Pertubuhan di Singapura dan Ordinan Pertubuhan di Hongkong.

#### *Pindaan kepada seksyen 17*

Pindaan-pindaan kepada seksyen 17 Akta ialah mewujudkan subseksyen-subseksyen baru (3), (4), (5), (6) dan (7) di bawah seksyen itu. Subseksyen (3) adalah bertujuan memberi kuasa kepada Pendaftar dan Pegawai Pemegang Harta membuat urusan dengan badan pengelola, pemegang-pemegang jawatan dan pekerja sesuatu pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya. Pindaan ini juga memperuntukkan bahawa orang-orang tersebut dalam memberi apa-apa bantuan berhubung dengan urusan tersebut tidak akan didakwa atas sesuatu kesalahan di bawah berbagai peruntukan Akta ini.

Subseksyen baru (4) adalah memperuntukkan hukuman kepada mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak subseksyen (3) tersebut. Penalti bagi sesiapa yang tidak mematuhi subseksyen tersebut

ialah hukuman penjara tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Subseksyen baru (6) di bawah Seksyen 17 pula adalah bertujuan menjelaskan bahawasanya jika harta suatu pertubuhan adalah terletak pada Pegawai Pemegang Harta, maka harta-harta tiap-tiap cawangan pertubuhan itu, sama ada cawangan itu cawangan yang sah menurut undang-undang, atau yang menyalahi undang-undang, akan juga terletak pada Pegawai Pemegang Harta. Dalam keadaan sedemikian, kuasa Pegawai Pemegang Harta dan Pendaftar di bawah Seksyen 17 mengenai penyelesaian harta adalah terpakai bagi tiap-tiap cawangan itu dan hartanya.

Peruntukan ini adalah perlu memandangkan terdapatnya cawangan-cawangan setengah pertubuhan memiliki harta dan membuat kontrak mengikut keperluan mereka sendiri.

#### *Seksyen baru 17A*

Seksyen baru 17A bertujuan memastikan bahawa seksyen 17 yang berkaitan dengan pengguguran sesuatu pertubuhan menyalahi undang-undang oleh Pegawai Pemegang Harta itu terpakai bagi suatu cawangan yang menyalahi undang-undang.

#### *Seksyen baru 17B*

Seksyen baru 17B bertujuan memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah meletakkan segala aset, hutang dan liabiliti sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 13 dalam sesuatu pertubuhan baru jika perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan baru adalah pada matanya serupa dengan perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan lama dan

jika sebilangan besar orang yang menjadi ahli pertubuhan lama adalah ahli pertubuhan baru.

Kuasa Pegawai Pemegang Harta dalam hubungan ini hanya boleh dijalankan jika ia menerima permintaan bertulis dan mendapat keizinan bertulis daripada badan pengelola pertubuhan baru bagi perletakkan tersebut serta juga suatu akujanji yang menyatakan bahawa pertubuhan baru akan mengambil tanggungjawab bagi segala hutang dan liabiliti pertubuhan lama yang ada ketika itu. Perintah perletakkan mahkamah ke atas permohonan Pegawai Pemegang Harta akan meletakkan pada pertubuhan baru segala harta yang terkandung dalam perintah itu tanpa apa-apa pindahhak, serahak atau pindahmilik selanjutnya.

#### *Seksyen baru 48*

Mengenai Seksyen baru 48 pula, ianya memperuntukkan bahawa adalah menjadi kesalahan bagi sesiapa yang bertindak bagi pihak atau membantu dengan cara apa jua pun, mana-mana pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan juga pemegang-pemegang jawatan pertubuhan berkenaan. Peruntukan ini juga terpakai kepada mana-mana badan pengelola pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pemegang jawatannya.

Walau bagaimanapun, peruntukan seksyen ini tidak terpakai bagi sesuatu rayuan oleh pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau berhubung dengan apa-apa prosiding dalam mahkamah yang melibatkan pertubuhan itu. Penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini ialah hukuman penjara tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

### *Pindaan kepada Seksyen 49*

Pindaan kepada Seksyen 49 adalah bertujuan mengecualikan pemegang-pemegang jawatan dalam parti-parti politik daripada tertakluk kepada peruntukan seksyen 49 sekarang. Seksyen 49 Akta sekarang memperuntukkan bahawa adalah menjadi suatu kesalahan bagi seseorang pemegang jawatan pertubuhan yang telah terbatal pendaftarannya daripada terus memegang jawatan mana-mana pertubuhan lain tanpa izin Pendaftar. Dengan ini, Pemegang-pemegang jawatan dalam parti-parti politik adalah dikecualikan daripada peruntukan ini.

Pindaan kepada seksyen ini juga memperuntukkan tempoh masa 30 hari bagi pemegang jawatan pertubuhan yang terbatal pendaftarannya untuk meminta kebenaran Pendaftar bagi terus memegang jawatan dalam pertubuhan-pertubuhan lain.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang cadangkan dalam Rang Undang-undang Akta Pertubuhan (Pindaan) 1988 adalah untuk mengatasi berbagai masalah pentadbiran sahaja.

Seksyen baru 3A adalah bertujuan memberi kuasa bakian atau dengan izin, kuasa "residual" kepada Pendaftar yang tidak disebutkan dengan nyata dalam Akta untuk membolehkan Pendaftar menjalankan fungsi-fungsinya di bawah Akta ini dengan berkesan.

Seksyen baru 6A pula akan memberi kuasa kepada Pendaftar untuk meminta maklumat lanjut membuat apa-apa pertanyaan berhubung dengan berbagai permohonan di bawah Akta termasuk permohonan untuk mendaftar pertubuhan-pertubuhan, kebenaran penubuhan cawangan-cawangan, kebenaran meminda kaedah atau kebenaran untuk terus memegang jawatan dalam pertubuhan yang lain atau menjadi pemegang jawatan di sesuatu pertubuhan lain.

Kegagalan pihak pertubuhan memenuhi kehendak Pendaftar itu boleh menyebabkan permohonannya ditolak.

Pindaan kepada Seksyen 10 mengkehendaki sesiapa yang memohon untuk membuat pemeriksaan atau mendapatkan salinan dokumen-dokumen yang telah difailkan dengan Pendaftar supaya menyatakan maksud permintaan itu. Pendaftar akan membenarkan permohonan itu jika ia berpuas hati bahawa maksud permohonan itu adalah menurut undang-undang dan ia tidak diminta oleh atau bagi pihak sesuatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang. Pindaan ini bertujuan menghalang permintaan remeh-temeh dan juga permintaan bagi maksud yang tidak sah di sisi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini bertujuan untuk memperbaiki beberapa kelemahan dan ketidakpastian yang terdapat di dalam Akta Pertubuhan sekarang serta melicinkan lagi pentadbiran Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kok Lanas.

7.15 m/m.

**Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas):** Tuan Speaker, saya menyokong pindaan-pindaan ini kerana provisions, dengan izin, atau

tambahan-tambahan ini wajar sekali berikutan dengan pengharaman atau tidak sahnya kewujudan UMNO yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4hb Februari lalu.

Pindaan ini pada zahirnya memperkuatkan kedudukan UMNO Baru tetapi sebenarnya tidak, ia adalah semata-mata sebagai satu "by product", dengan izin, atau hasil kecil dari "legal quagmire" yang mesti dan wajib diatasi segera bagi kestabilan politik, kesejahteraan dan keamanan.

Saya percaya pindaan-pindaan ini akan diterima dengan sebaik mungkin oleh kebanyakan rakyat kerana mereka ingin melihat UMNO kembali pulih dan terus memerintah negara sebaik mungkin.

Tuan Speaker, semenjak 31 tahun dahulu UMNO dengan bantuan rakan-rakannya dari MCA dan MIC pada satu ketika, dan sekarang pula disokong oleh berbagai-bagai parti dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung, telah mentadbir negara kita ini berterusan dan saya berharap kita akan berbuat demikian juga, insya Allah.

Tuan Speaker, dari masa ke semasa kita tidak popular dengan sebahagian kecil rakyat atau setengah kaum. Satu masa dahulu UMNO tidak popular dengan guru-guru Melayu tahun 1959, dan dengan beberapa pressure groups, dengan izin, baru-baru ini dan lain-lain lagi, tetapi pada keseluruhannya UMNO dan Kerajaan Perikatan dahulu dan sekarang Barisan Nasional adalah popular.

Tuan Speaker, saya kembali ingatan kita kepada kata sakti Abraham Lincoln, dengan adaptasi dari saya, dengan izin, "to adapt his famous phrase," I quote, "UMNO or Barisan Nasional democracy has displeased some of the people some of the time, fortunately we did not displease all the people all the time; that is why we are still around". Terjemahannya lebih

kurang begini, this is my translation, dengan izin, "Demokrasi UMNO, Barisan Nasional tidak digemari oleh setengah-tengah orang seketika masa, tetapi kita bernasib baik kerana kita tidaklah pula tidak disukai oleh semua orang setiap waktu, maka sebab itulah UMNO, Barisan Nasional masih berkuasa lagi".

Tuan Speaker, bagaimanakah sebuah Kerajaan yang baik harus di adili? Kini ada lebih dari 150 buah negara di dunia, kecil dan besar, maju dan mundur, dan kebanyakannya negara-negara ini struktur politik dan sosio ekonominya lemah atau "falling apart", dengan izin, sedang menurun. Keadaan dalam negara itu huru-hara, ada rusuhan-rusuhan demonstrasi dan bantahan berlaku, pembunuhan, colek-mencolek dan lain-lain lagi. Setengah berperang pula, ada coup dan counter coup, rampasan kuasa dan sebagainya. Tetapi kita bernasib baik dalam negara kita semua ini tidak berlaku dan kita berdoa agar ia tidak akan berlaku, dan ia tidak akan berlaku kalau teguh di medan siasah, bidang politik kuat, kiranya ekonomi kita berkembang maju dan jika ekonomi stabil dan meningkat dan memang iktisad negara kita sedang meingkat tatkala ini. Maka kebanyakan rakyat kita senang dan kerana itu maka negara kita terus aman, harmoni dan mewah. Itulah ukuran atau yardstick yang paling simple sebuah negara itu atau Kerajaan itu baik atau sebaliknya.

Tuan Speaker, negara kita telah maju tanpa interruption selama 31 tahun kecuali kerana Peristiwa 13 Mei 1969, tetapi kalau Kerajaan kita tidak tegas, tidak berani bertindak kejayaan kita ini, kemakmuran kita ini, yang sedang kita nikmati sekarang ini boleh hilang begitu sahaja atau, dengan izin, "can be speedly reversed".

Tuan Speaker, pindaan-pindaan kepada Akta Pertubuhan ini telah menjadi "absolutely necessary" atau

tidak dapat dielakkan lagi dari presepsi Kerajaan dan kerana reaction kepada apa yang telah berlaku hasil dari pergolakan siasah tempatan, seperti apa yang dilafazkan oleh Perdana Menteri sekejap tadi.

Saya yakin pindaan-pindaan ini tidak akan berlaku kalau tidak ada apa yang telah berlaku. Hal ini tidak boleh dipertikaikan oleh siapa-siapa pun kalau kita tidak mahu pindaan-pindaan kepada Perlembagaan dan kepada Akta Pertubuhan khususnya dibuat maka kita haruslah pula berwaspada jangan membuat sesuatu yang boleh ditimbal-balas, yang boleh ada reaksi di satu pihak yang lain, dengan izin, let us live and let live, sama-sama hendak hidup, maka sama-samalah berwaspada dan memelihara kepekaan dan sensitiviti masing-masing.

Tuan Speaker, kita bersetuju bahawa sebuah Kerajaan atau Perdana Menteri tidak bertanding di dalam "popularity contest" atau pertandingan kepopularan atau "beauty contest" atau pertandingan ratu cantik. Tugas utama seorang Perdana Menteri dan sebuah Kerajaan ialah mentadbir sebaik mungkin, seadil yang boleh dan kalau ia terpaksa unpopular, itu adalah professional hazardnya. Itu adalah risiko seorang yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Kerajaan kita tidak mengabaikan tugasnya dari menjaga kesejahteraan rakyat, kemakmuran mereka, ketenteraman negara, kelicinan jentera Kerajaan dan keteguhan siasah haruslah dipelihara. Maka Kerajaan telah dan mesti bertindak dengan berani setiap ketika yang perlu. Dalam masa itu pun kita haruslah pula sensitive kepada kehendak-kehendak majoriti dan bersifat timbangrasa seboleh-bolehnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini adalah sebenar-sebenarnya, dengan izin, hanya satu corollary kepada apa yang telah berlaku di mahkamah. Kalau tidak ada tindakan-tindakan itu maka saya yakin sudah tentu ada pula tambahan-tambahan atau provision baru di dalam Akta Pertubuhan ini.

Tuan Speaker, saya menyokong pindaan-pindaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang berhormat dari Bukit Bintang.

7.32 *mlm.*

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakan-rakan juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat. Yang sebenarnya saya berpendapat bahawa Dewan ini tidak harus membincangkan dan meluluskan Rang Undang-undang ini pada malam ini, kerana kita masih ada satu minggu untuk urusan Rang Undang-undang dan saya tidak nampak apa-apa sebab kita tidak boleh membahaskan Rang Undang-undang ini pada minggu depan, kecuali mungkin Yang Amat Berhormat ada sangat sibuk, ada urusan yang lebih penting dari ini. Walau bagaimanapun, sekiranya Yang Amat Berhormat sangat sibuk, beliau boleh memberi tugas kepada Timbalannya untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang (Pindaan) 1988 ini telah dibentangkan dengan maksud yang terang dan nyata untuk memenuhi kepentingan parti pemerintah kerana tidak boleh dinafikan bahawa ia tidak akan dibuat kalau tidak kerana masalah ketidaksahan UMNO dan tentulah beberapa pindaan utama dalam Rang

Undang-undang ini tidak akan diperkenalkan sekiranya UMNO tidak diisytiharkan sebagai satu badan yang tidak sah dan ini juga telah dibayangkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas tadi. Adalah menjadi sungguh ironis bahawa UMNO sendiri telah menjadi mangsa Akta Pertubuhan 1966, satu undang-undang yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional sendiri dan sememangnya ini merupakan satu kesilapan buatan oleh UMNO sendiri.

DAP pernah menyuarakan dengan lantang bantahannya terhadap Akta Pertubuhan sejak ia diperkenalkan kerana terdapat banyak sekatan yang tidak demokratik dan tidak adil yang dikenakan ke atas parti-parti politik yang sah.

Apabila Akta Pertubuhan dipinda dalam tahun 1981 dalam Dewan yang mulia ini, DAP telah mengkritik sekeras-kerasnya pindaan-pindaan yang dibentangkan pada masa itu kerana ia memberi kuasa-kuasa yang begitu luas kepada Pendaftar Pertubuhan yang membolehkannya hampir-hampir mengawal, mengawasi pentadbiran dan perjalanan semua pertubuhan dalam negara. Kami membantah dengan keras peruntukan-peruntukan tersebut yang sekarang dicadangkan untuk dipinda. Akan tetapi anihnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kerajaan termasuk mereka yang dalam UMNO menyerang Parti DAP kerana mengkritik Kerajaan mengenai pindaan-pindaan yang bersifat amat buruk itu pada tahun 1981. Tetapi pada hari ini kebenaran itu telah pun terbukti.

DAP bersetuju bahawa terdapat beberapa aspek Akta Pertubuhan 1966 yang perlu dipinda demi kepentingan keadilan, kewarasan dan kecekapan pentadbiran. Akan tetapi banyak pindaan yang Kerajaan sekarang memperkenalkan kepada Akta ini hanya bertujuan untuk melindungi

dan mengekalkan kepentingan-kepentingan sebuah parti politik tertentu dan seorang individu tertentu untuk berkuasa. Kita ambil sebagai contoh Fasal 7 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17B yang memberi kuasa atau meletakhakkan segala harta yang dipunyai oleh sesuatu pertubuhan yang telah dibatalkan kepada sesuatu pertubuhan yang baru berdaftar. Pindaan ini memberi kuasa kepada Pegawai Pemegang Harta untuk memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan perintah meletakhakkan segala aset sesuatu pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan kepada sesuatu pertubuhan yang baru berdaftar, jika Perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan baru adalah serupa dengan Perlembagaan dan kaedah-kaedah pertubuhan lama dan jika sebilangan besar orang-orang yang menjadi anggota sah pertubuhan lama sebelum pembatalan pendaftarannya adalah anggota pertubuhan baru. Cadangan pindaan adalah jelas dirangka semata-mata untuk mengatasi halangan undang-undang yang sedia ada untuk membolehkan UMNO Baru mengambil alih aset-aset UMNO yang telah diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah pada 4hb Februari, 1988 dan berikutannya dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan.

Cadangan seksyen-kecil baru 17 (3) yang memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan atau Pegawai Pemegang Harta untuk menghendaki atau membenarkan badan pengelola pertubuhan itu yang merupakan badan pengelola yang wujud sebelum sahaja mula berkuatkuasanya sub-seksyen (1) berhubungan dengan pertubuhan itu, atau mana-mana anggota badan pengelola itu, atau mana-mana orang yang telah ketika itu atau pada bila-bila masa dahulunya menjadi pemegang jawatan, anggota atau pekerja pertubuhan itu, supaya

memberi kepada Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, mengikut mana yang berkesan, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, mengikut mana yang berkenaan, atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar atau Pegawai Pemegang Harta, apa-apa maklumat-maklumat berhubung dengan harta, hal-ehwal, urusan, akaun atau buku pertubuhan itu atau apa-apa perkara lain yang berhubung dengan pertubuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan adalah begitu luas dan meliputi segala-galanya dan pasti ia diperkenalkan untuk membolehkan UMNO Baru mengambil alih yang dimiliki oleh UMNO. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa UMNO mempunyai serangkaian syarikat yang mana syernya dipegang oleh pengamanah-pengamanah yang dilantik oleh Bendahari. Dengan cadangan pindaan ini, semua orang yang memegang syer bagi pihak UMNO akan dikehendaki memberi maklumat yang diperlukan. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan orang tersebut didakwa di bawah seksyen baru 17 (4) yang memperuntukan satu penalti, jika bersabit, hukuman penjara sehingga lima tahun atau didenda \$10,000 atau kedua-duanya.

Fasal 5 Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 12(3) Akta Pertubuhan 1966 untuk menjadikan salah dari segi undang-undang cawangan sesuatu pertubuhan berdaftar sahaja dan bukannya pertubuhan itu sendiri jika sesuatu pertubuhan berdaftar menubuhkan cawangan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan. Dengan meminda Akta supaya hanya cawangan atau cawangan-cawangan yang tidak berdaftar sesuatu pertubuhan berdaftar dan bukannya keseluruhan per-

tubuhan akan menjadi tidak sah adalah munasabah kerana tidak ada sebab untuk menghukum seluruh pertubuhan apabila kesalahan itu hanya tertumpu kepada satu atau beberapa cawangan pertubuhan itu. Akan tetapi soalan yang perlu ditanya ialah mengapa sekarang pindaan dibuat sedangkan peruntukan keras seumpama itu tidak patut berada dalam Akta Pertubuhan ataupun Akta asal. Sekali lagi jika UMNO tidak menjadi mangsa peruntukan ini saya pasti peruntukan ini tidak akan dipinda.

Seksyen baru 17 (4) diperkenalkan untuk menghalang mana-mana orang yang pernah menjadi anggota sah pertubuhan lama dan tidak pula menjadi anggota pertubuhan baru daripada membantah permohonan Pegawai Pemegang Harta untuk memindahkan aset-aset kepada parti baru. Walaupun orang-orang tersebut akan dibayar pampasan bagi syernya dalam harta-harta baru pertubuhan lama, orang-orang tersebut bertanggungjawab untuk menggantikan sendiri kepada pertubuhan baru bagi mana-mana hutang atau liability pertubuhan lama dan semua cawangannya. Ini satu peruntukan yang amat menakutkan yang akan menghalang mana-mana orang daripada membantah permohonan Pegawai Pemegang Harta.

Seksyen 49 dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "selain daripada suatu pertubuhan yang ia adalah suatu parti politik". Sekali lagi pindaan ini bertujuan untuk menyelamatkan UMNO Baru daripada didakwa kerana kesalahan yang mereka melakukan apabila pemimpin-pemimpin menjadi penjawat jawatan UMNO Baru tanpa mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Pendaftar Pertubuhan seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 49. Jika Kerajaan hendak meminda Seksyen 49 bagi

mengecualikan parti-parti politik daripada peruntukan ini, mengapa tidak dipinda juga Seksyen 9 (a) (i) yang menghalang tahanan-tahanan ISA daripada memegang jawatan dalam sesebuah pertubuhan berdaftar. Jika Kerajaan bersikap adil dia patut meminda Seksyen tersebut bagi membenarkan semua tahanan ISA termasuk 7 orang Ahli Parlimen DAP terus memegang jawatan dalam pertubuhan-pertubuhan mereka.

Pindaan-pindaan kepada Akta pertubuhan yang telah diperkenalkan jelas dirangka untuk membantu UMNO mengatasi banyak hal-hal yang tidak betul selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur mengeluarkan keputusannya pada 4hb Februari, 1988 yang mengisytiharkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan yang tidak sah.

Saya tidak fikir bahawa terdapat mana-mana cawangan sebuah pertubuhan malah sebuah pertubuhan yang didaftar kurang daripada 2 hari selepas dikemukakan bagi pendaftaran kepada Pendaftar Pertubuhan. Ini adalah menarik ataupun, dengan izin, it will be interesting, disingkap kembali dan menganalisa urutan peristiwa berikutan pembatalan UMNO oleh Pendaftar untuk menunjukkan bagaimana Yang Amat Berhormat boleh menyalahgunakan kedudukannya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri untuk mengawal dan mengarahkan Pendaftar Pertubuhan. (*Tepuk*)

Bukanlah tujuan saya untuk menggunakan forum ini untuk mengecam UMNO akan tetapi apa yang saya hendak buat ialah memikir balik tentang apa yang saya sifatkan sequence of events yang telah berlaku dan saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menghuraikannya.

Bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman mengemukakan satu permohonan untuk mendaftar UMNO

Malaysia pada 8hb Februari, 1988 dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan satu permohonan pada 9hb Februari, 1988 untuk mendaftar UMNO 1988 akan tetapi permohonan untuk mendaftar UMNO Malaysia telah ditolak tanpa apa-apa sebab diberikan. Serupa juga UMNO 1988 ditolak, kedua-duanya pada 10hb Februari, 1988.

Pemohon-pemohon untuk UMNO 1988 diberitahu bahawa pendaftaran tidak boleh dibuat kerana UMNO lama belum lagi dibatalkan. Dua hari selepas itu iaitu pada 12hb Februari, 1988 UMNO telah dibatalkan dan satu permohonan untuk UMNO Baru telah dikemukakan pada 13hb Februari, 1988 iaitu pada hari Sabtu. Pada 15hb Februari, 1988 iaitu pada hari Isnin, permohonan untuk UMNO Baru diluluskan. Ini menunjukkan bagaimana cekapnya Pendaftar Pertubuhan.

Walau bagaimanapun siapa akan percaya jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa beliau tidak campur tangan untuk meluluskan permohonan dalam masa kurang daripada 48 jam sedangkan setiap orang tahu bahawa sebagai Menteri Dalam Negeri, beliau ialah boss kepada Pendaftar. (*Tepuk*) Itu adalah menarik bagi saya memaklumkan kepada Dewan ini bahawa ia mengambil masa sehingga 6 bulan dan 6 hari dan selepas 3 percubaan bagi DAP untuk didaftarkan dalam tahun 1966, sedangkan ia mengambil masa kurang daripada 48 jam untuk mendaftarkan UMNO Baru meskipun hari cuti. Inilah keadilan atau barangkali Pengerusi Kebangsaan DAP yang juga Ahli Parlimen, Wakil Seremban tidaklah sepengaruh seperti Yang Amat Berhormat. Jika demikian ia tidak boleh dipersalahkan kerana beliau tidak mahu menyalahgunakan kedudukannya sebagai seorang Pengerusi parti DAP.

Kesimpulannya izinkan saya menyatakan bahawa cadangan pindaan kepada Akta Pertubuhan mempunyai implikasi yang sangat luas dan patutlah dirujuk ke sebuah Jawatankuasa Pilihan bagi membolehkan perbincangan awam yang menyeluruh dan yang terperinci serta pengkajian dibuat sebelum ianya dibawa ke dalam Dewan untuk diluluskan.

DAP juga ingin mengambil peluang ini untuk mencadangkan parti-parti politik hendaklah dikeluarkan daripada Pertubuhan yang mana pada asasnya ia bertujuan untuk mengendali pertubuhan-pertubuhan kongsi gelap. Kami mencadangkan bahawa sepatutnya hendaklah ada satu undang-undang berasingan yang khusus mengawal parti-parti politik bagi membolehkan mereka berfungsi secara bebas dan menurut lunas-lunas demokrasi dan tidak tertakluk kepada sekatan-sekatan yang ketat sebagaimana ianya ada sekarang di bawah Akta Pertubuhan.

Memandangkan kepada hujah-hujah itu yang saya telah sampaikan tadi, saya dengan kesalnya menyatakan di sini bahawa parti DAP tidak dapat bersetuju dengan Rang Undang-undang ini. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Seremban.

7.43 mlm.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, tujuh tahun yang lepas Ahli Yang Berhormat kawasan Tanjong yang masih ditahan sekarang telah berdiri di Dewan ini untuk membidas pindaan-pindaan Akta Pertubuhan 1981.

Beliau berpendapat bahawa pindaan-pindaan itu bertujuan untuk menyekat aktiviti-aktiviti parti-parti politik. Sebagai satu contoh, di bawah Seksyen 9 (a) (i) (c) Akta tersebut

seorang yang masih ditahan tidak berkelayakan untuk memegang jawatan dalam pertubuhan dan parti politik. Orang-orang yang telah menjadi bankrupt, dengan izin, atau penjenayah juga dicegah untuk berbuat demikian. Ini adalah sangat tidak adil kerana tokoh-tokoh Pembangkang sering kali boleh ditahan akibat daripada pendapat-pendapat mereka yang bercanggah dengan parti pemerintah.

Tujuannya adalah untuk melemahkan parti-parti politik Pembangkang. Ketujuh-tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat DAP yang masih ditahan memegang jawatan-jawatan penting dalam parti kami, dan sekarang mereka telah tidak dibenar memegang jawatan-jawatan selagi mereka masih ditahan.

Masa Seksyen 9 (a) (i) (c) Akta berkenaan hendaklah dipinda supaya tokoh-tokoh politik atau parti-parti Pembangkang akan dikecualikan. Tokoh-tokoh politik yang bersifat demokratik dan berdedikasi yang menjalankan tugas-tugas mereka demi kepentingan nasional tidaklah boleh dilayan sama seperti penjenayah biasa, walaupun mereka boleh memilih menjadi dissenters, dengan izin.

Kami dari DAP membantah keras diskriminasi yang sedia wujud dan menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri untuk memansuhkan ketidakadilan ini dengan meminda Seksyen 9 (a) (i) (c).

Tuan Speaker, Akta Pertubuhan 1981 yang telah dipinda adalah bertujuan menyekat aktiviti parti-parti politik yang tidak bersetuju dengan parti pemerintah akan tetapi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Akta tersebut juga boleh dikenakan ke atas parti-parti dalam Barisan Nasional yang didapati salah sepertimana yang dihadapi oleh UMNO sekarang.

UMNO selalu percaya dan yakin bahawa ia boleh atau berkemampuan untuk menguasai Barisan Nasional dan seterusnya telah menjalankan aktiviti-aktiviti secara sewenang-wenangnya tanpa menghiraukan Akta Pertubuhan. Apa yang amat terkejut apabila Yang Arif Hakim Harun Hashim memutuskan bahawa UMNO adalah sebuah pertubuhan yang haram di bawah Seksyen 41 (c) Akta Pertubuhan kerana terdapat 30 cawangannya yang tidak berdaftar.

Ini adalah satu pengajaran yang baik untuk semua pihak. Tidak ada satu parti politik pun termasuk parti pemerintah dapat dikecualikan dari effect, dengan izin, undang-undang atau berdiri di atas undang-undang. Selepas UMNO diisytiharkan sebagai sebuah pertubuhan yang haram, berbagai kesulitan telah wujud.

Soalnya ialah parti apakah yang akan mengambil tempat UMNO? UMNO Malaysia pernah cuba memohon pendaftaran tetapi ia telah ditolak oleh Pendaftar Pertubuhan. Kemudian UMNO (Baru) juga berbuat demikian di atas sebab-sebab yang ganjil sekali seperti yang disebutkan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, permohonannya telah diterima oleh Pendaftar Pertubuhan dengan serta merta.

Pindaan-pindaan yang dibentangkan hari ini bertujuan untuk memudahkan penubuhan UMNO (Baru) dan Fasal 2 Rang Undang-undang (Pindaan) ini memberi kuasa yang luas kepada Pendaftar Pertubuhan untuk berbuat demikian.

Fasal 3 Rang Undang-undang (pindaan) ini juga memberi kuasa pemegang-pemegang jawatan dalam pertubuhan yang pendaftarannya telah dibatalkan untuk menubuhkan satu pertubuhan atau parti baru.

Fasal 6 akan membolehkan parti baru iaitu UMNO (Baru) memohon

kepada Pegawai Pemegang Harta (Official Assignee) supaya harta-benda UMNO yang telah diisytiharkan haram dapat dipindahkan dan diperolehi oleh UMNO (Baru). Semua pindaan-pindaan ini merupakan sebahagian daripada usaha atau operasi raksasa dan yang penuh kesulitan untuk menyelamatkan UMNO dan memulihkannya dalam satu bentuk yang baru iaitu UMNO (Baru). Dengan kata lain, empayar UMNO mesti dibentuk semula dengan segala cara. "UMNO sudah mati, hidupakan UMNO (Baru)"—begitulah yang dijerit-jeritkan oleh penyokong-penyokong UMNO. Semua ini dapat dibuat atau dijalankan kerana Presiden UMNO (Baru) adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Dalam Negeri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebenarnya adalah berat sebelah atau partial, dengan izin, dalam penolakan permohonan penaja-penaja UMNO Malaysia. Sebagai seorang penaja UMNO (Baru) beliau bertanding dengan penaja-penaja UMNO Malaysia dan beliaulah yang membuat keputusan mengenai permohonan-permohonan itu sebagai Menteri Dalam Negeri.

Ini adalah suatu contoh yang baik tentang percanggahan kepentingan atau, dengan izin, conflict of interest. Beliau memang boleh mengatakan bahawa Pendaftar Pertubuhanlah yang mengambil keputusan mengenai permohonan itu, tetapi semua orang tahu bahawa Pendaftar Pertubuhan telah diarahkan dan dipaksa menjalankan tugasnya dari Jabatan Perdana Menteri dalam minggu-minggu selepas UMNO diisytiharkan haram. (*Tepuk*)

Masalahnya pihak mana, UMNO Malaysia atau UMNO (Baru) yang

akan menjadi pengganti UMNO yang sah atau sebenarnya yang sepatutnya dapat diselesaikan secara lebih terbuka, bukan secara, dengan izin, cloak and dagger. Penolakan permohonan UMNO Malaysia yang begitu deras dan penerimaan UMNO (Baru) yang penuh dengan kebisuan, nampaknya stail CIA, ala-cloak and dagger.

Suatu Jawatankuasa yang bebas dan diketuai oleh seorang Hakim merupakan satu cara penyelesaian yang boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Seksyen 42 Akta Pertubuhan, pemegang-pemegang jawatan yang mengendalikan sesuatu pertubuhan haram adalah salah dari segi undang-undang dan jika disabitkan boleh dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi \$10,000 atau kedua-duanya. Sehingga hari ini tiada seorang pun pemegang jawatan dalam UMNO (lama) yang diisytiharkan haram itu pernah didakwa, walaupun mereka pernah mengendalikan sebuah pertubuhan yang haram. Tiada denda, tiada penjara. Sebaliknya, Fasal 3 Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa yang luas kepada Pendaftar Pertubuhan untuk membantu pemegang-pemegang jawatan UMNO (lama) supaya mereka boleh menubuhkan satu parti yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat rakyat Rang Undang-undang (Pindaan) ini merupakan suatu usaha untuk menjadikan sah apa yang telah pun diisytiharkan tidak sah atau haram. Ia bertujuan memulihkan UMNO (lama) yang haram dalam bentuknya yang baru iaitu UMNO (Baru) dengan suatu Akta di Parlimen, di mana Barisan Nasional mempunyai majoriti yang raksasa. Harta benda UMNO (lama) yang telah dirampas oleh Kerajaan

mengikut undang-undang akan dipindahkan dan diperolehi oleh UMNO (Baru).

Nampaknya, walaupun rakyat jelata mesti mematuhi undang-undang dan menerima penalti jika mereka melanggarnya, ahli-ahli politik khususnya ahli-ahli politik Barisan Nasional boleh melupakan undang-undang.

Bagi ahli-ahli politik Barisan Nasional, misalnya UMNO, undang-undang boleh dipinda atau ditukar untuk menyelesaikan tujuan mereka. Ini adalah suatu ketidakadilan yang sangat serius, dengan izin, usurper of the law dan keluhuran undang-undang tidak dipatuhi di sini.

Parti DAP tidak pernah dan tidak akan campurtangan dalam hal-hal UMNO (lama) ataupun UMNO (Baru). Parti DAP membantah Rang Undang-undang ini kerana terdapat suatu pelanggaran keluhuran undang-undang dan ketidakadilan semulajadi yang sangat serius.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyokong cadangan daripada rakan saya bahawa Rang Undang-undang (Pindaan) ini sangat serius dan kita tidak boleh mengambil cara semacam sewenang-wenangnya oleh satu objektif yang limited kita pinda Akta ini. Lebih baik pindaan Akta ini dirujuk kepada suatu Select Committee untuk disiasat dengan mendalam dan diberikan satu report ke Parlimen ini dan lagi kalau boleh lebih baik kita adakan lain-lain undang-undang untuk parti-parti politik, itu lebih baik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya jemput Yang Amat Berhormat—ada lagi hendak berucap?

**Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan sedikit tentang

pindaan yang dicadangkan oleh Kerajaan untuk meminda beberapa seksyen dalam Akta Pertubuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa yang sebenarnya tujuan pindaan-pindaan yang dikemukakan adalah disebabkan ataupun punca pindaan ini dikemukakan adalah sebab 43 undi yang didapati oleh Perdana Menteri pada bulan April, 1987.

Walaupun perkara ini adalah suatu perkara politik UMNO dan kita dari DAP tidaklah bertujuan untuk campurtangan dalam perkara ini, tetapi saya dan rakan-rakan saya berasa kesal terhadap Kerajaan yang menggunakan brute majority untuk menggunakan Dewan ini bagi memperlanjatkan kepentingan segolongan bekas ahli UMNO (lama) yang sekarang menjadi UMNO (Baru).

Apa yang kita kesalkan ialah keadaan impropriety tentang penubuhan UMNO (Baru) menggunakan bukan sahaja kuasa-kuasa Menteri sendiri, tetapi juga sekarang kuasa-kuasa Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa UMNO, khususnya mengenai kesan-kesan Akta Pertubuhan boleh dikatakan sebagai "Keris makan tuannya sendiri".

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikesalkan lagi ialah pindaan-pindaan yang dicadangkan pada hari ini bukan dengan maksud untuk benefit atau faedah societies keseluruhan tetapi untuk menjaga kepentingan UMNO baru. Memang Kerajaan masih ada majoriti lebih  $\frac{2}{3}$  di Parlimen dan Kerajaan mesti ingat bahawa support kepada parti Barisan Nasional sekarang sudah kurang iaitu yang jelas dari keputusan pilihanraya Tanjung Puteri. Pada tahun 1986 majoriti ada 500 lebih tetapi sekarang sudah kurang sampai 31. Memang masih ada support, tetapi supportnya telah kurang lebih daripada 90%.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada sebut apa yang sangat. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanah Merah, ada apa-apa?

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta penjelasan, boleh?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Kalau tidak beri, saya minta atas point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Point of order berapa?

**Tuan Hashim bin Safin:** 36 (1).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 36. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** 36 (1)—menghadkan kepada perbincangan. Ini sampai Tanjung Puteri dan sebagainya. Kalau berani, mengapa tidak masuk bertanding di Tanjung Puteri? Menghadkan perbincangan mengenai pindaan Akta Pertubuhan, jangan melencong kepada Tanjung Puteri dan merata-rata, tidak fasallah.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya Tanjung Puteri, keputusan ada satu bitter truth, satu fact yang kita tidak boleh lari.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat sudah habis itu, bukan? Teruskan yang lain.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Seorang Ahli:** DAP kosong.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Kalau DAP bertanding, DAP boleh menang. *(Tepuk)*

**Beberapa Orang Ahli:** *(Disampuk)*.

**Tuan Gooi Hock Seng:** We will wait and see. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Kerajaan bukan menyalahkan ataupun bergaduh dengan Judiciary. tetapi sekarang ia sedang bergaduh dengan undang-undang yang mereka sendiri wujudkan, pinda dari Kerajaan sendiri, semua mahu gaduh. Pada tahun 1983. . . . .

**Tuan Hashim bin Safin:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanah Merah, ya.

**Tuan Hashim bin Safin:** Minta penjelasan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tidak beri jalan.

**Seorang Ahli:** Takut!

**Tuan Hashim bin Safin:** Kalau tunggu, bertanding. Tidak payah bertanding, kita bertanding dalam Dewan antara satu sama satu berhujah. Mengapa tidak boleh?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Hashim bin Safin:** Takut!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tanah Merah, sila duduk!

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tidak beri jalan.

**Beberapa Orang Ahli:** Duduk!

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1983, Kerajaan ada bergaduh dengan kuasa-kuasa Yang di-Pertuan Agong dan akibatnya pindaan kepada Constitution

dalam tahun 1983 sampai negara ada satu constitutional crisis. Kelmarin Kerajaan bergaduh dengan Judiciary iaitu meminda Artikel 121 dan Artikel 121 sudah pun dipinda. Sekarang gaduh dengan undang-undang yang diwujudkan sendiri. Untuk apa tujuan? Kepentingan sendiri, *(Tepuk)* bukan bagi kepentingan rakyat atau pertubuhan-pertubuhan, tetapi hanya untuk UMNO baru. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi itulah satu pertikaian atau dispute di antara UMNO dan ini adalah dispute keluarga dan tidak bersangkutan dengan DAP. Tetapi apa yang kita tidak bersetuju ialah impropriety dalam perkara ini. Saya ada baca dalam suratkhbar, UMNO (Baru) telah memasukkan permohonannya pada 13hb Februari dan pada 15hb telah diluluskan. Tidak lebih 48 jam. Itu kita boleh katalah sangat cekap, bersih dan amanah. Sangat cekap. Tetapi cekap untuk apa tujuan? Bukan itu sahaja, orang yang meluluskan permohonan itu adalah Registrar dan Registrar itu adalah di bawah Perdana Menteri sendiri. Saya dalam DAP hairan macam mana Kerajaan ada muka berbuat begitu, sebab adalah jelas dalam hal ini ada satu conflict of interest, dengan izin, yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendengar banyak Ahli-ahli, khususnya dalam segolongan komponen Barisan Nasional ada mengatakan pindaan-pindaan ini adalah untuk faedah semua political parties, termasuk DAP. Saya boleh kata itu adalah satu contoh. Kalau mereka akan meniru untuk bluff themselves, they are free to do so, dengan izin. Tetapi sebenarnya pindaan-pindaan ini adalah untuk faedah UMNO (Baru), bukan untuk semua parti politik.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat sudah ulang point itu banyak kali.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Saya belum sampai lagi kepada point itu tentang seksyen 49. Saya belum sampai lagi seksyen 49 Akta Pertubuhan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Balik kepada apa yang harus kita bahas mengenai Rang Undang-undang ini.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Sebab ada pindaan atas seksyen 49.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan dengan itu.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut cadangan Rang Undang-undang ini, adalah cadangan untuk meminda Seksyen 49—bahawa ahli-ahli politik dikecualikan jika mereka atau pertubuhan-pertubuhan mereka adalah diisytiharkan tidak sah (illegal) dan mengecuali mereka dari memegang jawatan di lain society tanpa kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini adalah untuk kepentingan ahli-ahli UMNO, khususnya ahli UMNO baru, sebab saya percaya, kalau tidak silap, kalau silap saya harap Kerajaan boleh terangkan, pada 13hb Februari apabila permohonan untuk UMNO baru dibuat, adakah ahli-ahli protem committee di exempted atau disahkan oleh Registrar? *(Tepuk)* Kalau tidak. . . .

**Beberapa Orang Ahli: (Disampuk)**

**Tuan Gooi Hock Seng:** Okay, tunjuk surat exemption itu.

**Beberapa Orang Ahli: (Disampuk)**

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita dalam DAP tidak gaduh pada prinsip itu, pada prinsip pindaan seksyen 49. Sebab mengikut stand DAP, sepatutnya tentang political parties mesti ada lain undang-undang. Itu kita

bersetuju tetapi kalau Kerajaan ingin minta Dewan ini untuk meminda hanya seksyen 49, kita dalam DAP tidak boleh terima langsung. Sebab kalau Kerajaan ada sincere, ikhlas untuk membuat pindaan ini, untuk regularise dan untuk faedah semua pertubuhan, Kerajaan mesti pinda Seksyen 9A.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

Seksyen 9A adalah mengharamkan ataupun disqualified, dengan izin, sesiapa ditahan di bawah preventive detention untuk memegang jawatan dalam apa-apa pertubuhan. Itu termasuk ahli-ahli politik, Ahli-ahli Parlimen dan lain-lain pertubuhan. Sebab seksyen itu langsung tidak adil. Sesiapa yang ditahan di bawah preventive detention tidak ada langgar undang-undang, tidak ada buat satu-satu kesalahan tetapi kalau dibandingkan dengan UMNO Baru, ahli-ahli UMNO Baru khususnya Supreme Council mereka adalah melanggar undang-undang Akta Pertubuhan, Seksyen 12 (3) di mana mereka telah diumumkan oleh Mahkamah telah menubuhkan cawangan-cawangan yang illegal, dengan izin. Oleh sebab itu kami dalam DAP tidak boleh sokong pindaan dalam Akta ini dan oleh itu kita akan bangkang sekeras-kerasnya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Johor Bahru.

8.15 mlm.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil bahagian di dalam perbincangan terhadap cadangan pindaan kepada Akta Pertubuhan 1966 sepertimana telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Pada 15hb Mac yang lalu ketika saya membaca akhbar saya merasa gembira dan lega bahawa Akta Pertubuhan 1966 ini akan dipinda sepertimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya lebih sesuai dengan keadaan semasa. Pindaan-pindaan ini menurut laporan akhbar akan juga melibatkan Seksyen 12 (3) Akta itu yang mana di atas permintaan peguam UMNO sendiri telah dipersetujui oleh Hakim Mahkamah Tinggi di dalam perbicaraan pada 4hb Februari yang lalu untuk meletakkan UMNO sebagai sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang.

Sebenarnya saya sungguh juga tertarik dengan rangkaian kata sebuah pertubuhan yang menyalahi undang-undang seperti digunakan di dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan pada hari ini. Selama ini khususnya di dalam akhbar perkataan yang digunakan ialah "haram". Walaupun Akta menggunakan perkataan "yang menyalahi undang-undang". Ada juga akhbar yang begitu keliru sehinggakan di dalam edisi untuk kawasan selatannya digunakan takrif "haram" dan di dalam edisi nasionalnya pula digunakan perkataan "tidak sah".

Kekeliruan ini tidak lama dirasai oleh akhbar yang berkenaan oleh kerana selepas itu ia mencetak seolah-olah satu iklan dengan kata-kata hikmat dari pencinta-pencinta UMNO yang berbunyi:

"Undang-undang boleh mengharamkan UMNO, tetapi tidak ada kuasa dalam dunia yang boleh mengharamkan sejarah cemerlang perjuangan UMNO".

Sungguh bersemangat kata-kata hikmat ini. Ia membawa kita merasa marah dan hampa kerana UMNO diharamkan. Sedangkan UMNO mengikut Akta hanya "menyalahi undang-undang". Mula-mula kata-kata hikmat ini dihiaskan dengan

gambar-gambar tokoh-tokoh UMNO yang telah membentuk sejarah cemerlang perjuangan UMNO itu. Dua tiga hari selepas itu gambar-gambar Allahyarham Dato' Onn, Allahyarham Tun Abdul Razak, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Yang Amat Berhormat Tun Hussein Onn dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, tokoh-tokoh bangsa yang mencatat sejarah cemerlang perjuangan UMNO itu semuanya dipadamkan dan hanya tinggal kata-kata hikmat:

"Undang-undang boleh mengharamkan UMNO, tetapi tidak ada kuasa di dunia yang boleh mengharamkan sejarah cemerlang perjuangan UMNO".

Tinggallah kita dengan kata-kata UMNO sudah diharamkan tetapi kita masih lagi ada sejarah perjuangan kita walaupun pengasas-pengasas UMNO sudah dipadamkan gambar mereka semua, kita masih ada kata-kata hikmat yang boleh dijadikan pedoman kita sebagai sebuah bangsa yang bermaruah.

Pada 15hb Februari saya merasa lebih lega apabila saya terbaca dalam akhbar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pucuk pimpinan akan menggunakan apa cara sekalipun untuk mengatasi masalah undang-undang yang dihadapi oleh UMNO. Beliau berkata:

"Hanya undang-undang Tuhan yang tidak boleh dipinda, undang-undang manusia tidak ada yang tidak boleh dipinda. Kita akan jalankan tugas kita hingga mencapai kejayaan". Ini disambut mengikut laporan akhbar **Utusan Malaysia** tanggal 15hb Februari dengan tepukan bergemuruh dalam perhimpunan khas penyokong-penyokong Kerajaan di bangunan ini sendiri.

Kalaupun saya ada bersama pada hari Ahad 14hb Februari itu, saya juga

akan memberi tepukan kepada Perdana Menteri yang menyatakan bahawa "undang-undang manusia tetap boleh dipinda". Syabas saya akan katakan. Inilah cara pejuang bangsa untuk meneruskan perjuangan bangsa Melayu yang berasaskan semata-mata kepada semangat kebangsaan pada tahun 1946. Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri pernah menyatakan:

"Perpaduan orang Melayu akan kekal dan terus selamat kalau perjuangannya diasaskan kepada semangat 1946 dan 1955".

Pendek kata jangan sekali-kali diputuskan atau dijauhkan orang-orang Melayu daripada sejarah cemerlang perjuangan bangsanya.

Oleh itu apabila dimaklumkan bahawa Akta Pertubuhan 1966 ini akan dipinda, saya turut merasa gembira. Kehampaan saya mula reda, kegelisahan saya turut hilang. Malangnya apabila saya membaca cadangan pindaan-pindaan yang hendak dibuat di hari ini saya terpaksa bertanya-tanya, "mengapakah di dalam pandangan pucuk pimpinan negara hari ini setiap masalah dilihat dari sudut yang ekstrem sahaja? Apabila UMNO didapati menyalahi undang-undang, mengapakah dihebahkan UMNO sudah haram?"

Pada saya ini satu pandangan yang ekstrem. Adakah tujuannya apabila diambil pendirian yang ekstrem maka penyelesaiannya perlu juga satu yang ekstrem. Kalaulah satu-satu badan itu didapati menyalahi undang-undang, mengapakah tidak:

- (1) gunakan kuasa yang ada di dalam Akta Ibu seperti terdapat di dalam Seksyen 18F supaya UMNO dapat diselamatkan; ataupun
- (2) ketika membuat pindaan Akta Ibu ini, buat pindaan kepada Seksyen 12 (3) bagi ia

kuatkuasa kebelakangan dari tarikh sebelum keputusan Mahkamah Tinggi.

Pindaan undang-undang secara retrospective pernah dilakukan untuk menghalalkan usaha PETRONAS mengambil alih Bank Bumiputra akibat daripada fiasco BMF. Kalau kita sanggup menghalalkan tindakan kita menyelamatkan Bank Bumiputra, mengapa pula kita tidak sanggup menyelamatkan perjuangan bangsa Melayu yang menjadi asas kelahiran Bank Bumiputra itu sendiri? Adakah kita letakkan nilai yang begitu tinggi kepada kejayaan ekonomi orang-orang Melayu, daripada perjuangan politik bangsa Melayu, sedangkan kita insaf bahawa tanpa perjuangan politik bangsa Melayu tidak ada sebarang pencapaian atau kejayaan yang boleh kita banggakan.

Walaupun telah digambarkan seolah-olah keadaan UMNO begitu tenat, begitu kotor, begitu jijik sehingga tergamak kita menggunakan takrif "haram" kepadanya sehingga ia terpaksa dibubarkan. Mengapa pula tidak langsung digunakan Seksyen 42 hingga 47 Akta Ibu.

Saya mengambil kesimpulan bahawa sebenarnya keadaan itu tidaklah tenat, keadaan itu tidaklah begitu serius sangat.

Peruntukan-peruntukan dalam seksyen-seksyen ini menggariskan betapa serius kedudukan sebuah badan yang didapati menyalahi undang-undang. Adakah pembubaran dan pembatalan pendaftaran UMNO mencukupi sebagai tindakan alternative kepada pelaksanaan peruntukan-peruntukan Seksyen 42 hingga Seksyen 47 Akta ini? Kepada saya keputusan Kerajaan tidak melaksanakan kehendak peruntukan Seksyen 42 hingga Seksyen 47 menjadi bukti bahawa sebenarnya kedudukan UMNO tidaklah begitu tenat sehingga perlu ianya dibubarkan, walau pun

gambaran yang telah diberikan adalah sebaliknya. Kalau mahu seribu usaha, kalau sudah tidak mahu satu dalil pun mencukupi.

Pindaan yang terbaharu ini lebih merupakan melepaskan batuk di tangga. Pindaan Seksyen 12(3) juga merupakan sebagai permainan wayang kerana ianya pindaan selepas rumah telah diruntuhkan, baharulah pahat berbunyi. Seolah-olah hendak berdiri rumah yang lama itu, tetapi rumahnya baru dan penghuninya juga yang terpilih sahaja. Walaupun rumah baru itu berbentuk mahligai sekalipun semangat dan hasrat yang mengisinya tidak lagi sama: masanya masih ada kalau kita ingin mendirikan semula rumah bertuah yang telah kian lama memberikan perlindungan kepada bangsa, agama dan negara kita. Jadikan pindaan seksyen 12(3) sebagai pindaan retrospective dan tidak sesiapa pun yang akan membantah melainkan mereka yang tidak mahu UMNO dan semangat perjuangan 1946 hidup kembali. Kuasanya ada kepada kita, dan terpulang kepada kita untuk menggunakan kuasa itu dengan sebaik-baiknya. Bukan untuk kepentingan diri kita, tetapi untuk seluruh bangsa Melayu, untuk agama dan negara kita kerana UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan dengan membawa Seksyen 48 yang baru sungguh juga memelikkan keadaan. Kalau sudah terdapat Seksyen 42 hingga 47 yang tidak digunakan, apakah pula maksud Seksyen 48 yang baru. Saya baru sahaja menguruskan bagi pihak Barisan Nasional Gerak-kerja untuk pilihanraya kecil Tanjung Puteri. Berbagai pendapat telah pun diutarakan dalam Dewan yang mulia ini tentang kesan dan makna dari kemenangan Barisan Nasional di Tanjung Puteri. Ada yang menyatakan bahawa kemenangan ini terlalu tipis sehingga Barisan Nasional tidak boleh berbangga sangat. Ada

yang menyatakan bahawa ini satu kemenangan untuk UMNO baru. Ada yang menyatakan betapa ajaibnya UMNO baru boleh diterima oleh pengundi-pengundi Tanjung Puteri, sedangkan tidak terdapat pun satu cawangan atau ahli UMNO baru di kawasan itu.

Hubungan kemenangan Barisan Nasional di Tanjung Puteri dengan Seksyen 48 yang baru ini ialah hanya satu sahaja. Saya bersama Jawatankuasa UMNO Johor Bharu dan ahli-ahli UMNO di cawangan-cawangan dalam Tanjung Puteri telah membantu UMNO yang telah menyalahi undang-undang. Saya dan semua ahli UMNO bahagian Johor Bharu telah tidak menyifatkan diri kita sebagai bekas ahli-ahli UMNO, kami telah dengan terang seolah-olah terus menjadi pemegang jawatan dan seolah-olah seperti badan pengelola UMNO yang dikatakan haram itu. Asas kempen kami kepada orang-orang Melayu ialah kemenangan di Tanjung Puteri bermakna kemenangan bagi UMNO Johor dan berdasarkan kepada semangat UMNO 1946.

Kehadiran beberapa tokoh yang masih mempunyai credibility, telah membantu usaha kami itu, sebaliknya kalau tidak kami bertindak seolah-olah kami masih lagi berjawatan di peringkat UMNO Bahagian Johor Bharu dan cawangan-cawangannya, saya pasti bukan sahaja Barisan Nasional tidak akan menang, tetapi tidak ada pun jentera pilihanraya untuk membantu calon Barisan Nasional.

Selepas kami sudah berjaya dan tidak ada apa-apa yang kami minta sebagai ganjaran, hari ini kita berdepan dengan satu peruntukan baru dalam Akta Pertubuhan yang menafikan usaha kami itu. Hari ini kami diberitahu bahawa apa yang kamu lakukan itu untuk menjayakan calon Barisan Nasional pada 5hb Mac,

1988 adalah salah dari segi undang-undang yang baru. Politik memanglah satu bidang kegiatan manusia, di mana tidak ada yang mustahil. Senjata Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Tanjung Puteri iaitu semangat dan disiplin bekas-bekas ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO, hari ini dikatakan salah melalui pindaan yang dicadangkan. Jangan pula memperkecilkan usaha kami itu kerana kami berjaya dengan kemenangan yang tipis. Sebelum sesiapa hendak memperkecilkan usaha kami, ingatlah dan insafalah, setiap kemenangan besar ataupun kecil sepatutnya menimbulkan keinsafan kepada kelemahan kita sebagai manusia, dan dalam keinsafan itu kesyukuran kita kepada Allah s.w.t. di atas kejayaan kita. Setiap usaha manusia memerlukan keredhaan Ilahi. Kalau dilihat kepada satu kumpulan di dalam pilihanraya Tanjung Puteri itu yang terkeluar daripada kegiatan-kegiatan politik hari ini, satu kumpulan yang boleh dikatakan sebagai kumpulan by-partisan iaitu kumpulan yang mengundi secara pos dan pengundi-pengundi yang terdiri daripada anggota polis dan tentera.

Daripada undi pos yang berdaftar sebanyak 1,100 hanya 400 lebih yang telah dijadikan sah yang menjadi undi yang sah, daripada pengundi seramai 600 di Depo Polis hanya 35% atau 40% sahaja yang telah keluar mengundi. Saya hendak ingatkan bukanlah ini kesemuanya sama seperti keadaan dalam tahun 1969? Keadaan yang dihadapi oleh Kerajaan Perikatan ketika itu. Bukankah ini yang kita hendak menyedarkan kepada pucuk pimpinan parti kita pada ketika itu. Saya merayu, Tuan Yang di-Pertua, gugurkanlah sahaja peruntukan Seksyen 48 ini, janganlah pula kita mengukuburkannya UMNO dan bukan setakat mencabut dan mencampak batu nisannya, tetapi melarang pula kita membaca tahlil

kepada aruahannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat menjawab.

8.26 m/m.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan pindaan kepada Undang-undang Pertubuhan yang baru dibentangkan oleh saya tadi.

Saya dapati bahawa seperti biasa pihak DAP mendapat peluang yang banyak bercakap dengan panjang lebar, tetapi pihak DAP juga yang berkata bahawa kita tidak demokratik, tidak pernah beri peluang kepada mereka, tetapi mereka menggunakan peluang itu di dalam Dewan ini sepenuhnya. Biarlah rakyat mengukur siapa yang demokratik, siapa yang tidak.

Ahli dari Bukit Bintang dan juga Ahli-ahli DAP yang lain telah berkata bahawa undang-undang ini dibuat kerana UMNO dan Seksyen 17 ini adalah untuk UMNO Baru.

Saya ingin menarik perhatian bahawa pindaan kepada Seksyen 12 yang telah dibuat tidak sama sekali menguntungkan UMNO. Sebenarnya ia menguntungkan parti-parti lain kerana kita sudahpun diharamkan di bawah seksyen ini, dan dengan pindaan ini tidaklah pula kita menjadi halal. Jadi pada pendapat saya, ini dibuat untuk parti DAP sebenarnya. *(Tepuk)* Sebenarnya, mereka patut ingat bahawa mereka mungkin akan menghadapi masalah yang sama dan ada peruntukan di dalam undang-undang ini yang memberi kepada Menteri kuasa untuk mengecualikan parti daripada beberapa peruntukan. Saya tidak tahu sama ada saya berkuasa atau tidak mengecualikan

ahli-ahli, pemimpin-pemimpin DAP yang ada dalam tahanan sekarang ini, tetapi oleh kerana pihak DAP tidak membuat permintaan untuk pemimpin-pemimpin mereka dikecualikan daripada peruntukan undang-undang ini maka saya belum lagi mengkaji sama ada boleh saya mengecualikan ataupun tidak. Tidak ada menjadi salah kepada UMNO, kalau pihak DAP hendak rakan-rakan mereka yang ada dalam tahanan menjadi pemimpin mereka, tidak jadi masalah sama sekali, kerana masa mereka berada di luar pun . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat . . . . .

**Perdana Menteri:** Boleh.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya hendak bertanya Yang Amat Berhormat, sekiranya parti DAP membuat satu permohonan yang dialamatkan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengecualikan Ahli-ahli Parlimen yang sedang ditahan di bawah ISA dikecualikan dari Seksyen 9A, bolehkah Yang Amat Berhormat memberi satu jaminan bahawa kelulusan akan diberikan demi kepentingan keadilan? (*Tepuk*)

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jaminan bahawa saya akan kaji. (*Tepuk*) Saya belum boleh berkata sama ada saya berkuasa ataupun tidak tetapi yang saya hendak kata di sini ialah pemimpin DAP ini, sama ada yang berada di dalam tahanan ataupun di luar tahanan, tidak menjadi masalah kepada parti Barisan Nasional ini. Kita mempunyai cukup ahli untuk hendak buat apa-apa pun. (*Tepuk*)

Berkenaan dengan masalah UMNO Malaysia ditolak dan kenapa ia ditolak, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu sendiri telah menerangkan bahawa ianya ditolak kerana pada ketika itu UMNO belum lagi dibatalkan pendaftarannya.

Sebenarnya, pihak penganjur UMNO baru ini sedar bahawa kita tidak boleh membuat permohonan selagi UMNO lama itu tidak dibatalkan pendaftarannya. Ini berbeza dengan keputusan Mahkamah, ini soal Pendaftar. Jadi, sebelum UMNO lama itu dibatalkan pendaftarannya, kita sedar bahawa kita tidak berhak meminta supaya sebuah lagi parti politik yang namanya lebih kurang sama didaftarkan, sebab itu kita tidak membuat permohonan. Tetapi kita dapati bahawa permohonan dibuat oleh sebuah parti yang memanggil dirinya sebagai "UMNO Malaysia" dan kita pula berasa ragu-ragu mungkinkah "UMNO Malaysia" ini didaftarkan, sebab itu kita telah memohon untuk mendaftarkan sebuah parti yang bernama "UMNO 1988" dengan kepercayaan bahawa kalau undang-undang mengizinkan kita juga berpeluang untuk didaftar, tetapi jika undang-undang tidak mengizinkan, kemasukan permohonan kita ini tidak menjadi masalah kepada kita. Dan seperti kita jangka pihak Pendaftar Pertubuhan telah menolak kerana belum dibatalkan pendaftaran UMNO yang asal dan Pendaftar telah menolak kedua-duanya. Kalau ianya menolak "UMNO Malaysia" dan menerima "UMNO 1988" ini bolehlah dikatakan bahawa ianya berat sebelah, mungkin duduk di bawah arahan saya, tetapi ianya menolak juga permohonan daripada "UMNO 1988" yang dianjurkan oleh beberapa orang kawan-kawan saya dan saya. Jadi, ini menunjukkan bahawa Pendaftar tidak memihak kepada sesiapa.

Seperti biasa kita tahu bahawa kalau pihak Pendaftar ingin membatalkan pendaftaran sesebuah badan, maka ianya perlu menghantar "show cause letter" dan kita menunggu "show cause letter" ini dan tidak berapa lama selepas itu kita mendapat "show cause letter" itu. Kita memang sedar bahawa kalau kita tidak dapat show cause kenapa UMNO lama itu tidak boleh

dibatalkan pendaftarannya, maka pihak Pendaftar akan membatalkan dan apabila dibatal, maka sahlah bagi kita meminta pendaftaran UMNO baru. Jadi kita mengikut jadual itu dengan teliti dengan kerana kita tidak bertindak dengan sewenang-wenangnya, kita meminta nasihat daripada peguam-peguam kita.

Dalam pada itu saya ingin jelaskan bahawa ada perbezaan sedikit antara pendapat Mahkamah bahawa UMNO ini tidak sah dan pembatalan pendaftarannya. Jadi Mahkamah membuat keputusan pada satu ketika bahawa UMNO itu tidak sah tetapi sebelum UMNO itu dibatalkan pendaftarannya, maka undang-undang pertubuhan tidak berkuatkuasa ke atas UMNO. Kalau sudah dibatalkan pendaftarannya, barulah segala kegiatan UMNO lama menjadi tidak sah. Jadi selagi ianya ada didaftar, maka kita boleh bergerak dan kita bukan haram. Walaupun demikian kita masih juga mengambil tindakan supaya tidak menyalahi undang-undang dengan meminta terlebih dahulu daripada Pendaftar kebenaran untuk menubuhkan sebuah parti politik supaya tidak kita dituduh bahawa sementara UMNO itu tidak sah, maka kita telah bergerak membuat sesuatu yang dilarang di bawah Akta Pertubuhan. Pada ketika itu Akta Pertubuhan belum lagi berkuatkuasa ke atas UMNO kerana UMNO masih berdaftar dan kita sebagai pegawai UMNO masih berhak bergerak menjadi ahli jawatankuasa dalam mana-mana pertubuhan. Tetapi untuk "safety", kita membuat permohonan dan permohonan ini diberi kepada semua yang meminta dan kita boleh bergerak.

Di sini juga ingin saya jelaskan tentang kuasa saya untuk mengecualikan sesuatu. Memang benar saya boleh mengecualikan mana-mana pertubuhan mengikut seksyen 10 Akta Pertubuhan, tetapi di

waktu kes ini dibicarakan di dalam Mahkamah, saya berpendapat bahawa saya tidak harus campurtangan dalam urusan Mahkamah. Sebab itu saya tidak mengambil apa-apa tindakan, kerana saya tahu kalau saya mengambil tindakan ini, saya akan dikecam hebat terutama oleh pihak DAP, mungkin juga oleh pihak kawan-kawan saya dalam UMNO. Jadi dengan kerana itu saya tidak mengambil apa-apa tindakan.

Setelah Mahkamah membuat keputusan bahawa UMNO adalah tidak sah, maka pada ketika itu saya masih lagi boleh membuat keputusan bahawa keputusan yang dibuat oleh Pendaftar untuk membatalkan UMNO dihapuskan dan UMNO terus berdaftar. Tetapi dalam keadaan itu walaupun UMNO terus berdaftar di dalam daftar Jabatan Pertubuhan, tetapi ianya masih juga tidak sah di sisi undang-undang kerana keputusan Mahkamah ialah UMNO ini tidak sah. Jadi, walaupun terdaftar, ia tidak boleh bergerak, kerana ia tidak sah di segi undang-undang. Sebab itu saya tidak dapat membuat keputusan, masih lagi ada permohonan yang dibuat untuk saya membatalkan tindakan pembatalan oleh Pendaftar Pertubuhan, tetapi saya masih belum dapat membuat kepastian berkenaan dengan peruntukan undang-undang, sebab itu belum ada satu keputusan dibuat. Sementara itu yang lain-lainnya yang sah dari segi undang-undang tetap berjalan seperti biasa iaitu UMNO baru telah didaftarkan dengan mengikut semua kehendak-kehendak undang-undang. Kita tidak hendak kita menyalahi undang-undang barang sedikitpun kerana kita tahu ada orang menunggu sahaja kalau-kalau kita buat salah, maka mereka boleh sekali lagi menggunakan Mahkamah untuk menghalang kehendak satu juta manusia yang menyokong UMNO.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera bercakap berkenaan dengan soal 43 undi. Saya hendak bercakap berkenaan dengan soal 29 undi di Kelantan, semuanya mengundi parti UMNO baru ini. (*Tepuk*) Dan mungkin juga Ahli Yang Berhormat tahu pada hari ini 142 dalam Dewan ini (*Tepuk*) telah pun menyokong, orang itulah juga. Jadi tidak usahlah sebut sangat-sangat 43 undi ini. Kadang-kadang accident macam itu ia boleh berlaku. (*Ketawa*) Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, aided and abetted by certain factors.

Soal pendirian "extreme" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru, saya tidak tahu di mana yang extreme, jadi saya tidak berhajatlah hendak menjawab.

Berkenaan dengan kenapa tidak dipersahkan UMNO, saya telah terangkan bahawa UMNO tidak boleh dipersahkan dengan begitu mudah, kerana kedudukannya selepas keputusan mahkamah dibuat tidak boleh dipindah semata-mata dengan saya membuat satu keputusan kemudian, dan kalau kata kita boleh back-date — back-date yang dibuat berkenaan dengan Bank Bumiputra ini ialah back-date bukan selepas mahkamah membuat keputusan, tetapi back-date berkenaan dengan kuasa-kuasa PETRONAS membuat sesuatu keputusan yang berbeza dengan Articles of Associationnya dahulu. Jadi, ini juga bermakna bahawa kita tidak dengan membuat undang-undang mematahkan keputusan yang dibuat oleh mahkamah.

Saya tidak hendak bincang berkenaan dengan Tanjong Puteri. Rakyat telah membuat keputusan dan rakyat boleh memutuskan tentang perjalanan pengundian, kempen dan sebagainya di Tanjong Puteri. Itu bukan untuk saya hendak buat analisa di sini. Saya hanya membentangkan ini untuk kepentingan parti-parti

politik seperti DAP dan saya harap pihak DAP dapat menyokong bersama-sama dengan Barisan Nasional. Terima kasih. (*Tepuk*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 7—*

**Perdana Menteri:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 7 dipinda seperti berikut:

Masukkan selepas perkataan-perkataan "perlu untuk" dalam subseksyen (6) seksyen 17B perkataan-perkataan "menguruskan apa-apa harta atau".

Dalam text Inggerisnya:

Masukkan selepas perkataan-perkataan "necessary to" dalam subseksyen (6) seksyen 17B perkataan-perkataan "manage any property or".

Iaitu mengikut notis yang saya sampaikan secara bertulis kepada Tuan Pengerusi hari ini di bawah peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat 57 (2).

**Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masalahnya ialah bahawa pindaan Fasal 7 iaitu masukkan selepas perkataan-perkataan "perlu untuk" dalam subseksyen (6) seksyen 17B perkataan-perkataan "menguruskan apa-apa harta atau" sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah pindaan tersebut disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 7* seperti yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 8 hingga 10* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.48 malam.*

